



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 11**

**Selasa**

**22 September 2020**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 56)

Usul Penangguhan

- Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 15(3)

(Halaman 156)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020

(Halaman 33)

Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara

Bagi Mengurangkan Kesan

Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020

(Halaman 96)

Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020

(Halaman 129)

**UCAPAN PENANGGUHAN**

Kesamaran Kedudukan Suspek atau Pesalah Kanak-kanak

Dalam Perundangan Jenayah Syariah Negeri-negeri

- *Puan Asmak binti Husin*

(Halaman 157)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Selasa, 22 September 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum.* Sebelum kita meneruskan urusan pertanyaan dan jawapan lisan, sukacita saya membuat pengumuman bagi pihak Dewan. Bahawa mulai hari ini, adalah dipohon supaya semua kementerian membekalkan jawapan bertulis masing-masing kepada setiap Ahli Yang Berhormat Senator yang mengemukakan soalan masing-masing yang tidak sempat dijawab secara lisan di pihak kementerian atau pihak Menteri berkenaan.

Misalnya, pada hari ini, kita mempunyai sekian bilangan soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Setelah diteliti soalan-soalan tersebut yang berjumlah 66 soalan, misalnya, hanya 17 soalan yang terjawab. Maka baki itu hendaklah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dan sampaikan jawapan itu kepada Setiausaha Dewan. Setiausaha Dewan akan menyalurkan jawapan-jawapan itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Ini dilaksanakan memandangkan bahawa sebahagian besar soalan-soalan tidak sempat dijawab secara lisan. Oleh itu, jawapan-jawapan bertulis dari kementerian berkenaan akan memberikan penerangan dan penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertugas sebagai Ahli Dewan Negara.

Semoga penetapan ini dapat dipatuhi demi menjayakan Malaysia setapak lagi dalam urusan kemajuan legislatif kita bersama.

**1. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah yang diambil oleh kementerian dalam membendung prestasi nilai Ringgit Malaysia yang semakin merosot.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 18 September 2020, nilai Ringgit telah menyusut sebanyak 0.5 peratus. Penyusutan nilai Ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kebimbangan ketara membabitkan penularan COVID-19 dan kejatuhan harga minyak global.

Namun demikian, memandangkan negara masih merupakan pengeksport bersih, mata wang Ringgit yang kompetitif mempunyai kelebihan secara amnya. Semenjak akhir bulan Mac, sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia menjadi semakin positif berikutan pelaksanaan segera tindak balas dasar oleh bank-bank pusat dan kerajaan di seluruh dunia bagi mengurangkan kesan pandemik COVID-19.

Berikutan perkembangan ini, mata wang Ringgit telah menambah nilai sebanyak 4.2 peratus berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat sejak akhir bulan Mac- ini sehingga 18 September- sejajar dengan pergerakan mata wang serantau yang berubah dalam lingkungan 4.8 peratus hinggalah 10.9 peratus.

Dalam persekitaran global yang mencabar serta pasaran kewangan dunia yang tidak menentu, kadar pertukaran Ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan terhadap keadaan luaran yang berubah-ubah tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Namun begitu, *volatility* Ringgit yang ketara boleh meningkatkan ketidaktentuan dan menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi serta mengambil keputusan yang wajar.

Dalam hal ini, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih teratur dan lancar. Bank Negara Malaysia juga komited dalam memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan Ringgit mencukupi, pasaran terus kekal berdaya tahan dan aktiviti spekulasi dalam pasaran dikurangkan.

Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan pertukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang Ringgit diniagakan di luar pesisir.

Pada masa sama, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai atau, dengan izin, *hedging instrument* dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

Dalam jangka masa panjang, nilai Ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, kerajaan akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan, memperkukuhkan daya saing dan kedudukan fiskal negara.

Sektor perniagaan juga tidak seharusnya bergantung kepada nilai Ringgit semata-mata untuk meningkatkan daya saing, malah patut menumpukan kepada peningkatan produktiviti dan inovasi serta pengurangan kos. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah kesan daripada kejatuhan nilai Ringgit terhadap kenaikan harga barangan keperluan dan kos sara hidup rakyat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kesannya.

#### ■1010

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat. Semenjak akhir ini mata wang asing, sentimen pelabur dan pasaran mata wang dunia semakin positif berikutan pelaksanaan segera tindak balas dasar oleh bank-bank pusat seperti saya sebut tadi. Hal ini mendorong kembali aliran masuk portfolio bukan pemastautin ke pasaran kewangan serantau termasuk Malaysia terutamanya pelaburan ke dalam bon domestik.

Namun begitu pasaran kewangan global masih lagi dalam keadaan tidak menentu kerana kebimbangan berterusan pelabur di sebalik ketidakpastian berkaitan kadar pemulihan pertumbuhan global serta faktor-faktor risiko global lain. Ini seperti pertikaian antara Amerika Syarikat dengan China. Jadi itulah jawapan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

**2. Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan prestasi dan kecergasan atlet-atlet tidak merudum akibat terpaksa meminimumkan latihan mereka berikutan penularan wabak COVID-19.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya kira tidak terlalu lewat untuk saya ucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang saya anggap dan sifat sebagai tempat dan jitu dan moga ia menjadi asbab kepada keperkasaan fungsi Dewan Negara pada masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insya-Allah*, terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Alan, kementerian melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Institut Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan melaksanakan pelbagai program selaras dengan SOP MKN bagi memastikan prestasi dan kecergasan atlet tidak merudum akibat penularan wabak COVID-19.

Program-program latihan yang dijalankan dalam tempoh pelaksanaan perintah Kawalan Pergerakan secara keseluruhan ataupun PKP mahupun sewaktu PKPP adalah seperti berikut:

- (i) modul latihan sendiri- *self-training module* dengan pemantauan secara rapi oleh jurulatih secara atas talian bermula pada 2 April sewaktu PKP dikenakan;
- (ii) pelaksanaan kem latihan program khas untuk atlet-atlet kita yang akan menyertai Sukan Olimpik dan juga Sukan Paralimpik Tokyo dalam program *Road to Tokyo* yang dilakukan secara *quarantine based approach* bermula daripada 1 hingga 30 Jun;
- (iii) program latihan atlet sepenuh masa yang bermula pada 5 Julai 2020 semasa PKPP diperkenalkan;
- (iv) program latihan atlet secara keseluruhan di semua peringkat termasuk di peringkat negeri-negeri setelah berlakunya pembukaan sektor sukan dan rekreasi secara lebih menyeluruh terutama yang membabitkan kebenaran untuk penganjuran kejohanan dan pertandingan tempatan tanpa penonton yang berkuat kuasa 15 Ogos walaupun dalam tempoh PKPP lagi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun atlet-atlet program MSN telah memulakan sesi latihan harian sepenuh masa namun mereka tidak dapat menyertai kejohanan-kejohanan antarabangsa yang telah dirancang sebelum ini disebabkan penularan pandemik COVID-19.

Antara kejohanan yang telah ditangguhkan selain daripada sukan Olimpik adalah Kejohanan Piala Thomas dan Uber, Kejohanan Hoki Piala Sultan Johor, Kejohanan Bawah 19 AFC yang sepatutnya berlangsung di Uzbekistan dan pelbagai lagi. Selain daripada kejohanan, ataupun *Diving Grand Prix Bolzano, Italy*.

Ekoran penangguhan kejohanan-kejohanan tersebut kementerian melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama ISN dan Persatuan Sukan Kebangsaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan prestasi atlet dinilai dan ditingkatkan menerusi penganjuran-penganjuran kejohanan domestik yang dilakukan secara dalaman dan juga dilakukan secara simulasi.

Program-program latihan yang lain juga telah disusun semula menerusi bengkel perancangan program latihan 2020 ke 2022 bersama semua pemegang taruh seperti ISN dan juga Persatuan Sukan Kebangsaan yang pada waktu ini telah menunjukkan impak yang positif di kalangan atlet.

Tambahan daripada itu, Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Program Podium telah ditubuhkan dan telah memberi cadangan jangka pendek bagi memastikan ia di implementasi dalam masa terdekat oleh pihak MSN, ISN dan juga Persatuan Sukan Kebangsaan.

Antaranya ialah pemerksaan pelbagai aspek-aspek sains sukan dan perubahan sukan terutamanya kepada atlet-atlet yang akan terbabit dalam RTT bagi mendapat sokongan dan dorongan kepakaran pihak MSN dan ISN yang terbaik.

Selain daripada untuk memaksimumkan kemampuan dan peluang mereka di temasya Sukan Olimpik Tokyo nanti. Selain daripada itu, atlet-atlet negeri juga telah memulakan sesi latihan secara berperingkat bermula 15 Jun yang lalu selaras dengan pematuhan SOP MKN dan keputusan kerajaan negeri serta Majlis Sukan Negeri bagi menghadapi- antara kejohanan ialah Para SUKMA 8 Mac hingga 13 Mac 2021 dan SUKMA 2020 Johor pada tarikh 2 April hingga 10 April 2021. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Menteri yang sudi hadir sendiri ke Dewan yang mulia ini dan juga usaha yang dilakukan untuk memastikan tahap ataupun prestasi atlet negara berada pada tahap yang cemerlang.

Soalan saya adalah memandangkan COVID-19 tidak akan hilang buat tempoh ini, yang terdekat. Apakah perancangan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan bahawa barisan atlet pelapis ataupun bakat muda kita dapat dicungkil dan lepas itu diserapkan ke pasukan kebangsaan, memandangkan aktiviti ataupun aktiviti sukan dari peringkat akar umbi, dari sekolah, daerah dan negeri tidak dapat ataupun sukar diadakan sepanjang tempoh kawalan pergerakan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih soalan tambahan tadi. Ya, sememangnya sebagai mana yang disebut bahawa ia ada satu cabaran kerana ini bukan hanya dilalui dan dihadapi oleh Malaysia malahan di seluruh dunia.

Namun daripada segi penyediaan pelapis sebagai mana disebut oleh Yang Berhormat tadi, salah satu daripada *venue* kejohanan adalah untuk penyediaan pelapis adalah kejohanan SUKMA 2020 dan demikian juga Kejohanan Para SUKMA. Maka sebab itulah kejohanan tersebut masih lagi diteruskan kerana kita melihat bahawa perlu latihan-latihan

yang berlaku di peringkat negeri terutamanya membabitkan atlet-atlet pelapis diteruskan supaya tidak ada *discontinuity*, dengan izin, tidak ada ketidaksinambungan kepada latihan-latihan di samping kita memberi pendedahan dan juga kita memberi penekanan yang penting kepada mereka yang akan menyertai sukan-sukan yang utama termasuk Sukan Olimpik.

Jadi untuk maklumat kepada Yang Berhormat juga, kejohanan-kejohanan yang selain daripada apa yang disebut kita juga lakukan juga kejohanan-kejohanan secara *online* bagi memastikan kebolehsaingan atlet-atlet kita ini dapat diteruskan. Contohnya, di bawah acara *diving*, walaupun tidak boleh ke luar negara, walaupun kita tidak boleh mendapat penyertaan daripada atlet-atlet luar negara ke dalam negara kita tetapi kita telah usahakan untuk lakukan kejohanan renang secara *online* yang disertai oleh beberapa negara luar termasuk daripada negara New Zealand dan daripada negara-negara Eropah yang akan melakukan terjunan tetapi akan dibuat penilaian oleh *judges* yang datang dari seluruh negara yang lain.

Secara tidak langsung ini adalah satu usaha untuk mengekal *the competitive pace of athlete* tersebut agar bila mana mereka menyertai mereka akan mendapat keupayaan untuk mencapai apa yang disebut sebagai *peaking performance* bila mana sampai dalam sukan RTT ataupun Tokyo 2020 nanti. Jadi itu sahaja jawapan yang saya dapat berikan dan *insya-Allah* kita akan mengambil pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**3. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, mengenai perancangan kementerian untuk membina 100 ribu buah rumah dalam tempoh setahun, sehingga mencapai sasaran satu juta rumah dalam tempoh 10 tahun. Apakah jaminan kementerian dalam memastikan rumah-rumah yang dibina akan terjual, sedangkan yang siap dibina masih banyak yang tidak terjual, dengan nilai RM22.5 bilion.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus menyediakan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan perumahan tempatan rakyat terutama golongan B40 dan M40.

■1020

Sasaran penyediaan rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah seperti berikut:

- (i) Rumah PR1MA: 70,154 buah;
- (ii) Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB): 65 ribu buah;
- (iii) Perumahan Penjawat Awam (PPAM): 45 ribu buah;
- (iv) Program Perumahan Rakyat (PPR): 25 ribu buah;
- (v) Rumah Malaysia: 12 ribu buah; dan

(vi) Rumah Transit Belia: 10 ribu buah.

Jumlah semua ialah sebanyak 227 ribu buah rumah. Ketetapan sasaran sebanyak 1 juta rumah dalam tempoh 10 tahun adalah merupakan manifesto kerajaan dahulu. Namun demikian, jumlah sebenar perancangan dan sasaran tertakluk kepada pelbagai faktor termasuk keperluan, keadaan ekonomi dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan laporan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), transaksi rumah siap dibina dan tidak terjual pada suku pertama tahun 2020 ialah sebanyak 29,698 unit daripada sejumlah 127,604 unit rumah yang telah dilancarkan iaitu dengan nilai RM18,906.81 juta. Bilangan unit rumah siap dibina tidak terjual pada suku pertama tahun 2020 ini menunjukkan pengurangan berbanding unit rumah siap dibina tidak terjual pada suku keempat tahun 2019 iaitu sebanyak 30,664 unit.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kelulusan sesuatu projek perumahan oleh pihak pemaju swasta adalah berdasarkan kelulusan kebenaran merancang daripada pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Sebelum permohonan, lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan dibuat kepada KPKT.

Secara umumnya, penetapan harga penjualan rumah adalah di luar bidang kuasa kementerian dan ditentukan oleh pasaran secara terbuka. Walau bagaimanapun, kementerian telah menetapkan harga siling rumah mampu milik di bandar dan luar bandar bagi setiap negeri berdasarkan Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) yang menggunakan ketetapan gandaan medium ataupun *medium multiple*, dengan izin, pengiraan harga rumah yang mampu dimiliki adalah berdasarkan tiga kali ganda pendapatan tahunan isi rumah penengah atau *median*, dengan izin, penduduk di bandar dan luar bandar bagi setiap negeri.

Antara punca berlaku unit rumah tidak terjual adalah disebabkan ketidakmampuan membeli rumah mengikut harga pasaran dan ketiadaan sistem bersepadu bagi memastikan kesepadanan antara penawaran dan permintaan mengikut lokasi. Sehubungan dengan itu, antara usaha-usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan rumah yang akan dibina dapat dijual mengikut keperluan setempat adalah seperti berikut.

Pertama, memastikan harga rumah projek-projek perumahan yang dibangunkan oleh kerajaan mengikut Dasar Rumah Mampu Milik Negara iaitu harga maksimum sehingga RM300 ribu.

Kedua, mencadangkan agar pihak pemaju perumahan membuat kajian kebolehlaksanaan agar masalah lebih bekalan perumahan dapat diatasi atas tempoh jangka masa panjang sebelum kelulusan pemaju perumahan yang baharu dibuat.

Ketiga, KPKT sedang melaksanakan kajian Analitis Data Raya Perumahan yang bertujuan mendapatkan gambaran sebenar mengenai pengurusan perumahan di Malaysia.



Keempat, membangunkan *Housing Integrated Management System* (HIMS), dengan izin, yang bertindak sebagai *one-stop center*, dengan izin, secara atas talian bagi urusan di bawah Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 berkaitan pengeluaran lesen kawalan dan pemantauan projek serta penguatkuasaan dan pengemaskinian maklumat pemaju projek perumahan swasta. Sistem ini dijangka siap pada April 2021.

Kelima, menambah baik koordinasi antara pembangunan perumahan dan pengangkutan untuk kualiti hidup yang lebih baik.

Antara usaha kerajaan bagi mengatasi masalah kelebihan bekalan rumah kediaman adalah melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) 2020. Pelan ini dilaksanakan melalui inisiatif Kempen Pemilikan Rumah- *Home Ownership Campaign 2020*, dengan izin, yang mana insentif oleh kerajaan diberikan melalui pengecualian duti setem, insentif oleh pemaju perumahan pula diberikan melalui diskaun harga jualan sekurang-kurangnya sebanyak 10 peratus. Kedua-dua insentif ini dapat mengurangkan harga belian rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mengikut *National Property Information Center* (NAPIC), sebanyak 27.4 peratus rumah yang tidak terjual ataupun *overhang* adalah rumah yang telah mendapat CF lebih daripada sembilan bulan tetapi tiada pembeli. Daripada jumlah itu 29 peratus adalah rumah *flat* kos rendah. Jadi, ini sepatutnya untuk golongan B40. Jadi, apakah langkah kerajaan yang spesifik yang boleh membantu golongan B40 untuk memiliki rumah? Jika tidak, saya rasa jumlah ini akan bertambah tahun demi tahun. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, beberapa langkah telah pun diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya pemilik-pemilik rumah yang di bawah B40 ini dapat membeli rumah dengan harga yang berpatutan. Ini termasuklah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan sekarang di bawah PENJANA sepertimana yang saya sebutkan tadi dan juga program-program kelonggaran sewa rumah, pinjaman perumahan dikecualikan atau diperluaskan bukan sahaja sebanyak 70 peratus dan sebagainya.

Ini antara usaha-usaha yang dibuat. Oleh sebab itu lah, daripada segi penawaran rumah ini kita cuba mengawal. Ini supaya kita tidak terlalu ghairah untuk membina rumah sepertimana yang disasarkan kepada sebanyak 1 juta buah rumah bagi 10 tahun ini, tetapi ia akan dibuat berdasarkan keperluan semasa. Ini supaya harga rumah ini akan dapat kita kawal dan membolehkan pembeli-pembeli rumah termasuk B40 ini mampu untuk membeli rumah yang sesuai untuk mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dikenal pasti oleh kerajaan bagi pemerkasaan tenaga kerja di dalam negara selaras dengan tuntutan kehidupan norma baharu pasca pandemik COVID-19.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu yang membangkitkan soalan berkenaan dengan langkah-langkah kerajaan ketika menghadapi norma baharu pandemik COVID-19, *alhamdulillah*.

Penularan wabak COVID-19 pada suku pertama tahun ini telah memberi impak bukan sahaja terhadap sektor ekonomi negara malah ia turut memberi perubahan besar kepada keseluruhan kehidupan rakyat Malaysia termasuk penerimaan norma baharu dalam semua aktiviti seharian. Sudah semestinya pembudayaan norma baharu ini menuntut komitmen kolektif daripada pelbagai pihak di sektor sama ada kerajaan, swasta mahupun masyarakat awam.

Antara norma baharu yang telah ditetapkan dalam sektor pekerjaan adalah amalan kerja dari rumah ataupun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *work from home*. Melalui kaedah ini kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia memberi kelonggaran kepada mana-mana pihak majikan meletakkan SOP pekerjaan yang sesuai untuk dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan antara majikan dan pekerja. Majikan juga boleh menentukan jenis pekerjaan yang sesuai dilaksanakan oleh kakitangan di samping memastikan faedah-faedah pengajian dapat dinikmati sama seperti kaedah bekerja di pejabat.

Selain itu, kerajaan juga telah menguatkuasakan Akta Standard Minimum Perumahan Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446 (Pindaan 2019)] mulai 1 September 2020 yang menetapkan kewajipan majikan menyediakan penginapan mengikut spesifikasi tertentu sepertimana garis panduan yang ditetapkan dalam COVID-19 ini. Pindaan Akta 446 ini turut bertujuan menambah baik *standard operating procedure*, dengan izin, berkenaan penginapan atau asrama pekerja asing yang menggariskan standard ruang minimum kediaman, kemudahan asas serta elemen keselamatan dan kebersihan yang perlu dititikberatkan oleh majikan.

#### ■1030

Melalui Akta 446 ini, penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19, SARS, Denggi, *Leptospirosis* dan Tuberkulosis dapat dibendung sekali gus menjamin kebajikan dan keselamatan semua pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah kerajaan seterusnya kerajaan mengumumkan pembekuan pengambilan pekerja asing baharu dalam semua sektor yang dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing sehingga 31 Disember 2020. Kerajaan juga apabila kita

menghadapi situasi COVID-19 ini, terus mengambil langkah-langkah yang lebih positif dengan memperkenalkan program insentif pengambilan pekerja iaitu *Hiring Incentive Programme*, dengan izin, bantuan mobiliti dan program latihan bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara ataupun PENJANA.

Kerajaan juga melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) melalui dua jenis faedah iaitu faedah berbentuk kewangan dan juga faedah bantuan mencari pekerjaan kepada mereka yang terlibat *retrenchment* ataupun dalam pembuangan pekerja, *redeployment*, dengan izin. Di samping itu, kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional (JKPN) yang berperanan untuk membincangkan *long-term reform initiative*, dengan izin, serta menyelaras dan memantau pelaksanaan semua inisiatif pekerja di bawah PENJANA. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, masalah tuntutan pembantu rumah semakin kritikal. Adakah kerajaan merancang memperkasakan kumpulan B40 bagi memandangkan permintaan ini atau kementerian berniat untuk membenarkan pengambilan pekerja asing.

**Tuan Haji Awang bin Hashim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu berkenaan dengan pekerja asing terutamanya pembantu rumah. Untuk makluman, kerajaan masih lagi terus menetapkan pembekuan pekerja asing sehingga 31 Disember kerana kita melihat penularan COVID-19 ini faktor utama adalah kerana pergerakan manusia. Jadi buat masa ini, kita pun menerima banyak pertemuan, aduan-aduan daripada persatuan pembantu rumah ini untuk mengisi kerja-kerja yang diperlukan dalam peluang pekerjaan ini.

Jadi penggajian pekerja asing di Malaysia bersifat sementara dan tidak menafikan hak rakyat tempatan terhadap peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan. Dasar Penggajian Pekerja Asing telah menggariskan bahawa keutamaan penggajian adalah untuk rakyat tempatan, majikan dikehendaki memaklumkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Kerja bagi membolehkan pencari kerja rakyat tempatan yang berdaftar dengan JTK diberi keutamaan dengan dipilih mengisi kekosongan tersebut, termasuklah dalam kita hendak mencari pembantu rumah ini.

Sekarang ini adalah peluang untuk kita memberi peluang-peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja tempatan. Macam sekarang ini pekerja yang ada di Singapura, pekerja warganegara Malaysia seramai 400 ribu tidak dapat kembali ke Malaysia. Jadi saya harap, pihak kementerian sangat berharap supaya agensi-agensi pekerjaan ini mengambil peluang ini. Hanya 2000 sahaja yang balik untuk mengisi peluang pekerjaan di Malaysia. Jadi, ambillah peluang ini bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan yang banyak. Ada seramai 1.7 juta pekerja asing yang bekerja di Malaysia sekarang ini, 300 ribu hingga kepada 400 ribu akibat

COVID-19 boleh diisi oleh pekerja-pekerja tempatan termasuk pembantu-pembantu rumah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol kepada Kementerian Pertanian.

**5. Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, prestasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dalam melaksanakan Ladang Kontrak, dan sejauh mana program tersebut telah berjaya membangunkan usahawan agro (agropreneur).

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawij]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator yang bertanya dan juga Ahli Dewan sekalian, Program Ladang Kontrak merupakan program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Pertanian Malaysia, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah serta Kementerian Pemodenan Pertanian Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak.

Melalui program ini, setiap jabatan dan agensi pelaksana mempunyai peranan tersendiri di mana setiap peserta akan dibimbing dan diberikan bantuan dalam aspek penanaman sehinggalah ke pemasaran produk. Peranan FAMA adalah sebagai agensi pemasaran yang melaksanakan jaminan pasaran melalui beberapa strategi seperti pengaturan pasaran, penganjuran program-program jualan dan pemasaran serta belian terus.

Pada tahun 2020 seramai 3,245 orang petani yang terlibat dalam program ini. Setiap peserta akan dipantau oleh jabatan dan agensi pendaftar masing-masing dan menerima bantuan pemasaran daripada FAMA. Antara kaedah pemasaran yang dilaksanakan adalah pengaturan pasaran di mana FAMA membantu peserta untuk memasarkan produk mereka ke pasaran yang telah dikenal pasti.

Sebagai contoh, melalui program pengaturan peserta ladang kontrak dengan peserta pasar tani seramai 564 peserta telah menandatangani perjanjian dengan jangkaan hasil sebanyak 2,469 metrik tan yang bernilai RM4.54 juta. Selain itu, pengaturan pasaran turut dilaksanakan dengan pelbagai segmen pasaran seperti pasar raya, pemborong, pengilang dan peserta IKS. Seramai 1,238 peserta ladang kontrak telah mendapat manfaat dengan pengaturan ini dengan kuantiti jualan sebanyak 22 ribu metrik tan dan bernilai RM38.39 juta.

Pengaturan pasaran bersama pengeksport turut dilakukan bagi membuka ruang pasaran serta menjamin konsistensi bekalan. Pada tahun ini, seramai lima pengeksport bagi

komoditi durian dan nangka telah diaturkan pasarannya dengan jangkaan hasil sebanyak 1.19 metrik tan dengan nilai RM1.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, peserta ladang kontrak juga turut didedahkan dengan pasaran runcit terus kepada pengguna melalui program jualan terus dari ladang. Program ini telah memberi ruang pasaran alternatif kepada pengeluar untuk mendapat margin keuntungan yang lebih tinggi serta memahami kehendak pengguna. Sebanyak 246 program telah dilaksanakan sepanjang tahun ini dan berjaya memasarkan 940 metrik tan hasil keluaran yang bernilai RM1.88 juta.

Peserta ladang kontrak juga turut diberi pilihan untuk menandatangani *forward agreement* iaitu perjanjian jual beli bersama FAMA berdasarkan kriteria pembekalan yang telah ditetapkan. Sehingga Julai 2020, sebanyak 319 *forward agreement* telah ditandatangani dengan FAMA dengan anggaran nilai sebanyak RM6.25 juta. Secara keseluruhannya, Program Ladang Kontrak yang dilaksanakan secara integrasi oleh pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI telah berjaya mendidik dan membangunkan usahawan agro yang mampu menghasilkan produk mengikut keperluan pasaran.

Pencapaian secara keseluruhan, secara ringkasnya saya sebutkan daripada tahun 2016 sehingga 2019, peserta daripada 5,245 kepada 6,569 iaitu peningkatan 25 peratus dari segi keluasan daripada 10,486 hektar kepada 13 ribu hektar. Daripada segi hasil kuantiti, daripada 308 ribu kepada 462 ribu iaitu peningkatan sebanyak 50 peratus. Manakala nilai jualan daripada RM603 juta kepada RM898 juta pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 49 peratus. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya adalah adakah FAMA turut membeli dan memasarkan nanas segar ke luar negara? Soalan ini adalah sedikit latar belakang Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal latar belakang...

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** ...Sekarang ramai di Sarawak yang menanam nanas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan sahaja.

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** Akan tetapi, susah untuk mendapatkan pasaran. Jadi, adakah FAMA turut memasarkan nanas segar kepada pasaran di luar negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

#### ■1040

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta 141, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyatakan bahawa komoditi nanas tidak termasuk dalam komoditi yang diuruskan oleh FAMA. Komoditi ini

dibangunkan pengeluaran dan pemasarannya oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia yang juga merupakan agensi di bawah MAFI. Namun FAMA turut membantu Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia ini dalam pemasaran domestik sebagai contohnya terdapat 10 orang pengeluar nanas telah menandatangani *forward agreement* bersama FAMA dengan kuantiti sebanyak 112.55 metrik tan yang bernilai RM132 ribu.

Manakala bagi pengaturan dan akses pasaran luar negara pula, FAMA tetap memberikan kerjasama kepada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia untuk membantu usahawan menyertai *trade mission* seperti yang pernah kita buat ke Dubai, China dan juga ke *Singapore*. Kalau Yang Berhormat ada kes-kes yang spesifik terhadap masalah pemasaran hasil nanas ini, bolehlah terus berhubung dengan jabatan-jabatan ataupun agensi berkaitan ini ataupun terus kepada kementerian untuk diselesaikan, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sempena kita bersoal jawab, saya bawa perhatian kepada peraturan 22(1)(c) supaya soalan itu sahaja ditumpukan kepada yang berkenaan tanpa sangkaan, latar belakang dan sebagainya.

Terus kepada Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**6. Tuan Kamarudin bin Abdun** minta Perdana Menteri menyatakan, berapa peratus projek *Chuping Valley* (CVIA) yang terletak di negeri Perlis telah berjalan sehingga kini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun ialah berkaitan dengan kemajuan di Lembah Chuping Perlis.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini diluluskan pada tahun 2016 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas dengan peruntukan sebanyak RM197.9 juta. Ia mempunyai dua komponen. Pertama, dipanggil Pusat Perniagaan Bersepadu (IBC). Kedua, kerja-kerja tanah, sistem jalan raya dan lain-lain.

Tujuannya ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur untuk menarik pelaburan ke negeri Perlis. Itu tujuan, sedikit latar belakang Tuan Yang di-Pertua. Antara industri yang akan di tarik di sini ialah industri solar, industri pembuatan hijau dan industri halal.

Komponen pertama dipanggil IBC sebanyak RM40 juta telah dibelanjakan sudah pun siap dan 30 peratus sudah pun disewa oleh pihak tertentu termasuklah sebuah syarikat bernama TECHSOFT untuk menguji elektrik, juga PDRM sudah pun menyewa di sana dan beberapa syarikat lain akan masuk termasuklah dalam bidang peranti perubatan di IBC. Itu bahagian pertama.

Komponen kedua ialah untuk dibina kawasan industri 2,468.7 ekar dalam dua fasa. Fasa pertama, 440 ekar. Dalam pembinaan fasa pertama ini ialah sebanyak 60 ekar. Peruntukannya, kesemua untuk fasa pertama adalah sebanyak RM184 juta. Kemajuan, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun adalah sebanyak 10 peratus baru. Dijangka siap pada tahun hadapan bulan Januari. Keseluruhan fasa pertama akan siap pada Mei 2022. Peruntukannya sebanyak RM184 juta.

Seterusnya, lebih 2,000 ekar akan dibangunkan bermula pada hujung tahun 2022, kosnya kira-kira RM500 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin, ada empat pelabur tempatan sudah menunjukkan minat untuk melabur di sini dengan pelaburan sebanyak RM415 juta, peluang pekerjaan 500 orang. Bagi pelaburan asing, ada juga yang berminat iaitu sebanyak empat, kebanyakan dalam bidang elektrikal dan elektrik. Pelaburannya adalah sebanyak RM550 juta dan 5,100 peluang pekerjaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang dengan sendiri hadir untuk bersama-sama kita untuk menjawab soalan. Ini juga diteruskan pandangan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri yang hadir. Oleh sebab dalam peraturan yang disebut ialah 'Menteri' walaupun ada masa Timbalan Menteri boleh mewakili tanggungjawab itu untuk memberi jawapan. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin jika ada?

**Tuan Kamarudin bin Abdun:** *Alhamdulillah*, syukur atas jawapan yang telah diberikan. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Penerangan tidak boleh, soalan boleh.

**Tuan Kamarudin bin Abdun:** Okey [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 22(1)(c) [*Ketawa*]

**Tuan Kamarudin bin Abdun:** Okey, okey. Minta maaf. Soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dia.

**Tuan Kamarudin bin Abdun:** Apakah Kerajaan Pusat dapat membantu Kerajaan Negeri Perlis bagi mempergiatkan pelaburan di negeri Perlis dengan memberi bantuan dari segi menaik taraf kemampuan elektrik dan air? Itu sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kerajaan Pusat memang membantu kerajaan-kerajaan negeri. Untuk menarik pelaburan ini ditubuhkan sebuah agensi bernama MIDA kebetulan Ketua Pengarahnya adalah orang Perlis dan beliau cukup arif dengan isu-isu di Perlis. Memang kemudahan elektrik dan juga air adalah penting, jadi tidak guna kita bina infrastruktur tetapi elektrik dan air tidak ada.

Saya melawat Perlis bulan Julai yang lalu termasuklah *Chuping Valley* kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator, antara isu yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah isu bekalan air khususnya *non-revenue water* (NRW) ataupun air yang tidak dibayar. Jadi, saya ucap terima kasih kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator. Memang Kerajaan Pusat akan berusaha.

Jadi kita belanja sebanyak RM180 juta untuk membina kawasan industri di Chuping ini. Ia akan membazir sekiranya tidak ada, dengan izin, *supporting infrastructure*, dan *insya-Allah* kita akan bersama kerajaan negeri untuk pastikan bahawa masalah-masalah yang bakal dihadapi akan dapat ditangani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris terhadap Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

**7. Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, pencapaian terkini pasukan khas di bawah kementerian ini yang ditubuhkan pada April lalu bagi meneroka peluang dengan negara lain untuk menghasilkan vaksin COVID-19.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

*16 September Hari Malaysia;  
Dari Perlis ke Sabah dirayakan bersama;  
Vaksin COVID-19 yang muktamad belum dijumpa;  
Kerana itu janganlah leka- berjaga-jaga.*

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam usaha membantu pembangunan vaksin COVID-19 pembangunan vaksin COVID-19, kluster kolaborasi antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta Kementerian Luar Negeri (MOFA) dibentuk bagi mencari peluang untuk mewujudkan kerjasama strategik melibatkan badan-badan antarabangsa, agensi dan syarikat tempatan bagi membolehkan Malaysia memperoleh kemudahan untuk pembangunan vaksin dan perubatan dalam mencegah COVID-19.

Kolaborasi ini penting di dalam menggerakkan hubungan diplomatik negara bagi memastikan Malaysia diberi keutamaan serta dilibatkan sama di dalam proses penghasilan vaksin. Diplomasi sains melalui jaringan antarabangsa ini diharap dapat mengurangkan tempoh menunggu bagi Malaysia mendapatkan vaksin. MOSTI juga telah mengambil inisiatif untuk terlibat di dalam pertubuhan *Coalition for Epidemic Preparedness Innovations* (CEPI). Penyertaan Malaysia sebagai ahli CEPI membolehkan Malaysia mendapat akses kepada



pembangunan vaksin. Pemindahan teknologi dan kepakaran baharu kepada penyelidik tempatan.

MOSTI sedang di dalam proses bekerjasama dengan negara dan agensi di antaranya dengan negara China, Thailand, Rusia, Cuba dan *Coalition for Epidemic Preparedness Innovations* (CEPI). Malaysia telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Kerajaan China dengan agensi berkaitan seperti Sinovac Biotech Ltd. dan Sinopharm. Walau bagaimanapun, memandangkan jangkitan COVID-19 Malaysia semakin berkurangan, kedua-dua syarikat tersebut kurang berminat untuk melaksanakan ujian klinikal fasa tiga di dalam negara Malaysia.

#### ■1050

Selain daripada itu, hasil perbincangan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi melalui *video conferencing* bersama Menteri Sains dan Teknologi Republik Rakyat China pada 29 Julai yang lalu, telah membincangkan mengenai vaksin COVID-19 ini. Salah satu tindakan susulan daripada mesyuarat tersebut adalah Kerajaan Malaysia akan mengadakan perjanjian kerjasama bersama dengan pihak Menteri Sains dan Teknologi Republik Rakyat China agar Malaysia dalam kalangan negara yang terawal mendapat bekalan vaksin COVID-19 apabila sahaja vaksin tersebut diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Selain daripada itu, perbincangan turut diadakan bersama dengan *National Vaccine Institute of Thailand* di dalam usaha sama pembangunan vaksin. MOSTI melalui agensi di bawahnya iaitu NIBM telah menandatangani *Letter of Intent* dengan Kedutaan Rusia di Malaysia untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai vaksin terbaharu *Russian Direct Investment Fund* (RDIF) yang telah memperoleh hak eksklusif sebagai pembekal vaksin Sputnik V ke seluruh dunia.

Sputnik V merupakan vaksin yang dibangunkan oleh *Gamaleya National Research Center of Epidemiology and Microbiology* iaitu agensi yang sama yang telah membangunkan vaksin virus Ebola, dan virus *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS). Ujian klinikal fasa 3 Sputnik V dijangka melibatkan peserta di seluruh dunia. Perbincangan lanjut akan diadakan dengan Kedutaan Rusia di dalam masa yang terdekat.

Seterusnya, MOSTI juga melalui NIBM telah menandatangani LOI dengan Kedutaan Cuba di Malaysia dan telah menyatakan hasrat untuk berkolaborasi dengan *Finlay Vaccine Institute* dan *Center for Genetic Engineering and Biotechnology Cuba* bagi mendapatkan akses kepada vaksin COVID-19 yang sedang di dalam pembangunan.

MOSTI telah menjalani satu perbincangan bersama *Imperial College London* berhubung potensi kolaborasi ujian klinikal fasa 3 vaksin COVID-19, perjanjian pembayaran pendahuluan- *advance purchase agreement*, antara *Imperial College London*, dan Kerajaan

Malaysia diperlukan sekiranya Malaysia bersetuju untuk mendapatkan akses vaksin yang dibangunkan oleh mereka.

Di dalam hal ini, MOSTI juga telah mengambil inisiatif juga untuk terlibat di dalam CEPI penyertaan Malaysia sebagai ahli CEPI bagi membolehkan Malaysia mendapatkan akses kepada pembangunan vaksin, pemindahan teknologi dan kepakaran terbaharu kepada penyelidik tempatan. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk Malaysia menyertai inisiatif Malaysia CEPI. Ujian klinikal di Malaysia ke atas vaksin COVID-19 yang dibangunkan oleh CEPI, dan pengujian calon vaksin tempatan ke atas COVID-19. Faedah yang diperolehi oleh Malaysia dengan menyertai platform CEPI ini adalah:

- (i) keutamaan diberikan kepada negara-negara anggota CEPI untuk menyertai ujian pra klinikal dan ujian klinikal vaksin baharu terutamanya apabila berlakunya sesuatu wabak;
- (ii) akses kepada data-data penyelidikan R&D berkaitan penghasilan vaksin yang dibiayai oleh CEPI. Sebagai contoh menyediakan vaksin kumpulan penyelidik di *Oxford University*; dan
- (iii) peluang berinteraksi bersama pakar-pakar penyelidikan pembangunan vaksin daripada seluruh dunia.

Saya rasa itu sahaja jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun dah panjang Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim:** Ya, panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum kita menjawab, kita gariskan apa kehendak soalan itu dan dijawab dengan tepat. Kalau kita terus memberi huraian seperti yang diberikan oleh pegawai semua, maka Yang Berhormat mungkin kehilangan punca untuk menfokuskan soalan itu kepada Yang Berhormat bertanya. Sila Yang Berhormat Senator Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama negeri, negeri Terengganu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama, *alhamdulillah*.

**Datuk Razali bin Idris:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, negeri Terengganu masih lagi hijau COVID-19, kosong tetapi kita melihat secara keseluruhan.

Soalan saya sebenarnya menjerus kepada pasukan khas. Jadi sudah hampir enam bulan pasukan khas ditubuhkan. Saya hendak tahu, sejauh mana kemampuan makmal diagnostik yang disediakan dalam melakukan ujian? Adakah kementerian menggunakan data raya atau *big data* dalam membangunkan pemetaan kawasan penularan COVID-19 bagi membantu pihak berkaitan dalam pemantauan dan juga pencegahan COVID-19? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim:** Terima kasih atas soalan tambahan. Dalam hubungan ini, MOSTI bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia di dalam melakukan pemantauan. Betul, kita bekerjasama antara lain dengan KKMM, MOH dan juga Kementerian Luar Negeri di dalam memastikan kita mempunyai akses kepada semua maklumat ini.

Juga di MOSTI melalui *Malaysia Genome Institute*, sehingga sekarang kita telah menjujuk lebih daripada 115 jujukan *genome* yang sentiasa ada sahaja yang baharu. Kita setakat yang boleh saya maklumkan di sini, memang sentiasa di dalam pemantauan kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Data raya tadi tidak ada kaitan?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim:** Data raya ini dibangunkan...

**Datuk Razali bin Idris:** Makmal diagnostik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim:** Makmal diagnostik di bawah KKM.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya celah situ sebab COVID-19 ini masalah besar kita. Lantaran itu kita menghargai huraian dan pelaksanaan. Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**8. Tuan Liew Chin Tong** minta Perdana Menteri menyatakan, komitmen kerajaan melaksanakan Ombudsman Malaysia untuk menggantikan Biro Pengaduan Awam sebagai usaha meningkatkan kecekapan dan ketelusan tadbir urus awam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**

**[Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong minta supaya kita menjelaskan komitmen kerajaan melaksanakan Ombudsman Malaysia untuk menggantikan Biro Pengaduan Awam sebagai usaha meningkatkan kecekapan dan ketelusan tadbir urus awam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ombudsman merupakan satu platform untuk orang awam menyalurkan aduan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam serta memastikan kerajaan berfungsi secara cekap dan berkesan ke arah demokrasi yang berakuntabiliti. Ombudsman adalah konsep yang menyeluruh, yang diterima pakai dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dan kebanyakan negara demokrasi. Lebih kurang 60 peratus daripada negara di dunia ini telah mempunyai institusi ombudsman iaitu 115 daripada 195 buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan untuk menubuhkan ombudsman bermula semenjak tahun 2018 di mana Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah

pada 21 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan sistem Ombudsman Malaysia dalam perkhidmatan awam. Seterusnya pada 19 Oktober 2019, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah tersebut, dan pada 1 November 2019, kerajaan telah bersetuju dengan penetapan dasar penubuhan Ombudsman Malaysia.

Kini, kerajaan komited ke arah memperkasakan Biro Pengaduan Awam (BPA) kepada Ombudsman Malaysia bagi pengurusan aduan awam. BPA telah meneliti model dan undang-undang ombudsman di sembilan buah negara lain seperti *United Kingdom*, Sweden, Australia, New Zealand, Hong Kong, Filipina, Thailand, Gambia dan Namibia serta undang-undang institusi agensi Kerajaan Malaysia seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Jabatan Audit Negara.

Dalam konteks ini, fungsi ombudsman yang sedang dikaji merangkumi khidmat nasihat- *advisory*, merancang- *planning*, memantau- *monitoring*, menilai- *evaluation*, mengemukakan syor-syor- *recommendation*, dan melapor- *reporting*. Fungsi-fungsi tersebut akan diberi perhatian dan kuasa dalam akta yang dicadangkan.

#### ■1100

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, pihak GIACC telah mengadakan sesi Bengkel Pemurnian Draf Rang Undang-undang Ombudsman (RUU Ombudsman) bersama wakil dari Biro Pengaduan Awam, dari Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Pejabat Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bagi meneliti peruntukan Rang Undang-undang Ombudsman pada 11 hingga 13 September 2020. Hasil pemurnian draf rang undang-undang tersebut akan dibincangkan bersama Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam masa terdekat sebelum ia dibentangkan di Parlimen. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong:** Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan *timeline*, berikan bila jangka rang undang-undang ini akan dibentangkan ke Parlimen.

Saya mohon Jawatankuasa Parlimen ditubuhkan di Dewan Negara dan juga di Dewan Rakyat supaya meneliti dan juga melibat urus dalam perbincangan rang undang-undang. Terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong. Berkenaan dengan tempoh masa yang disoalkan tadi, ia adalah bergantung kepada selesainya urusan pemurnian kepada peruntukan Rang Undang-undang Ombudsman tersebut. *Insyallah*, pihak Peguam Negara ataupun AGC dalam masa yang terdekat akan cuba untuk melengkapkan draf rang undang-undang tersebut untuk dibentangkan di dalam

Parlimen. Jadi, kita mengharapkan kalau sempat pada persidangan awal tahun hadapan, mungkin perkara ini akan dapat dimurnikan. Cadangan Yang Berhormat untuk kita menubuhkan satu jawatankuasa yang berkenaan akan dinilai dan dipertimbangkan. Terima kasih.

**9. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kerajaan akan mewujudkan semula Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab membentuk dasar, merancang dan melaksanakan pembangunan serta mengawal selia sektor pengangkutan dalam negara ini. Sektor pengangkutan ini termasuklah segmen pengangkutan awam darat yang dianggap nadi penting dalam melengkapkan jaringan dan kesalinghubungan pelbagai mod pengangkutan di negara kita ini.

Selepas pembubaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada tahun 2018, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan bagi menggantikan SPAD yang sebelum ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tujuan utama penubuhan APAD adalah bagi memastikan kelancaran dan kesinambungan pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan berkaitan dengan transformasi pengangkutan awam darat.

Pelaksanaan dasar dan inisiatif ini kekal dilaksanakan oleh bekas kakitangan SPAD yang ditawarkan perkhidmatan secara kontrak di APAD, Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan bagi tempoh dua tahun sehingga 31 Disember 2020. Kerajaan telah mengambil keputusan ini antara lain bertujuan untuk menambah baik aspek pengurusan dan perbelanjaan kewangan kerajaan selain daripada bagi memastikan keberkesanan dan keseragaman aspek perancangan dasar dan pembangunan pengangkutan awam darat di seluruh negara.

Pemusatan semua agensi yang terlibat dalam aspek perancangan, pembangunan dan penguatkuasaan berkaitan pengangkutan di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan didapati akan dapat menambah baik aspek keberkesanan, inklusiviti dan koordinasi pembangunan dan pelaksanaan dasar serta inisiatif yang dirancang. Di atas faktor yang diberikan ini, Kementerian Pengangkutan setakat ini tiada perancangan untuk menubuhkan semula SPAD.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan mempunyai cadangan untuk menetapkan hala tuju APAD bagi memperkasakan lagi fungsi kawal selia industri pengangkutan awam darat. Satu jawatankuasa khas yang dianggotai oleh pihak-pihak berkepentingan akan ditubuhkan untuk menetapkan dan memuktamadkan hala tuju tersebut. Sekian, terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan bersedia untuk menyerap kakitangan SPAD yang berstatus kontrak ke status tetap atau apakah jaminan yang diberikan bagi kesejahteraan pekerja-pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan semasa pemerintahan PH yang lalu? Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Bagi memastikan kelangsungan dan kesinambungan, pelbagai projek dan inisiatif transformasi pengangkutan awam darat negara, kakitangan APAD dan bekas kakitangan SPAD yang sedang berkhidmat di Kementerian Pengangkutan dicadangkan ditawarkan pelanjutan kontrak perkhidmatan untuk tempoh dua tahun lagi bermula 1 Januari 2021 atau sehingga cadangan jawatankuasa khas tersebut dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri, mana yang terdahulu.

Pada masa ini, perundingan berhubung cadangan pelanjutan kontrak perkhidmatan para pegawai terlibat sedang dilaksanakan oleh pihak MOT bersama Agensi Pusat Persekutuan yang terlibat. Cadangan perlanjutan kontrak ini juga membuktikan keprihatinan kerajaan sedia ada terhadap masa hadapan dan karier kakitangan ini khususnya dalam menempuh kelembapan ekonomi pasca pandemik COVID-19.

Setakat Disember 2019, seramai 829 orang daripada 961 orang bekas kakitangan SPAD telah ditawarkan perkhidmatan secara kontrak perkhidmatan sama ada di APAD, Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang lain. Sekian, terima kasih.

**10. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah cadangan untuk membolehkan lebih senang dan mampu anak muda memiliki rumah pertama mereka atau menyewa tempat tinggal terutamanya di sekitar dan berhampiran pusat bandar besar utama.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah.

Untuk makluman Yang Berhormat atau mungkin Yang Berhormat Senator juga mengetahui kerana Yang Berhormat Senator pernah berada di tempat saya ini, di antara usaha sedia ada pihak kementerian bagi membantu anak muda untuk memiliki rumah pertama adalah melalui pelaksanaan program dan skim perumahan seperti berikut.

Pertama, Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki yang menawarkan rumah PPR berharga RM35 ribu seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42 ribu seunit di Sabah dan Sarawak kepada pembeli rumah pertama daripada golongan B40, berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan; kedua, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta- MyHome, dengan izin, yang menawarkan insentif sebanyak RM30 ribu bagi pembeli rumah pertama daripada kalangan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah di bawah RM10 ribu sebulan; dan ketiga, Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di mana pemohon yang berkelayakan dan memiliki tanah sendiri boleh memohon program RMR untuk membina rumah dengan harga RM75 ribu sehingga RM106,500 dengan subsidi kerajaan berjumlah RM20 ribu. Manakala baki RM55 ribu hingga RM86,500 dibiayai melalui pinjaman yang ditawarkan oleh SPNB dengan bayaran balik ansuran yang lebih rendah.

Selain itu, terdapat juga program perumahan lain di bawah KPKT ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memberi keutamaan kepada pembeli rumah pertama seperti berikut. Perumahan Penjawat Awam Malaysia yang merupakan program khusus kepada penjawat awam di kalangan B40 dan M40 untuk memiliki rumah dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

Kedua, perumahan PR1MA yang menawarkan perumahan kepada golongan B40 dan M40 berpendapatan isi rumah di bawah RM15 ribu sebulan untuk memiliki rumah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, antara inisiatif sewaan perumahan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terutamanya di bandar-bandar besar utama kepada golongan muda adalah melalui program berikut.

PPR Disewa. Program Perumahan Rakyat Disewa yang menawarkan rumah PPR dengan kadar sewaan RM124 sebulan kepada pemohon yang berkelayakan daripada golongan B40 berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan; kedua, Rumah Transit menawarkan rumah sewa pada kadar RM250 sebulan kepada pasangan muda baru berkahwin; ketiga, Rumah Transit Belia yang menawarkan rumah secara sewaan pada kadar sewaan sebanyak 20 peratus hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran di samping menyediakan *forced saving*, dengan izin, kepada penyewa.

#### ■1110

Selain itu, antara inisiatif perumahan baru secara keseluruhan yang sedang dikaji oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) pemaju perumahan tanah wakaf memberi lebih peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah pada harga yang lebih rendah melalui pengurangan kos harga tanah;
- (ii) pembangunan berlandaskan *transit oriented development*, dengan izin, yang memberi fokus kepada pembangunan di sepanjang laluan sistem pengangkutan awam; dan
- (iii) cadangan skim baucar sewa rumah atau *rental voucher*, dengan izin, yang merupakan satu inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan beban sara hidup rakyat termasuk golongan muda dalam menanggung kos sewa rumah yang tinggi terutamanya di kawasan bandar utama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kelembapan ekonomi dan juga masalah yang dihadapi oleh anak-anak muda hari ini, adakah baru-baru ini KPKT mengumumkan ada menyediakan unit-unit kediaman baru dengan keluasan yang lebih besar iaitu 1,000 kaki persegi iaitu ini akan meningkatkan lagi kos pembinaan.

Soalan saya adalah di dalam situasi yang kita hadapi hari ini, tidakkah KPKT merancang atau berhasrat untuk membina unit kediaman yang lebih padat atau *microhome* supaya keluasannya tidaklah begitu tinggi dan boleh mengurangkan kos untuk pembinaan, memiliki dan menyewa. Ini kerana kita menghadapi ramai anak muda yang menghadapi masalah kewangan untuk memiliki atau menyewa rumah di dalam kemampuan mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, istilah B40, M40 itu boleh tidak kita gunakan B40, M40. Boleh ya?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Ya, dengan izin. Terlajak- terima kasih banyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah. Sebenarnya, di antara perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi yang telah dilaksanakan oleh kementerian adalah program-program yang sebenarnya boleh membantu golongan muda dan mereka yang baru berkahwin dan sebagainya dalam memiliki rumah yang sesuai untuk mereka termasuklah seperti Rumah Mesra Rakyat dan sebagainya.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, Rumah Mesra Rakyat pada hari ini cukup indah dengan subsidi yang diberikan oleh kerajaan sebanyak 20 dengan keluasan 1,000 kaki persegi. Namun, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator itu boleh diambil



sebagai satu pandangan untuk kita buat kajian semula. Akan tetapi, bagi saya dalam menghadapi hidup yang lebih mencabar, kalau kita boleh menawarkan rumah yang lebih baik dengan keluasan yang lebih besar apa salahnya. Dengan syarat kita boleh mengawal harga rumah termasuklah yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat perumahan yang menentukan harga-harga rumah ini.

Oleh sebab itu lah- dan satu lagi pandangan saya sebab itulah bagaimana kita boleh mengatur hidup anak-anak muda supaya mereka tahu bagaimana boleh menyesuaikan kehidupan mereka dengan suasana ekonomi yang mencabar ini dengan cara penjimatan kewangan dan lain-lain perancangan ekonomi yang harus mereka lakukan demi masa hadapan mereka sendiri.

Namun Tuan Yang di-Pertua, saya ambil itu sebagai pandangan. *Insyah-Allah* kita akan lihat di atas keperluan dan kesesuaian yang diperlukan untuk negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk John Ambrose kepada Menteri Pendidikan. Akan tetapi sebelum dijawab, soalan ini mengandungi tiga soalan. Dimohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri meringkaskannya dalam garapan yang jelas.

**11. Datuk John Ambrose** minta Menteri Pendidikan menyatakan, status bagi Program Sarapan Percuma (PSP) 2020 untuk sekolah rendah bagi sesi 2020 ini memandangkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB dan PKPP tiada sesi persekolahan dijalankan. Nyatakan langkah pihak kementerian yang telah diambil dalam membantu pelajar-pelajar di luar bandar sepanjang tempoh PKP kerana dimaklumkan bahawa tugas sekolah anak-anak ini diberi melalui digital (*WhatsApp, Telegram*) dan perlu menggunakan internet. Bagaimana dengan nasib anak-anak yang tiada kemudahan peranti mudah alih serta kemudahan internet sehingga menyebabkan mereka keciciran berbanding rakan-rakan mereka di bandar.

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak akan meneruskan Program Sarapan Pagi. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Januari 2020 dengan mengambil kira implikasi kos pelaksanaan dan kelestarian program.

Jemaah Menteri juga telah memutuskan supaya program rancangan makanan yang sedia ada untuk murid sekolah rendah iaitu program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) diteruskan dengan beberapa penambahbaikan. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (PPRMT) di 100 buah sekolah yang terpilih di seluruh negara bermula pada 20 Januari 2020.

Dalam masa yang sama, KPM juga masih meneruskan program RMT yang sedia ada di semua sekolah rendah. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, program PPRMT dan RMT ditangguhkan kerana semua sekolah rendah tidak beroperasi. Namun, apabila sekolah rendah dibuka semula mulai pada 15 Julai 2020, PPRMT dan RMT diteruskan semula seperti biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan yang selamat sepanjang tempoh PKP. Oleh itu, KPM menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *home-based learning* mengikut kesesuaian guru dan murid. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *home-based learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran *TV Okey* dan saluran *TV Tutor* ASTRO di saluran 601 dan 603.

Selain daripada itu, pek pembelajaran dipos, dihantar oleh guru atau diambil oleh ibu bapa di sekolah. Bagi memastikan murid yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak tercicir, guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu dan Bapa dan Guru dan kaunter pandu lalu di sekolah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Oleh sebab soalan ini mengandungi tiga soalan, saya teruskan kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff terhadap Menteri Perpaduan Negara.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu hendak rekodkan penghargaan kerana kehadiran Menteri dan juga Timbalan Menteri Perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**12. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, dasar dan perancangan kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan anak-anak muda di seluruh Malaysia.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff di atas soalan yang dibangkitkan. Terima kasih Yang Berhormat kerana saya perhatikan Yang Berhormat jiwa amat dekat kepada isu yang berkaitan dengan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan- menjawab kepada segala persoalan yang berkaitan dasar dan perancangan, bagaimana kerajaan merancang dan mengenal pasti sesuatu perancangan untuk dijadikan dasar dan perancangan selanjutnya oleh pihak kementerian. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan, Kementerian Perpaduan Negara telah pun mewujudkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) sebagai salah satu daripada sifatnya menjalankan penyelidikan dan sebagainya. Ini adalah antara kerjasama pihak kementerian bersama-sama dengan Institut Kajian Etnik (KITA) UKM.

IPNas ini adalah merupakan kajian indeks yang akan memberikan petunjuk-petunjuk kepada tahap perpaduan nasional yang akan menjadi rujukan yang penting suasana semasa negara dalam usaha untuk membantu kementerian mengenal pasti strategi-strategi intervensi yang sesuai dengan cara, dengan citra untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian adalah seperti berikut. Pertama, dasar. Saya telah pun menjawab beberapa kali termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri saya telah pun menjawab beberapa kali tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar dan juga perancangan yang akan dilakukan oleh pihak kementerian. Akan tetapi pada hari ini saya sebutkan sekali lagi untuk lebih memantapkannya.

Pertama ialah dasar. Kementerian Perpaduan Negara sedang dalam peringkat penggubalan Dasar Perpaduan Negara. Kita maklum bahawa pembentukan kepada Dasar Perpaduan Negara ini adalah untuk menyediakan rangka asas dalam pelaksanaan beberapa strategi sebagai usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia terutama anak-anak muda yang akan mengamalkan cara hidup berbudi, saling menyantuni, progresif dan juga berfikir perpaduan bersama-sama ke arah Malaysia yang sejahtera. *Insyah-Allah*, Dasar Perpaduan Negara ini, Yang Berhormat, akan dilancarkan pada bulan Januari tahun hadapan.

#### ■1120

Dari segi perancangan pula, pihak kementerian sedang melaksanakan maklum balas yang berkaitan dengan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025.

Yang Berhormat pun telah pun dalam perbincangan yang lepas telah membangkitkan supaya PTPN ini dijadikan sebagai agenda utama kepada generasi pasca pembangunan. Maka kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, pelan ini akan menggariskan tindakan terancang yang mahukan rakyat berfikir perpaduan, seperti yang saya nyatakan tadi, bersama dengan pengalaman-pengalaman yang berkaitan dengan sejarah, pembinaan struktur sosial dan juga biografi masyarakatnya. Antara yang terletak dalam strategi dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara ini bagi meningkatkan perpaduan di kalangan anak-anak muda ialah:

- (i) program kesedaran mengenai penggunaan media secara beretika; dan

- (ii) program pengukuhan undang-undang bagi membanteras unsur-unsur yang tidak benar seperti hasutan dan berita palsu.

Impak yang dihasratkan daripada pelaksanaan program yang akan dilaksanakan bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk melahirkan warga Malaysia khususnya anak-anak muda yang lebih bertanggungjawab dalam memelihara perpaduan; kedua, melahirkan masyarakat terutama anak-anak muda yang peka dan sensitif kepada isu yang menimbulkan ketegangan kaum; dan ketiga, melahirkan masyarakat dan anak-anak muda yang akan menggunakan platform digital dengan lebih bertanggungjawab dan beretika.

*Insyah-Allah*, tengah hari ini, Tuan Yang di-Pertua, pada jam 1 tengah hari ini, saya telah pun mempersilakan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bersama-sama dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk sama-sama kita duduk dan sama-sama kita bincangkan.

Saya juga perlukan pandangan nasihat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan yang akan kita laksanakan. Kita masih lagi sedang dalam tindakan untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat Malaysia dan sambil itu, kita mulakan dengan Yang Berhormat Senator-senator pada tengah hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sedikit penjelasan. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Soalan ya. Apa yang dijelaskan oleh Menteri tadi, saya mohon agar agenda yang Menteri cadangkan tadi tersebut juga mengambil kira naskah, Tuan Yang di-Pertua, yang lebih kurang 63 tahun dahulu iaitu Perlembagaan dan juga Rukun Negara yang bertujuan untuk membangkitkan perpaduan dan berjaya.

Saya fikir agak wajar sekiranya boleh dijelaskan, adakah literasi Perlembagaan, pemasyhuran Rukun Negara ini diuar-uarkan lagi terutama untuk program rasmi mahupun program yang tidak rasmi agar ianya dapat mengangkat agenda perpaduan seperti yang dimahukan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam teras ucapan baginda dan juga seperti yang Malaysia suatu ketika, 63 tahun lalu, mengangkat agenda tersebut? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penghayatan pendidikan Rukun Negara. Untuk menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara sedang dalam urusan untuk memperkasakan 6,621

kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan sekolah menengah dan juga memperkasakan 172 sekretariat Rukun Negara yang ada di institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, penghayatan pendidikan Rukun Negara sedang dalam perbincangan antara pihak Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jadi, empat kementerian ini akan duduk secara bersama. Satu jawatankuasa teknikal telah pun diwujudkan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk KSU kementerian saya.

Apa yang akan dilakukan oleh jawatankuasa ini ialah untuk melihat kembali kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara itu untuk kita bawa kembali dalam sistem pendidikan negara. Bukannya mewujudkan satu mata pelajaran baharu tetapi meletakkan input penghayatan pendidikan Rukun Negara itu dalam pendidikan yang sedia ada. Supaya penghayatan pendidikan Rukun Negara ini, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi, ia akan menjadi kelangsungan bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah ke sekolah menengah. Dan di peringkat universiti, kita akan memperkukuhkan agenda sekretariat rukun negara.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, program literasi Perlembagaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita dah mulakan dan kita sedang meminda *syllabus* yang ada kepada pendidikan awal kanak-kanak di 1,781 tabika-tabika perpaduan untuk kita masukkan pendidikan literasi perlembagaan bermula daripada peringkat pendidikan awal kanak-kanak. Seterusnya ialah itu termasuk juga dalam agenda penghayatan pendidikan Rukun Negara yang telah pun saya sebutkan tadi.

Kita harap mudah-mudahan dengan usaha yang akan dilaksanakan oleh kementerian dengan kerjasama bersama dengan tiga kementerian yang lain akan menghasilkan sesuatu yang akan lebih memantapkan lagi berkaitan dengan pendidikan Rukun Negara itu. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.*

**13. Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, penjenamaan maktab kepada Institut Koperasi Negara dapat memperkasakan latihan dan bimbingan kepada koperasi-koperasi di Malaysia terutamanya di luar bandar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian telah pun menjenamakan Maktab Koperasi Malaysia kepada Institusi Koperasi Malaysia pada November 2018 dengan tujuan untuk memperkasakan dan juga memantapkan lagi tadbir urus IKM. Penjenamaan nama MKM kepada IKM merupakan satu suntikan nafas baharu kepada

menyemarakkan lagi agenda transformasi MKM dalam bidang latihan dan juga pendidikan koperasi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejajar dengan peranan MKM yang merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi yang melaksanakan kursus-kursus wajib dan generik bagi melaksanakan fungsi latihan dalam bidang koperasi bagi menyesuaikan permintaan terhadap keperluan latihan yang dapat memenuhi tuntutan pemegang taruh, juga bagi menjadikan IKM sebagai pusat kecemerlangan pembangunan kapasiti dan keusahawanan koperasi yang dinamik sejajar dengan aspirasi negara.

Dasar Keusahawanan Negara 2030 juga menyasarkan bersama dengan pihak koperasi untuk membantu koperasi-koperasi menceburi bidang perniagaan yang berpotensi serta memantapkan lagi pengurusan perniagaan dan juga tadbir urus sesuatu koperasi. Antara empat strategi yang telah pun dirangka untuk kita capai matlamat yang ditetapkan ialah:

- (i) melonjakkan pendapatan koperasi melalui Liga Koperasi Jutaan Ringgit ataupun nama programnya disebut MiRacLe;
- (ii) membangunkan keusahawanan koperasi;
- (iii) membudaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia Yang Berhormat- *miracle*?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** MiRacLe. MiRacLe, Tuan Yang di-Pertua.

- (iii) membudayakan aplikasi IR4.0; dan
- (iv) merejuvenasikan koperasi secara bersasar.

IKM juga telah menyusun semula program-program latihan dan juga bimbingan ke arah lebih melahirkan modal insan yang lebih inovatif, kompetitif, berdaya tahan, progresif dan juga berintegriti melalui pendekatan baharu. Sehingga 31 Disember, IKM telah pun melaksanakan lebih 901 program latihan keseluruhan yang mana pencapaiannya lebih daripada 112.63 peratus berbanding sasaran kita sebanyak 800 program sahaja.

Sebagai sebuah entiti yang bertanggungjawab dalam memperkasakan pembangunan kapasiti gerakan koperasi, IKM juga sedang meneliti tawaran untuk bekerjasama dengan pihak awam dan pihak swasta untuk dinaiktarafkan sebagai sebuah universiti kolej dalam bidang koperasi yang akan dilaksanakan melalui anak syarikat iaitu Kolej iCOOP. Kerjasama ini akan memperluaskan lagi skop bidang ilmu pengetahuan keusahawanan dan juga meningkatkan lagi pembangunan kapasiti anggota.

Secara keseluruhannya, Yang Berhormat, program-program yang dirancang oleh IKM adalah lebih menjurus kepada keperluan gerakan koperasi semasa. Kementerian bersama dengan agensi IKM akan sentiasa berusaha untuk mengukuhkan lagi prestasi dan produktiviti

pelbagai sektor koperasi terutamanya bagi memperkasakan bidang penyelidikan dan juga bidang penerbitan serta memberikan nilai impak yang berkualiti untuk memenuhi keperluan semasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Hendak komen sikit fasal yang ajaib itu. Betul tak?

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Program MiRacLe itu kalau dapat dijelaskan dengan lebih terperinci.

■1130

Kedua, saya nak tanya, sejauh manakah perancangan IKM dalam menyediakan kursus *online* sebab kekangan COVID-19, namun pada itu, keterbatasan jaringan internet bagi koperasi luar bandar? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, untuk program MiRiCLe, yang ajaib itu, ia adalah merupakan sebuah salah satu inisiatif IKM untuk membantu koperasi yang dalam kluster kecil dan juga sederhana yang berpotensi untuk membangun dengan lebih dinamik dan juga lebih terancang melalui tawaran nilai sebagai rakan solusi strategik koperasi yang mana apabila mula diperkenalkan pada tahun 2019, lebih kurang 200 buah koperasi yang berpotensi telah pun dikenal pasti untuk menyertai program ini.

Dalam program MiRiCLe ini juga, kita memperlihatkan juga bahawa ada tiga perkara yang kita ambil maklum dan juga untuk kita meningkatkan pendapatan dan juga kesejahteraan koperasi dan yang mana hasil keberhasilannya nanti yang pertama adalah dari segi pematuhan kepada tadbir urus koperasi. Kedua, daripada segi kelangsungan aktiviti koperasi dan yang ketiga untuk peningkatan pendapatan antara satu hingga lima peratus bergantung kepada kluster koperasi.

Untuk soalan yang kedua, dari segi program-program untuk secara *online* dan juga *offline*, pastinya apabila memulakan program ini, kita berhadapan dengan COVID-19 dan juga apabila berhadapan dengan pandemik COVID-19, pastinya secara *online* itu adalah lebih relevan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan kursus, kita bukan hanya secara *online* tetapi juga kita terus turun padang dan juga kita mengadakan program kita dengan secara lebih berfokus dan juga lebih bersasar dan juga sasaran peserta yang lebih ini.

Impak yang kita halakan adalah untuk kita lebih kepada sasaran untuk dari segi program kesedaran kepada ahli-ahli koperasi dan juga masyarakat serta pematuhan kepada tadbir urus koperasi dan juga untuk kita meningkatkan pendapatan. Selain daripada itu juga,

program untuk kita menyediakan penyelidikan, mempelbagaikan penyelidikan mengenai perkara-perkara koperasi.

Saya yakin dan percaya apabila di atas talian ini akan lebih menghasilkan pendekatan yang lebih dinamik dan lebih tersusun dalam untuk kita menyediakan kursus-kursus yang pelbagai yang mana hari ini kursus wajib secara *online* ada empat program yang telah pun sasaran dan manakala kursus ICT *online* pada tahun 2020, kita telah pun bermula pada Mac 2020.

Sebanyak 26 bidang kursus yang telah pun kita tawarkan yang terbahagi kepada dua iaitu strategi perniagaan *online* dan yang keduanya untuk membuka platform *online* kepada koperasi-koperasi ini supaya mereka tidak hanya berhadapan dengan *offline* sahaja. Ini kerana mereka harus mengguna pakai dan mengguna sehabis baik di atas talian untuk memaksimumkan apa juga urus niaga perniagaan yang mereka ada. Terima kasih.

**14. Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk mendidik masyarakat secara umum bagi mengelakkan terkena jangkitan penyakit Tuberkulosis (TB) di negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Di sini. Jauh sikit. Ini berkenaan dengan penyakit TB. Tuan Yang di-Pertua, penyakit TB adalah disebabkan oleh jangkitan bakteria- mikro bakteria Tuberkulosis yang merebak melalui udara. Sesiapa saja boleh dijangkiti apabila terdedah dengan individu yang telah dijangkiti TB.

Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha melakukan pendidikan kesihatan yang berterusan bagi meningkatkan pemahaman rakyat mengenai tanda-tanda penyakit TB seperti batuk dan demam yang berpanjangan iaitu melebihi dua minggu dan kepentingan menjalani saringan awal penyakit TB.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mendidik masyarakat bagi mengelakkan terkena jangkitan penyakit TB adalah satu untuk mengadakan kempen kesedaran melalui ceramah dan seminar terutama semasa sambutan Hari Tibi Sedunia pada 24 Mac setiap tahun. Aktiviti pendidikan kesihatan ini dilakukan di peringkat komuniti di fasiliti kesihatan, peringkat negeri dan kebangsaan.

Kedua, mengadakan edaran poster dan risalah jangkitan TB kepada orang awam dan semua fasiliti kesihatan di Malaysia. Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan telah mencetak dan mengedarkan sejumlah 100 ribu risalah, dan 10 ribu poster berkaitan penyakit TB ke seluruh negeri di Malaysia.



Ketiga, menyebarkan maklumat kesihatan tentang bahaya penyakit TB dan pencegahan seperti kepentingan etika batuk melalui medium sosial dan juga media elektronik. Hebahan dilakukan melalui slot kesihatan di stesen-stesen radio tempatan dan televisyen RTM.

Kementerian akan meneruskan kempen mengenai penyakit TB supaya maklumat dapat diperolehi dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat. Adalah menjadi harapan Kementerian Kesihatan Malaysia agar tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat berkaitan penyakit TB akan meningkat. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya adalah sejauh manakah usaha kerajaan dalam memastikan saringan yang dibuat kepada pendatang asing benar-benar berkesan? Apakah wujud kerjasama antara kementerian dengan majikan bagi majikan melakukan saringan kepada pekerja mereka sebelum datang ke negara kita?

Ini adalah disebabkan sebagaimana yang dilaporkan oleh pihak KKM pada tahun 2019, terdapat seramai 3,243 orang pendatang asing yang direkodkan terkena penyakit TB. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas jawab.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Bagi saringan pendatang asing terutamanya bagi di peringkat Fomema ataupun saringan untuk pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia. Kita mengikut pada tahun 2019, memang banyaklah. Pelbagai warganegara Bangladesh, *Cambodia*, China dan sebagainya, kita membuat saringan lebih kurang daripada lebih daripada 1.3 juta orang warga asing yang datang ke Malaysia untuk bekerja. Daripada itu, kita melihat kes-kes TB adalah memang dalam 11 ataupun pada 13 persen kes TB di Malaysia ini adalah daripada warga asing yang datang bekerja di sini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soal jawab sesinya berakhir.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.38 pg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan tanggungjawab, sukacita kita mengumumkan bahawa sekatan masa terpaksa kita lakukan lantaran begitu besar masa yang diperlukan untuk ketiga-tiga rang undang-undang ini. Sekiranya diperlukan, maka Setiausaha Dewan akan membunyikan loceng.

Apabila loceng itu berbunyi... [*Loceng (buzzer) dibunyikan*] Bermakna ada- bak kata orang, belum dipanggil sudah datang. Belum diminta, ia pun dah datang loceng itu. Kita ada masa lagi satu minit menghabiskan supaya ini dapat kita jadikan sebagai tradisi berdisiplin semasa kita berbahas. Terima kasih.

Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**11.39 pg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama, "Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987" dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] telah mula berkuat kuasa mulai tahun 1987. Objektif utama Akta 333 adalah bertujuan untuk menyediakan satu persekitaran pemanduan dan pengedaran lalu lintas yang seragam, selamat dan efisien di atas jalan raya.

■1140

Perkara ini dicapai menerusi aspek pengawalseliaan dan penetapan peraturan-peraturan berkaitan pembinaan dan penggunaan kenderaan, peraturan pendaftaran dan pelesenan kenderaan yang akan digunakan di atas jalan, pengawalseliaan ke atas tahap kecekapan- *competency*, dan pelesenan pemandu serta penetapan peraturan-peraturan jalan raya dan lalu lintas.

Kali terakhir Akta 333 dipinda adalah pada tahun 2018. Dalam pindaan tersebut akta ini antara lain telah ditambah baik dengan memasukkan penjelasan mengenai kuasa warden lalu lintas kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bertaraf Majlis Bandaraya. Selain itu,

pindaan juga telah memperuntukkan kuasa dan memperjelaskan proses pembatalan pendaftaran kenderaan serta memperuntukkan kuasa kepada Menteri menetapkan fi berkaitan penggunaan cermin gelap di dalam kenderaan motor.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Berkaitan dengan aspek keselamatan atas jalan raya, isu kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah merupakan suatu perkara yang amat dipandang serius oleh kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Seperti umum mengetahuinya, kebelakangan ini kemalangan maut melibatkan pemandu mabuk semakin kerap berlaku dan dilaporkan di dalam media massa. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan serius dan secara holistik, ia akan membawa kesan yang amat negatif kepada orang ramai serta pengguna jalan raya lain yang tidak bersalah.

Impak sesuatu kemalangan itu terutamanya yang menyebabkan kecederaan kekal atau kematian adalah amat buruk ke atas ahli keluarga atau waris mangsa yang terlibat. Selain itu, setiap kemalangan tidak kira sama ada melibatkan kecederaan atau kematian akan menimbulkan implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan sama ada menerusi kos pembaikan, kos kehilangan, *efficiency* ekonomi dan kos rawatan kesihatan.

Oleh yang demikian, sebagai salah satu langkah utama bagi meningkatkan kesedaran dan bagi menjadi satu bentuk pencegahan atau pengajaran iaitu, dengan izin, *deterrence* kepada orang ramai, peruntukan-peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] yang berkaitan dengan kesalahan memandu tidak mematuhi peraturan jalan raya sama ada menyebabkan kematian atau kecederaan akan dipinda.

Antara lain, pindaan akan melibatkan peningkatan kadar hukuman atau penalti selain menjadikan hukuman penjara sebagai satu bentuk hukuman yang mandatori bagi kesalahan yang berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, RUU ini telah dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, secara keseluruhannya pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 atau rang undang-undang ini akan mengandungi 15 fasal di dalamnya. Fasal pindaan utama adalah seperti berikut.

Pertama, fasal 2 yang bertujuan mengemaskinikan beberapa definisi di bawah seksyen 2, Akta 333 susulan pindaan berkaitan kesalahan pemandu mabuk serta mewujudkan definisi "kenderaan mikromobiliti" di dalam Akta 333. Definisi baharu ini bertujuan

memperjelaskan kategori-kategori kenderaan di bawah Akta 333 selain daripada kenderaan yang telah jatuh di bawah definisi “kenderaan motor.”

Keperluan ini mengambil kira akan perkembangan teknologi terkini yang melahirkan kenderaan jenis pengangkutan mobiliti-kendiri yang menyaksikan penggunaan yang semakin meningkat di Malaysia.

Definisi “kenderaan mikromobiliti” akan merangkumi semua jenis kenderaan yang dipacu oleh sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia atau gabungan ketiga-tiga punca kuasa dengan kadar kelajuan maksimum tidak melebihi selaju 50km/j. Antara lain, kenderaan mikromobiliti akan merangkumi basikal, beca, kerusi roda, *segway*, *moped* serta skuter elektrik. Dalam pindaan ini, penggunaan semua kenderaan terlibat akan dapat dikawal selia dan akan tertakluk kepada semua peraturan di bawah Akta 333 kelak.

Kedua, fasal 3 adalah bertujuan meminda seksyen 41 iaitu melibatkan kesalahan menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan. Hukuman sedia ada bagi kesalahan tersabit iaitu penjara selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM20 ribu, akan dipinda kepada hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM20 ribu, dan tidak lebih daripada RM50 ribu.

Hukuman bagi sabitan kedua dan berikutnya juga akan ditetapkan kepada penjara selama tempoh tidak kurang dari 10 tahun dan tidak lebih dari 15 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM50 ribu, dan tidak lebih daripada RM100 ribu. Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu juga dipinda dari tempoh tidak kurang daripada tiga tahun kepada tidak kurang lima tahun dalam sabitan pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua dan kemudian adalah kekal untuk tempoh 10 tahun dari tarikh sabitan.

Ketiga, fasal 4 adalah bertujuan meminda seksyen 42 yang berkaitan dengan kesalahan memandu secara melulu dan membahayakan. Bagi seksyen ini, tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu akan dipinda dari tempoh tidak kurang dari dua tahun kepada tempoh tidak kurang lima tahun. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua dan kemudian adalah kekal untuk tempoh selama 10 tahun dari tarikh sabitan.

Keempat, fasal 5 adalah bertujuan meminda seksyen 43 iaitu berkaitan dengan kesalahan memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa. Bagi seksyen ini, kadar hukuman denda telah dipinda iaitu bagi sabitan pertama daripada tidak kurang daripada RM4,000 dan tidak lebih daripada RM10 ribu kepada tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM10 ribu. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, dikenakan denda

tidak kurang daripada RM10 ribu, dan tidak lebih daripada RM15 ribu. Hukuman penjara boleh juga dikenakan iaitu untuk tempoh tidak melebihi 12 bulan dalam dua-dua keadaan.

Kelima, fasal 6 adalah bertujuan meminda seksyen 44 iaitu berkaitan kesalahan memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah. Bagi menjadi satu bentuk *deterrence*, dengan izin, dijelaskan hukuman ke atas perlakuan kesalahan yang serius ini, jenis hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 44 akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu bagi kes yang menyebabkan kecederaan dan kes yang menyebabkan kematian.

Sebelum ini, kadar hukuman yang diperuntukkan adalah sama bagi kedua-dua situasi iaitu dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM8,000 dan tidak lebih daripada RM20 ribu.

Bagi kes yang menyebabkan kematian, mana-mana orang yang telah disabitkan kali pertama, hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM50 ribu, dan tidak lebih daripada RM100 ribu. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 20 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM100 ribu, dan tidak lebih daripada RM150 ribu.

Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen memandu juga dipinda dari tempoh tidak kurang daripada lima tahun kepada tempoh tidak kurang 10 tahun dalam sabitan pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian juga telah dipinda kepada tempoh 20 tahun daripada tarikh sabitan.

Bagi kes yang menyebabkan kecederaan pula, mana-mana orang apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang dari tujuh tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM30 ribu, dan tidak lebih daripada RM50 ribu. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak kurang dari 10 tahun dan tidak lebih dari 15 tahun dan denda tidak kurang daripada RM50 ribu, dan tidak lebih daripada RM100 ribu.

#### ■1150

Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen memandu juga dipinda dari tempoh tidak kurang daripada lima tahun kepada tempoh tidak kurang tujuh tahun dalam sabitan pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian adalah kekal untuk tempoh selama 10 tahun dari tarikh sabitan.

Keenam, fasal 7 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 45 iaitu berkaitan kesalahan dan dalam keadaan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah.

Untuk seksyen ini, kadar hukuman sedia ada telah dipinda iaitu daripada denda tidak melebihi RM1,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh dipenjarakan tidak lebih tiga bulan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM6,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan kepada dikenakan denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM5,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun. Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM10 ribu, dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Tempoh hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu juga dipinda kepada tempoh tidak kurang daripada dua tahun dalam sabitan pertama. Tempoh hilang kelayakan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian juga ditetapkan kepada tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.

Ketujuh, fasal 8 adalah bertujuan meminda seksyen 45A iaitu berkaitan kesalahan memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan.

Bagi seksyen 45A, hukuman penjara telah ditetapkan sebagai mandatori untuk menjadi suatu bentuk pengajaran kepada orang ramai agar tidak memandu apabila telah mengambil minuman beralkohol. Hukuman sedia ada iaitu denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM6,000 dan boleh juga di penjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

Dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM10 ribu dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun telah dipinda kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan denda tidak kurang daripada RM10 ribu dan tidak lebih daripada RM30 ribu; dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM20 ribu, dan tidak lebih daripada RM50 ribu.

Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, akan hilang kelayakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.

Fasal 9, dan fasal 10 adalah bertujuan meminda seksyen 45B berkaitan ujian nafas dan seksyen 45C berkaitan pengadaaan spesimen bagi analisis. Peruntukan di bawah seksyen 45B dan seksyen 45C adalah berkaitan dengan kewajipan serta kesalahan seseorang yang tidak memberi spesimen nafas, spesimen darah atau air kencing untuk analisa kadar kandungan dadah dan alkohol apabila disyaki memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah akan dipinda.

Bagi kedua-dua seksyen, hukuman penjara akan dijadikan sebagai mandatori bertujuan mendorong seseorang individu yang dalam siasatan memberi kerjasama kepada pihak berkuasa dan tidak menghalang penjawat awam daripada menjalankan tugasnya dengan memberi sampel bagi tujuan analisis. Pindaan juga bertujuan mengelakkan ia menjadi suatu *loophole*, dengan izin, yang akan diambil kesempatan oleh individu yang akan enggan memberi spesimen kerana hukumannya adalah lebih rendah berbanding jika disabitkan kesalahan di bawah seksyen 44, 45 atau 45A.

Hukuman sedia ada bagi kedua-dua seksyen iaitu denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM6,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan; dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM10 ribu, dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun telah dipinda kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan denda tidak kurang daripada RM10 ribu, dan tidak lebih daripada RM30 ribu, dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM20 ribu, dan tidak lebih daripada RM50 ribu.

Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kemudian, akan hilang kelayakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.

Kesembilan, fasal 11 bertujuan meminda seksyen 45G iaitu berkaitan tafsiran ke atas seksyen 44 dan 45B hingga 45F. Akta 333 bertujuan menyeragamkan had kadaran alkohol di dalam darah (BAC) individu dengan kadar yang disyorkan oleh *World Health Organization* (WHO), dengan izin. Had kandungan alkohol yang dibenarkan di dalam Akta 333 akan dipinda seperti berikut;

- (i) untuk had dalam nafas, dipinda daripada 35 mikrogram alkohol kepada 22 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas;
- (ii) untuk had dalam darah, dipinda daripada 80 miligram alkohol kepada 50 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah; dan
- (iii) untuk had dalam air kencing, dipinda daripada 107 miligram alkohol kepada 67 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing.

Kesepuluh, fasal 12 bertujuan meminda seksyen 54 berkaitan dengan pemakaian kepada pengguna kenderaan mikromobiliti akan peruntukan berhubungan dengan kesalahan memandu yang tertentu di bawah Akta 333. Pindaan adalah ke atas hukuman sedia ada bagi kesalahan melanggar peraturan di bawah seksyen 41(1), 42(1), 43(1), 44(1), 44(1A), 45A(1),

45B(4), 45B(5) dan 45C(6) melibatkan penggunaan kenderaan mikromobiliti termasuk basikal, basikal lajak, basikal elektrik, *segway*, *moped* dan skuter elektrik di atas jalan raya.

Pindaan hukuman bertujuan menjadi satu bentuk pengajaran dan *deterrence* kepada mana-mana penggunaan kenderaan mikromobiliti di atas jalan raya untuk mematuhi semua peraturan jalan raya. Ia juga menjadi satu bentuk peringatan kepada semua ibu bapa dan juga penjaga untuk memastikan anak-anak di bawah jagaan mereka senantiasa menjaga keselamatan apabila menggunakan basikal mereka bagi mengelakkan tragedi kemalangan basikal lajak yang telah menyebabkan lapan kematian kanak-kanak pada tahun 2017 untuk tidak berlaku lagi.

Hukuman sedia ada melibatkan sesuatu sabitan di bawah seksyen 41, 42, 44, 45A, 45B atau 45C iaitu denda sebanyak RM300 atau jika sabitan itu sabitan kali kedua atau kemudiannya, dikenakan denda sebanyak RM1,000 atau penjara bagi tempoh tiga bulan.

#### ■1200

Hukuman sedia ada akan dipinda kepada dikenakan denda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM5,000 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan. Bagi kesalahan penggunaan kenderaan mikromobiliti melibatkan sabitan di bawah seksyen 43, denda telah dinaikkan daripada RM300 dan dalam sabitan kedua RM1,000 kepada sebanyak RM1,000 dalam semua keadaan. Lain-lain pindaan yang tidak dikenakan dinyatakan secara khusus adalah merupakan pindaan bersifat editorial dan *consequential* susulan kepada pindaan-pindaan utama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, selain daripada pindaan kepada hukuman sedia ada, Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi utama di bawahnya termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Penyelidikan dan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) akan menggiatkan lagi aktiviti adkovasi dan program pendidikan keselamatan jalan raya.

Dalam pelaksanaan program-program sebegini, saya menyeru semua pihak yang berkepentingan termasuk NGO, pengusaha premis makanan dan premis hiburan, pengendali perkhidmatan pengangkutan awam, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain untuk bekerjasama dengan kementerian bagi menjayakan usaha ini ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia. Saya percaya pelbagai program kemudahan dan inisiatif boleh diadakan dengan jayanya, dengan sokongan dan penglibatan semua pihak berkepentingan ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat senator, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah amat penting untuk menjayakan usaha-usaha kerajaan meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya dan menjamin kebajikan dan kesejahteraan semua rakyat Malaysia.



Pindaan yang dicadangkan juga amat penting di atas keperluan-keperluan sama terutamanya dalam mendidik dan mengubah sikap semua pengguna di atas jalan raya yang akan menyumbang kepada melengkapkan keseluruhan strategi kementerian dalam meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya di seluruh negara. Saya dengan rendah hati memohon semua pindaan-pindaan yang dicadangkan dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini demi kesejahteraan dan kemakmuran hidup semua rakyat tanpa mengira perbezaan latar belakang atau anutan ideologi politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah. Timbalan Menteri Pengangkutan kita telah membaca rang undang-undang tadi. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Di sini ada lebih kurang 16 orang Ahli Yang Berhormat yang akan membahaskan itu dan minta masanya setiap orang 10 minit, minta kerjasama ya.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Silakan.

### 12.03 tgh.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pemindaan akta ini adalah hasil daripada perbincangan dari libat urus kementerian dengan beberapa sektor pengguna jalan raya, pihak kementerian lain dan pihak penguasaan jalan sampai kepada pihak pemimpin-pemimpin pelbagai agama di negara ini. Pindaan akta ini memanglah tumpuannya lebih kepada memandu di bawah pengaruh alkohol dadah dan memandu secara berbahaya. Saya bersetuju dengan pemindaan akta ini selaras dengan akta yang sama dengan perkembangan semasa di negara lain seperti di negara Australia, Singapura, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan kongsi lima perkara yang saya fikirkan boleh diambil perhatian oleh pihak kementerian selain daripada objektif untuk menghukumkan pemandu yang terlibat dalam kemalangan akibat mabuk dan salah guna dadah. Kita perlu mengambil langkah yang lebih komprehensif dalam mencegah masalah memandu dipengaruhi arak atau dadah.

Perkara pertama, saya cadangkan menubuhkan Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan atau sekolah pemulihan atas semua pemandu dengan mengadakan kursus-kursus bagi mereka seperti berikut:

- (i) mempunyai *demerit point* yang tinggi;
- (ii) baru sudah ada rekod kes kemalangan;
- (iii) disaman memandu cuai tetapi tidak ada kes kemalangan; dan
- (iv) untuk pemandu yang akan memperbaharui lesen memandu.

Perkara kedua, memperketat cara keselamatan jalan raya iaitu melalui penglibatan dengan kerjasama pihak Institut Penyelidikan dan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Lembaga Lebuhraya Malaysia, Kementerian Kerja Raya dan semua pihak berkaitan dalam secara *integrated approach* atau tujuan bersama. Antara cara yang boleh dilakukan dalam memastikan keselamatan tempat tersebut ialah melakukan pemeriksaan jalan di tempat yang kerap berlakunya kemalangan seperti jalan sempit, selekoh bahaya dan selekoh tajam.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja meletakkan tanda di tepi jalan tetapi mengubahsuai tempat yang didapati atau dikesan berbahaya kepada pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada terdapat satu berita mengenai sebahagian besi menara kren telah terjatuh dari sebuah treler dan merempuh kenderaan seorang wanita dan perkara ini mestilah dielakkan daripada berlaku semula. Oleh kerana kes ini masih dalam siasatan polis, saya tidak akan menyentuh kes ini secara terperinci.

Akan tetapi yang saya ingin ambil contoh dari kes ini ialah dari segi kecuaiannya pemandu kenderaan tersebut sebagai pemandu yang berhemah dan bertanggungjawab perlu memastikan barang-barang yang dibawa diikat dengan sempurna dan selamat. Mohon pihak berkuasa memberi tumpuan pemantau mengenai perkara ini dan mengkaji semula semua SOP pengangkutan kenderaan komersial yang membawa barang bahaya dan berat. Hanya membetulkan hukuman sahaja mungkin belum cukup untuk membendung insiden yang kerap berlaku akibat pengambilan alkohol dan pengguna dadah.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pemberian insentif kepada pemandu-pemandu yang terbaik berdasarkan pemerhatian pihak Jabatan Pengangkutan Jalan melalui bukti yang sah, seperti dengan video dan gambar. Pemberian insentif ini juga ialah dengan pemberian sijil penghargaan dan hadiah pelekat di kenderaan seperti "Pemandu Terbaik".

Perkara keempat, seperti di Australia

dan negara lain telah menetapkan kadar *zero condition*, dengan izin, iaitu *zero* atau kosong atau sifar kadar kepekatan alkohol dalam pemeriksaan darah, *zero point zero percent*, atau *blood alcohol content* (BAC), dengan izin, bagi pemandu kenderaan awam seperti bas,

tren dan pemandu kenderaan berat dan bahaya mempunyai Lesen P, dan Lesen L. Kelima, memasang *gadget interlock device*, dengan izin, fungsi gajet Tuan Yang di-Pertua ialah enjin tidak dapat dihidupkan apabila gajet tersebut mengesankan nafas pemandu didapati mempunyai tinggi alkohol.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu lagi, penggunaan telefon bimbit apabila memandu juga sangat berbahaya. Hal ini kerana pemandu tersebut tengah berbincang ketika memandu dan menyebabkan tumpuan sepenuhnya di jalan raya akan terganggu. Tanpa sedar pemandu tersebut memandu kenderaan dengan laju dan kenderaan yang dipandu hilang kawalan dan menyusur ke lorong sini, sana dengan tiba-tiba dan dalam masa yang sama melanggar isyarat lampu merah. Keadaan ini sangat berbahaya kepada pemandu dan juga pengguna jalan raya yang lain. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk mencadangkan kenaikan kadar denda menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, jangan hanya tunggu untuk menghukum pemandu apabila dia mabuk dan terlibat dalam kemalangan. Hal ini kerana hukuman mesti adalah cara yang terakhir. Sebelum saya mengakhirkan, saya akan membaca satu kerat pantun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Paul Igai:** Tuan Yang di-Pertua,

*Bunga Kebangsaan Bunga Raya;  
Rakyat bersatu penuh semangat;  
Berhati-hati di jalan raya;  
Pandu cermat jiwa selamat.*

Saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pandu cermat jiwa selamat. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Bagus betul dia bercakap mengikut masa yang diberikan, kurang. Ya, terima kasih.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Silakan, Datuk.

**12.12 tgh.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 di Dewan Negara yang mulia ini. Ini adalah satu rang undang-undang yang

sangat penting kerana ia melibatkan nyawa, harta benda, keselamatan, ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat.

Seperti yang kita maklum, pindaan dalam rang undang-undang ini adalah untuk menaikkan penalti dan hukuman bagi kesalahan lalu lintas yang berhubung dengan memandu dengan melulu dan membahayakan serta memandu semasa mabuk. Kalau kita fahami dan menghayati betul-betul, ia sangat signifikan seperti mana yang saya katakan awal tadi iaitu melibatkan nyawa, harta benda, keselamatan, ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat. Persoalannya di sini ialah apakah hukuman itu setimpal kepada si pelaku atau apakah hukuman itu berat kepada si pelaku.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Kementerian Pengangkutan ini perlu atau boleh mengambil kira pandangan kami atau membuat sedikit *adjustment*, dengan izin, dan andainya ada tambah nilai, walaupun ia sudah diluluskan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi jauh, atau berbahas lebih dalam, saya ingin penjelasan lebih luas di bawah fasal 2 yang ada menyebut kenderaan mikromobiliti yang sefaham saya ialah berbentuk seakan basikal tetapi bukan sebarang basikal kerana ia berbahaya lebih-lebih lagi untuk kegunaan di atas jalan raya. Jadi, apakah ia basikal yang telah diubahsuai kerana ketinggian basikal itu pun sangat rendah dan kecil sehingga membahayakan pengguna jalan raya.

Saya juga hendak bertanya apakah benar ada keperluan kenderaan mikromobiliti ini memerlukan kenderaan plat bernombor dan lesen khas atau cukai kenderaan. Rakyat juga hendak tahu apakah nanti kenderaan sedemikian boleh dikenakan saman di bawah pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 3, hingga fasal 11, saya tidak ada sebarang penolakan terhadap usaha kerajaan bagi membanteras mereka yang memandu secara melulu dan membahayakan orang lain. Apatah lagi mereka yang dalam keadaan mabuk di bawah pengaruh alkohol dan juga dadah. Memang benar, saya melihatnya pindaan utama adalah ke atas hukuman sedia ada membabitkan kadar denda, tempoh penjara dan penggantungan lesen memandu.

Persoalannya, sejauh manakah ia akan menimbulkan kegerunan dari kalangan rakyat Malaysia terutamanya pemandu-pemandu kenderaan. Apakah pemandu mabuk dikenakan penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga RM150 ribu serta lesen digantung selama 20 tahun adalah memberi satu kesedaran yang tinggi kepada mereka.

Saya hendak mencadangkan sekali lagi dikenakan sehingga hukuman mati kepada pemandu mabuk yang terbabit dengan kemalangan maut, walaupun Yang Berhormat Menteri tolak dalam perbahasan Titah Tuanku Agong tempoh hari. Bukannya maksud dalam hal ini nyawa dibalas dengan nyawa.

Akan tetapi apabila seseorang itu sudah mengetahui mereka yang minum alkohol atau menyalahgunakan dadah sudah tentu mengetahui akan akibatnya dan perkara ini sudah ada niat. Mungkin akan timbul dalam soal perundangan membunuh tanpa niat atau niat diterjemahkan dalam mahkamah kelak. Akan tetapi kita selaku penggubal undang-undang sudah menjadi satu tanggungjawab yang besar untuk meluluskan dengan menyatakan kelulusan dalam pindaan itu mesti ada satu hukuman yang sangat berat dan setimpal, Tuan Yang di-Pertua.

Umpamanya hukuman mati seperti yang saya sebutkan. Sudah pasti ia memberi satu impak yang besar dan ditakuti, digeruni oleh sesiapa pun. Hukuman berat sangat penting supaya bukan untuk kita menghukum, tetapi inilah pendekatan pendidikan yang terbaik. Cegah sebelum parah, rawat sebelum sakit.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang dilaporkan dalam akhbar *Berita Harian*.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya mohon penjelasan?

**Datuk Razali bin Idris:** Kalau tidak kacau masa saya, sila.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Yang Berhormat, saya mohon penjelasan. Ada tidak rujukan daripada mana-mana negara yang melaksanakan hukuman mati sebagaimana yang di cadang oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Sebenarnya dalam menggubal undang-undang, pada hemat saya, kita tidak perlu sangat mengambil rujukan dari negara-negara lain sebab dalam memandu secara mabuk dan menyebabkan kematian di negara kita ini sedang meningkat. Jadi, oleh sebab itu saya mencadangkan daripada hati saya sendiri, daripada penglihatan saya sendiri bahawasanya hukuman mati perlu diletakkan dalam pemandu mabuk yang mengakibatkan kematian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Berita Harian, saya sambung. Pada 3 Jun 2020, kes pemandu mabuk di negara ini dilihat amat serius susulan terdapat trend peningkatan kes bagi tempoh tahun lalu dan enam bulan pertama tahun 2020. Trend peningkatan kes tersebut dilihat ketara berbanding dengan tahun 2018 dan 2019.

Malahan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri baru-baru ini menyebut kes berkaitan pemandu mabuk pada dua suku pertama tahun 2020 ini hampir sama dengan jumlah kes pada tahun lepas iaitu 2019. Keadaan itu jelas menunjukkan ada trend peningkatan. Malah, dari segi isu kematian ia banyak melibatkan orang di luar kenderaan seperti pengguna jalan raya dan pejalan kaki berbanding pemandu mabuk itu sendiri.

**■1220**

Hal yang dimaklumkan di Dewan Negara yang mulia ini, laporan *Berita Harian* bertarikh 3 Jun 2020, sejak tahun 2018 sehingga Mei 2020 yang lalu sejumlah 29 orang dilaporkan maut dan 41 orang cedera dalam nahas akibat pemanduan mabuk di seluruh negara. Memang benar kes pembabitan pemanduan mabuk di negara ini sangat rendah kalau dibandingkan negara Asia sendiri tetapi ia bukan persoalannya.

Sepanjang Januari hingga Mei 2020 yang lalu, sebanyak 22 kemalangan direkodkan dengan sembilan orang dilaporkan maut manakala 13 orang lagi cedera membabitkan pemanduan mabuk. Saya pohon supaya Kementerian Pengangkutan mengemukakan kadar kes yang terkini melibatkan pemanduan mabuk di seluruh negara dan kes kematian, kecederaan dalam kategori kenderaan yang terlibat yang saya sebutkan tadi daripada mereka yang mabuk.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya bagi pemindaan rang undang-undang ini saya anggap ia sangat penting. Saya juga ingin mencadangkan selain hukuman mati dikenakan, hukuman sebat juga perlu dimasukkan sebagai tambahan hukuman berat lain, penjara maksimum 20 tahun.

Di samping itu, saya juga hendak mencadangkan supaya mengehadkan penjualan minuman keras di kedai runcit dan kedai 24 jam ini kerana terlalu mudah untuk membelinya secara berleluasa. Kerajaan sewajarnya membendung tindakan penjualan minuman keras secara berleluasa kerana keadaan ini menjadi punca peningkatan jumlah pemandu mabuk. Kita boleh melihat senario penjualan minuman keras seakan-akan tiada kawalan.

Saya berpandangan undang-undang melibatkan minuman keras masih longgar berbanding negara-negara lain yang bukan majoriti Islam sekalipun. Larangan pengambilan minuman keras bukan sahaja ditekan dalam agama Islam, bahkan turut diamalkan oleh agama lain di muka bumi ini. Ia disebabkan kesan kerosakan pengambilannya adalah jauh lebih besar daripada yang kita bayangkan.

Saya boleh sifatkan minuman arak ini adalah ibu segala kerosakan. Masyarakat bukan Islam juga perlu memahami tindakan meningkatkan hukuman terhadap pemandu mabuk dan memperketat peraturan penjualan minuman keras adalah demi kebaikan masyarakat secara keseluruhannya. Saya sependapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, supaya dilanjutkan perintah tutup terhadap kelab malam.

Malah kalau hendak ikut pendapat saya eloknya diharamkan terus kelab malam yang menjual minuman keras dengan tiada kawalan kerana memudaratkan semua lapisan masyarakat tidak kira agama dan juga bangsa. Dengan itu, saya pohon menyokong rang undang-undang ini dengan menambah nilai atau tambah baik kepada pindaan rang undang-

undang ini sebagai satu perhatian serius daripada Kementerian Pengangkutan dan juga Kerajaan Perikatan Nasional. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris. Bercakap dengan masa yang lebih seminit sahaja dan padat nampaknya, baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Nga Hock Cheh. Silakan.

### 12.24 tgh.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang mengambil bahagian berbahas rang undang-undang meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, biar saya lafazkan sepatah pantun kemalangan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, bagus.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua...

*Kemalangan tidak berbau;  
Bukan sesuatu yang sesiapa mahu;  
Bila akan terjadi tiada siapa tahu;  
Malang nasib yang jatuh atas bahu.*

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar dengan teliti ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Ucapan beliau ada lebih kurang persamaan dengan ucapan Menteri Pengangkutan di Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020. Saya juga menarik perhatian di Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah menyatakan bahawa Kementerian Pengangkutan bercadang menangani perkara pemanduan mabuk dengan serius dan secara holistik.

Akan tetapi Kementerian Pengangkutan tidak memberi definisi atau penjelasan apa beliau maksudkan dengan terma holistik. Mengikut *Cambridge Dictionary*, "holistic" means *dealing with the whole of something or someone and not just a part*. Pendek kata holistik berkaitan dengan idea bahawa perkara-perkara harus dikaji secara keseluruhan dan bukan hanya sebagai jumlah bahagiannya.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak memberi cadangan komprehensif untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya terutamanya pemanduan mabuk seperti dari segi pendidikan berkenaan keselamatan semasa menggunakan jalan raya dan memupuk kelakuan menggunakan jalan raya dengan selamat dan sewajarnya dan juga kempen-kempen bahaya minum arak dan memandu. Ajaran dari segi agama, menjaga keselamatan diri dan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan beliau berkata oleh demikian sebagai satu langkah utama meningkatkan kesedaran dan bagi

menjadi satu bentuk pengajaran *deterrent* kepada orang ramai, peruntukan-peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu Akta 333 yang berkaitan dengan kesalahan memandu, tidak mematuhi peraturan jalan raya sama ada menyebabkan kematian atau kecederaan akan dipinda.

Antara lain pindaan akan melibatkan peningkatan kadar hukuman atau penalti selain menjadikan hukuman penjara sebagai satu bentuk hukuman mandatori bagi kesalahan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Kementerian Pengangkutan, sama ada kementerian menyediakan kokurikulum komprehensif untuk sekolah-sekolah mengajar pemandu bagaimana nilai sopan santun, bagaimana *defensive driving* dan sebagainya.

Saya sudah cari merata-rata, ini buku *Road Transport Rules... [Menunjukkan sebuah buku]* Akan tetapi / tidak jumpa kokurikulum. Kalau kita belum beri peluang mengajar orang ramai dan ingin satu *deterrent sentence*, itu ada merupakan peribahasa, "Membunuh ayam menakut-nakutkan kera". Bunuh ayam tidak apa sebab kita boleh beli di pasar raya, ini nyawa manusia mahu masuk penjara mandatori dan sekurang-kurangnya 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ibu bapa hantar kanak-kanak pergi sekolah belajar, Kementerian Pengangkutan mahu hantar pemandu yang salah ke dalam penjara untuk diajar dan kerajaan menanggung belanja. Di surat khabar *The Star*, bertarikh 9 September 2020, ia punya *headlines*, "*Education to Go With Tougher Laws. Wee: Advocacy the Next Focus Once Road Transport Bill Amendment Approved*".

#### ■1230

Ini ada macam bahasa Inggeris cakap, "*Putting the cart before the horse*". Kereta diletak di depan kuda atau lembu, ini lembu punya kerja. Mesti kita ajar orang dulu, bagi masa. Di sekolah ajar murid-murid terutama sekolah menengah sebab mereka berumur 17 tahun sudah boleh ambil lesen motor. Saya percaya kebanyakan kemalangan adalah daripada golongan motosikal, bukan dari golongan pemandu mabuk. Mungkin tidak sampai tiga peratus, empat peratus, yang mati lebih banyak motosikal.

Jadi *we should not send people to prison for such long period*. Lagipun budi bicara mahkamah dihadkan, minimumnya tulis. Biasa undang-undang hanya menyatakan maksimum berapa tahun. Di Kanun Keseksaan, ada 511 seksyen, hanya lebih kurang 30 lebih peruntukan ada minimum dan maksimum punya hukuman. Di Akta Pengangkutan Jalan-*Road Transport Act*, kementerian sekarang mencadangkan 41 dan berkaitan 42, 43, 44 dan 45, banyak peruntukan yang ada minimum. Macam mana kemalangan berlaku, fakta kita sekarang tidak tahu. Lebih elok kita serah ini kepada hakim yang menjalankan perbicaraan, buat keputusan berapa lama orang yang disabit itu patut dipenjarakan.



Lagipun, di *United Nations Standard Minimum Rules for Non-custodial Measures (The Tokyo Rules)* ada peruntukan yang berbunyi; '*Recalling resolution 8 of the Six United Nations Congress on the Prevention of Crime and Treatment of Offenders on alternative imprisonment. Convinced that alternative to imprisonment can be an effective means on treating offenders within the community to the best advantage for both the offenders and society*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju oleh cadangan kawan saya yang bijaksana Yang Berhormat bahawa seorang pemandu mabuk disabit dan dihukum mati. Kita rasa sedih seorang mangsa mati. Hukum ini bawa kereta mati, dua orang mati, negara hilang.

So, ada satu perkara dan dua perkara lagi Tuan Yang di-Pertua. Sekarang di penjara sudah lebih ramai orang, *the prisoner is end-* mengikut mantan Menteri Undang-undang, Yang Berhormat Datuk VK Liew, satu sel 10 orang, sekarang mahu masuk 20 orang. Seramai 10 orang tidur, 10 orang bangun tidak tidur. Harga menjaga seorang antara RM38 hingga RM41. Jadi cakaplah RM40 seorang, satu bulan RM1,000 lebih. Kenapa kita tidak timbang orang ini buat satu *community service*, hukum bayar pampasan di bawah CPC 426. Itu boleh diubah sedikit, tidak payah persetujuan Timbalan Pendakwa. Mahkamah diberi kuasa dalam proses hukuman, hukum pesalah itu bayar pampasan. Lagi cepat dan tidak payah pergi jumpa *lawyer* buat tuntutan sivil.

So, dia mungkin boleh juga *house arrest* buat *community service*. Tidak payah hantar ramai orang. Lagipun, 10 tahun seorang budak tingkatan empat baru ambil lesen motor, kemalangan. Dia cuai atau berbahaya, habis dia punya 10 tahun, tidak dapat pergi ke pelajaran tinggi lagi.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan *disqualification* itu lebih lama sedikit tidak apa. Itu hukuman mandatori minimum tidak payah masuk, hanya bagi peruntukan maksimum budi bicara kehakiman bagi hakim tentukan berapa lama kita mahu hukum dia. Untuk kesimpulan saya.

*Sang bayu berpuput lemah gemalai;  
Indah cahaya sang suria di pantai;  
Masalah pemandu mabuk, bahaya, cuai atau lalai;  
Bukan hukuman deterrent yang boleh selesai.*

Terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Nampak gaya Yang Berhormat Senator kita ini makin bijak berpantun. Jadi maksud pantun tadi, kemalangan tidak berbau, maksud pantun dan hukum pula tadi. Terima kasihlah banyak dia belajar pada kita ya, pantun semua baik-baik dah. Begitu juga terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh telah memberi pandangan yang baik juga.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, dipersilakan.

### 12.38 tgh.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul ini.

Di Malaysia kita jarang mendengar kempen, dengan izin, '*Don't Drink and Drive*' ataupun 'Jangan Minum dan Memandu'. Hal ini kerana undang-undang di Malaysia masih dianggap tidak salah untuk memandu kecuali ketika anda benar-benar mabuk. Definisi mabuk dalam perundangan Malaysia boleh berasaskan nilai *blood alcohol concentration* (BAC) yang diukur dengan tiga cara iaitu melalui pernafasan, ujian kandungan alkohol, dan juga air kencing.

Di Eropah, kempen 'Jangan Minum dan Memandu' ini bermakna jika seseorang itu minum minuman keras, mereka sudah tidak dibenarkan langsung untuk memandu kenderaan. Akan tetapi di Malaysia masih boleh minum dan mereka boleh menunggu sehingga nilai BAC mereka turun ke paras yang dibenarkan untuk mereka memandu kenderaan.

Sebenarnya banyak negara yang telah mengamalkan *zero tolerance* iaitu langsung tidak bertolak-ansur kepada rakyatnya yang meminum minuman keras sebelum memandu kenderaan. Antara negara yang mengamalkan amalan ini ialah seperti Vietnam, Brazil, *Republic Czech*, *Paraguay* dan juga UAE.

### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadinya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di mana dalam masa beberapa bulan sahaja beliau telah berjaya untuk membawa rang undang-undang ini untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini sekali gus merealisasikan majoriti cadangan rakyat Malaysia yang mahukan perubahan untuk kesalahan jalan raya yang melibatkan pemandu mabuk. Walaupun kerajaan sebelum ini mendakwa bahawa langkah ini dimulakan oleh mereka tetapi sampai ke hari terakhir pemerintahan, mereka tidak sempat untuk melaksanakan.

Jika dilihat penggubalan undang-undang yang dilakukan pada rang undang-undang ini, terdapat beberapa cadangan serta penyelesaian yang saya ingin berikan. Antaranya adalah pindaan terhadap seksyen 41 iaitu yang memperkenalkan peningkatan hukuman terhadap mereka yang memandu secara melulu dan berbahaya.

Begitu juga seksyen 42 berkaitan pemanduan secara melulu dan berbahaya tetapi tidak menyebabkan kematian. Seksyen 44, ia berkaitan dengan pemanduan secara mabuk.

Ketiga-tiga seksyen ini apabila pemandu didapati bersalah pada sabitan pertama sahaja, lesennya boleh terus digantung. Adakah pindaan terhadap seksyen 41 ini hanyalah merupakan satu *escapism* sahaja? Apabila pemandu itu tidak boleh dibuktikan sebagai mabuk, maka dicaj di atas seksyen 41 yang boleh menyebabkan hukuman yang terlampau tinggi kalau dia tidak memandu dalam keadaan yang mabuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan supaya seksyen 41 ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu memandu secara berbahaya bukan untuk mereka yang mabuk dan juga bahagian kedua untuk khusus kepada mereka yang memandu secara mabuk. Ini kerana bayangkan kalau memandu secara berbahaya yang mungkin tidak melibatkan mabuk, mungkin disebabkan kecuaiian dan sebagainya, tetapi hakim sudah tidak ada pilihan kecuali mengenakan hukuman minimum lima tahun penjara dan ini saya kira agak berat bagi mereka yang melakukan kesalahan untuk kali yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara-perkara seperti ini yang perlu untuk kita fikirkan supaya ia tidak memberi satu tekanan yang berat kepada rakyat kita yang mungkin berlaku di sana sedikit kecuaiian, kealpaan dan sebagainya tetapi tidak berpunca daripada amalan memandu secara mabuk. Jadi, mohon supaya pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengambil ini sebagai suatu cadangan yang boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada statistik sejak tahun 2015 hingga 2020, sebanyak 927 kes yang melibatkan pemanduan di bawah pengaruh alkohol. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 47 kes melibatkan kemalangan maut. Kalau kita cerakinkan lebih lagi antara Januari hingga Jun tahun ini, maka kes maut berjumlah sebanyak 12 orang. Itu sudah merupakan jumlah tertinggi jika dibandingkan dengan tahun-tahun dari tahun 2015 hingga tahun 2019.

Berdasarkan data umum yang diakui bahawa kemalangan yang melibatkan pemanduan bawah pengaruh alkohol bukanlah punca utama kemalangan jalan raya di negara ini, namun kritikalnya pindaan ini adalah atas faktor kemalangan yang berlaku akibat daripada itu telah banyak meragut nyawa insan yang tidak bersalah atas sebab kecuaiian dan sikap tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan persoalan berkenaan dengan aktiviti advokasi dan program pendidikan yang diusahakan oleh Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensinya. Jika kita lihat amalan di negara-negara lain dalam menguruskan isu ini, mereka bukan sahaja meminda undang-undang tetapi juga ada program pendidikan yang berjalan seiring. Seperti di Vietnam, negara yang kadar pengambilan alkohol yang tinggi di Asia Tenggara, undang-undang mengehendaki semua iklan alkohol untuk memasukkan

peringatan kesihatan dan kedai mesti meletakkan notis minuman alkohol tidak dibenarkan dijual untuk golongan bawah umur.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang pernah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebelum ini, peranan pihak lain yang berkaitan dengan isu ini juga penting. Pengusaha premis yang menjual atau menawarkan pengambilan alkohol harus mengambil sikap bertanggungjawab. Dalam hal ini, apakah kerajaan telah menimbang untuk menguatkuasakan peraturan agar premis, penjual, pengusaha menggunakan alat pernafasan bagi menguji kandungan alkohol di dalam darah para pengunjung? Mungkin ia berkait dengan kementerian yang lain yang mungkin rundingan perlu dilakukan dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memastikan supaya kita juga mengambil pandangan ataupun perbandingan negara-negara lain yang berkaitan dengan pampasan kepada keluarga. Oleh itu, soalan saya, apakah langkah kerajaan dalam isu pampasan ini? Adakah terdapat usaha kerjasama dengan kementerian-kementerian lain? Saya harap bahawa dengan adanya pindaan yang menyeluruh yang mengambil kira semua, maka ia boleh memastikan supaya pihak mangsa juga mendapat keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rang undang-undang ini merupakan satu yang penting, maka saya menyokong. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat yang telah memberi pandangan yang bernas juga.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achuyuthan Nair. Sila.

#### **12.46 tgh.**

**Dato' Kesavadas a/l A. Achuyuthan Nair:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, memberi ruang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, arak dan dadah merupakan bahan yang memabukkan yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya. Rang undang-undang untuk menguatkuasakan hukuman yang lebih berat atas kesalahan memandu di bawah bahan yang memabukkan dan menyebabkan kecederaan atau kematian dialu-alukan demi keselamatan pengguna jalan raya secara amnya.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan ini kerana meneruskan apa yang telah dimulakan dan hampir selesai oleh kerajaan dahulu khususnya oleh mantan Menteri Pengangkutan iaitu Ahli Parlimen Seremban. Akta ini jelas akan melihat peningkatan hukuman penjara dan denda di beberapa bahagian serta pesalah yang melakukan kesalahan berulang menghadapi hukuman yang lebih berat.

Secara ringkas, inti sari pindaan akta ini lebih menjurus kepada kejadian yang menyebabkan kecederaan dan kematian akibat daripada memandu secara berbahaya dan keadaan mabuk atau di bawah pengaruh dadah.

Justeru, seksyen 41(1) ini mencadangkan dipinda untuk menaikkan hukuman penjara bagi kesalahan pertama dan yang berulang penjara minimum menjadi lima tahun iaitu penambahan dua tahun berbanding peruntukan sebelumnya. Bagi kesalahan berulang, mereka boleh dipenjarai antara 10 hingga 15 tahun. Denda di bawah seksyen 41 juga dinaikkan dari RM20 ribu, kepada RM50 ribu untuk kesalahan pertama dengan sabitan berikutnya boleh dikenakan denda antara RM50 ribu hingga RM100 ribu. Penambahan lesen juga akan ditingkatkan dari tiga tahun menjadi lima tahun.

Itu semua memang tidak ada masalah. Yang ada masalah, yang terlepas pandang ialah di bawah seksyen 41(5). Di bawah seksyen tersebut, lesen akan digantung serta-merta bermula dari tarikh pertuduhan dibacakan ke atas tertuduh. Ini bermakna seorang tertuduh telah menerima hukuman penggantungan lesen lebih awal di mana tertuduh masih belum dibicarakan dan mahkamah belum memutuskan sama ada tertuduh didapati bersalah ataupun tidak. Sedangkan prinsip kardinal undang-undang sendiri adalah jelas menyatakan bahawa seseorang adalah dianggap tidak bersalah sehingga beliau dibuktikan bersalah. Dengan izin, *a person is innocent unless proven guilty*.

#### ■1250

Dengan itu, persoalannya apakah rasional di sebalik peruntukan di bawah seksyen ini apabila lesen memandu digantung semasa pertuduhan kali pertama dibacakan ke atas tertuduh walhal tertuduh juga hendaklah membayar sejumlah wang sebagai jaminan dengan seorang penjamin sebagai jaminan beliau untuk hadir ke mahkamah setiap kali kes dibicarakan.

Saya berpendapat subseksyen ini perlu dikaji dan dipinda supaya lebih adil kepada tertuduh kerana di peringkat pertuduhan tertuduh masih belum bersalah. Lagipun banyak kes yang dituduh juga apabila dibicarakan telah dilepaskan dan dibebaskan oleh mahkamah. Sebagai contoh dan masih segar dalam ingatan semua ahli di sini ialah yang melibatkan lapan penunggang basikal lajak yang berlaku di Johor apabila Majistret Puan Siti Hajar Ali telah membebaskan tertuduh Cik Sam Ke Ting tanpa memanggilnya membela diri terhadap pertuduhan itu.

Selepas pihak pendakwaan gagal membuktikan *prima facie case* terhadap tertuduh, akhir kes pendakwaan. Di dalam kes ini, selama lebih dua tahun lesen memandu tertuduh telah digantung sedangkan tertuduh didapati tidak bersalah pada akhirnya oleh mahkamah.

Ini yang dimaksudkan bahawa tertuduh terpaksa menerima hukuman lebih awal sebelum tertuduh didapati bersalah. Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Yang Berhormat Senator, daripada apa Yang Berhormat Senator nyatakan tadi nampaknya macam seorang tertuduh itu telah diberikan hukuman sebelum kesalahan beliau dibuktikan di mahkamah. Kalau kita lihat sistem kehakiman di negara kita, walaupun dalam kes-kes jenayah yang berat hukuman telah dijatuhkan tetapi tertuduh boleh merayu hukuman tersebut andai kata di Mahkamah Tinggi ada tiga lagi tahap untuk merayu.

Sehingga rayuan terakhir, dengan izin, *exhausted* maka beliau boleh berfungsi seperti biasa tetapi dalam seksyen 41(5) ini nampaknya seperti seolah-olah tertuduh telah pun menerima hukuman. Jadi, apa komen. Yang Berhormat Senator telah menyatakan perlu pindaan tetapi dalam konteks kita sekarang ini, ini adalah suatu ketidakadilan. Jadi, apa pandangan?

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ini bermakna saya hendak tambah lagi tiga minit Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang saya katakan apabila pertuduhan itu dibaca kali pertama, kes belum dibicarakan lagi. Proses dia macam ini. Disebut selepas itu ada pengurusan kes dan selepas tiga empat kali baru dibicarakan.

So, maknanya lesen digantung. Apabila lesen digantung, ini adalah dianggap macam satu hukuman. Apa yang saya boleh cadangkan ialah pada alternatifnya ialah kementerian boleh mencadangkan bahawa mahkamah selain daripada bagi jaminan, bagi tambahan syarat supaya tertuduh melaporkan diri ke balai. Itu satu cara. *Now*, terdapat juga kes begini yang akan diturunkan pertuduhan kepada kesalahan yang lebih ringan. Sebagai contoh, seksyen 41(1) boleh diturunkan ke seksyen 43, atau seksyen 42 di mana dalam kedua-dua seksyen ini tidak ada penggantungan lesen.

Selain daripada itu, kesan daripada seksyen 41(5) ini juga akan memberi masalah yang lebih besar kepada tertuduh untuk memandu kenderaan terutamanya untuk pergi kerja atau urusan penting lebih-lebih lagi sekiranya tertuduh bekerja sebagai pemandu dan merupakan penanggung tunggal dalam keluarganya. Ini sekali gus memberi kesan kepada pekerjaan tertuduh dan akan menimbulkan kesan yang lebih besar apabila tertuduh hilang pekerjaan.

Saya juga ingin menyentuh perihal yang terkandung dalam seksyen 44, dan seksyen 45 iaitu hukuman kepada individu yang dituduh memandu di bawah pengaruh alkohol baik menyebabkan kematian orang lain mahupun hal memandu atau yang membawa kecederaan.

Berkenaan hal tersebut, saya ingin menegaskan agar diwujudkan satu *provision* atau peruntukan yang menyatakan secara spesifik tentang *concrete evidence* atau pembuktian

yang kukuh. Harus diadakan satu peruntukan di mana tertakluk kepada bukti yang kukuh dan dalam keadaan khas, dengan izin, *in special circumstances and subject to strict prove*. Hukuman tidak boleh dilaksanakan di mana pemandu atau yang dituduh boleh membuktikan kepada mahkamah bahawa dia memandu kenderaan dalam keadaan kecemasan seperti menghantar mangsa serangan jantung atau kemalangan teruk ke hospital dan tidak ada orang lain yang dapat menghantar mangsa ke hospital.

Dengan kata lain, sabitan kesalahan adalah bersandarkan keadaan tertentu yang mendesak seorang individu yang berada dalam pengaruh alkohol untuk memandu kenderaan persendirian. *Now*, sebagai contoh seorang pemandu baru selesai menghadiri sebuah *gathering* atau perhimpunan di hotel, di dewan di mana dia minum satu dua botol bir atau stout.

*Now*, 'B' seorang pelayan kebetulan tiba-tiba pengsan dan betul-betul memerlukan *emergency mobility* ke hospital yang terdekat. Ini di mana dalam situasi tersebut hanya 'A' daripada kalangan yang hadir *gathering* itu yang ada mempunyai lesen memandu yang sah dan boleh memandu. Jadi, berdasarkan kepada contoh tersebut, jika ketika pemandu itu yang pada hakikatnya berada dalam keadaan sedar atau *sober* ditahan oleh anggota polis pada waktu dia memandu ke hospital dan dijalankan ujian air kencing, bagaimanakah pengadilan terhadap pemandu tersebut?

Jika kita lihat seksyen 45, subseksyen 1, mana-mana individu yang dituduh atas kesalahan memandu dalam keadaan kandungan alkohol dalam darahnya melebihi takat, individu itu boleh didenda dengan amaun minimum sebanyak RM1000 dan berhadapan dengan tempoh penjara minimum setahun.

Dalam seksyen 45(A) tersebut, terdapat empat subseksyen dan tiada satu subseksyen pun yang mengikut penghakiman hakim di mahkamah selepas mempertimbangkan situasi kecemasan yang dibuktikan oleh yang dituduh. Berdasarkan pengalaman saya mengendalikan kes-kes begini di mana contoh yang sebutkan tadi adalah petikan daripada pengalaman sebenar saya mengendalikan kes *drunk driver*.

Sebagai peguam bela, biar pun *intention of driving* pemandu itu baik dan dia betul-betul berada dalam situasi *emergency*, pesalah atau yang dituduh tetap dijatuhkan hukuman oleh hakim mengikut seksyen 45(A). Jadi, demi mewujudkan elemen *fair judgement* dalam mengendalikan kes-kes *drunk driving*, yang dituduh mengikut seksyen ini, saya merasakan amatlah wajar sekiranya suatu peruntukan tambahan dinyatakan dalam seksyen ini yang menyatakan pengadilan mahkamah mengikut situasi yang dialami oleh pemandu yang dituduh memandu dalam keadaan mabuk.

Boleh jadi, pemandu itu seorang anak tunggal yang baru balik daripada majlis makan malam. Balik ke rumah dalam keadaan stabil dan sedar tetapi kandungan alkohol dalam darah

melebihi paras alkohol dalam darah seperti yang dinyatakan dalam pindaan seksyen 45(G). Ketika dia sampai di rumah, tiba-tiba ibu dia yang tinggal bersama serumah dengannya sakit dada dan minta anak tunggalnya hantar ke hospital dengan segera, dan *on his way to hospital*, dengan izin, ditahan oleh anggota polis dan minta lakukan *urine test*, atau *breathalyzer test*, dan dia gagal ujian tersebut.

Bagaimanakah pengadilan terhadap anak tunggal tersebut? Dengan izin, *it should be clearly stated in additional provision in this section*, dengan izin. Justeru itu, saya menyarankan agar tidak diwujudkan amaun dan tempoh penjara minimum bagi hukuman denda dan penjara bagi kesalahan-kesalahan yang dituduh mengikut seksyen 44, dan seksyen 45....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, seminit lagi. Teruskan, seminit lagi.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Satu minit lagi. Tuan Yang di-Pertua, tentang penguatkuasaan, *enforcement*. Apakah denda yang lebih berat ini boleh mengurangkan kes-kes yang membabitkan kemalangan dan kematian? Apakah kerosakan harta benda awam tidak diambil kira dalam akta ini?

Kementerian harus memantau terhadap tahap keberkesanannya apabila akta ini dikuatkuasakan nanti. Denda yang berat mungkin boleh mengundang perbuatan rasuah meningkat. Apakah rasuah untuk melepaskan diri boleh berlaku kerana denda yang dikenakan sudah meningkat? Ini harus difikirkan.

Adalah dicadangkan selaras dengan kenaikan denda ini, diadakan kempen kesedaran dan disiplin diri di peringkat sekolah lagi dan juga melalui media supaya rakyat lebih sedar akan akibat dan kesan memandu di bawah pengaruh bahan yang memabukkan. Terlalu awal bagi kita menduga apakah dengan pindaan ini akan berlaku pengurangan jumlah kesalahan memandu secara berbahaya yang dipengaruhi bahan yang memabukkan. Mari kita tunggu dan lihat sejauh mana keberkesanan daripada perubahan ini.

Saya akan beri pendapat saya untuk setuju atau tidak setuju selepas saya dengar hujahan daripada Yang Berhormat Menteri. Okey terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair sudah berucap dengan baik. Selepas ini, selepas kita rehat ada lagi 10 orang hendak bercakap bermula daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1.02 minit tengah hari. Dengan itu saya tangguhkan sidang ini pukul 2.30 petang. Terima kasih. *Wassalamualaikum*.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 tengah hari]**



**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi, kita hendak mulakan bersidang dengan satu usul dibacakan oleh Menteri kita. Yang Berhormat Menteri, dipersilakan.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.33 ptg.**

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan DR. 3/2020 Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020, DR 6/2020 Rang Undang-undang Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020, DR. 5/2020 Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020 seperti yang tertera di nombor 1, 2, 3, dan Ucapan Penangguhan di muka surat terakhir di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini, dan akan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 23 September 2020.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kerana menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya berbalik semula kepada kita punya pembahas-pembahas kita sebagaimana yang dijanjikan tadi.

Kita mulakan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

**2.35 ptg.**

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili :** Terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama ikut serta di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa perbahasan rakan-rakan saya sebelum ini adalah lebih kepada menyentuh tentang pemanduan dalam pengaruh alkohol ataupun pemandu mabuk. Akan tetapi, saya hendak mengalih sedikit perbahasan kita berkenaan dengan satu perkara yang terkandung di dalam rang undang-undang ini iaitu pindaan seksyen 2 yang menyentuh tentang kenderaan mikromobiliti.

Saya rasa- kita melihat pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh masyarakat kita iaitu tentang- mungkin ada kaitan dengan pindaan ini yang istilah 'kenderaan mikromobiliti'. Jadi, persoalan di sini, apakah kerajaan akan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang tertentu apabila pindaan ini diluluskan dan kenderaan mikromobiliti ini iaitu termasuk basikal, e-skuter dan sebagainya akan menjadi satu bentuk kenderaan yang di bawah bidang kuasa RUU ini? Apa yang menjadi persoalan masyarakat ialah adakah kementerian atau kerajaan akan melesenkan basikal? Ini yang menjadi persoalan masyarakat. Adakah basikal akan dilesenkan dan kalau dilesenkan, adakah ia akan diwujudkan kelas-kelas tertentu?

Sekarang kita lihat basikal daripada harganya beratus ringgit hingga harganya puluhan ribu ringgit pun ada, dengan kuasa kelajuan basikal itu berbeza-beza. Ini juga menjadi persoalan di dalam masyarakat, mungkin ada kaitan dengan apabila RUU ini diluluskan. Jadi, kebimbangan masyarakat ialah bagaimana kalau basikal itu dilesenkan? Apa jenis lesen yang perlu diambil? Adakah perlu ada ujian menunggang basikal? Adakah perlu dibayar lesen tahunan dan sebagainya? Atau yang memegang lesen basikal itu perlu mengambil insurans? Ini kerana perkara-perkara seperti ini haruslah...

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sikit.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Ya.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Nak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, apakah secara peribadi Yang Berhormat bersetuju kalau basikal dilesenkan? Itu saja soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Saya mempunyai pandangan yang mungkin tidak satu keputusan saja. Pada saya, kalau basikal itu kegunaan untuk orang kampung ataupun kegunaan untuk anak-anak pergi sekolah- jadi, saya rasa perkara itu perlu dipertimbangkan. Kalau mereka menggunakan basikal itu untuk tujuan rekreasi atau untuk tujuan berlumba basikal- *racing*, untuk tujuan perlumbaan itu mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan dan termasuk insurans.

Kita lihat satu perkara lagi yang kita lihat sekarang ialah aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh belia-belia kita atau anak-anak kita ialah basikal lajak. Ini juga harus diberi perhatian, kerana masyarakat memandang serius tentang perkara ini termasuklah polemik dalam masyarakat ialah sama ada kerajaan akan melesenkan basikal.

■1440

Saya juga setuju kalau mikromobiliti ini dimasukkan keadaan seperti *e-scooter*. Itu saya rasa patut dilesenkan dan penunggangnya atau pembawanya patut ada lesen kemahiran kerana ia boleh menimbulkan bahaya kepada masyarakat terutama sekali kalau- apakah, ia kalau ia digunakan seperti di lapangan terbang, digunakan di pasar raya-pasar raya yang selalu kita lihat yang diguna oleh sekuriti, pegawai-pegawai keselamatan.

Jadi adakah kalaulah berlaku kemalangan, apakah bentuk perlindungan yang ada kepada mereka yang menjadi mangsa kepada kemalangan itu? Ini satu perkara yang menjadi polemik dalam masyarakat kita bila mungkin mereka memikirkan bahawa rang undang-undang ini kalau ia diluluskan ia akan ada satu impak kepada masyarakat.

Jadi, bagi saya kalaulah kerajaan menguatkuasakan keadaan mikromobiliti ini hendak dilesenkan dan sebagainya. Pada saya ini permintaan sayalah sebagai Ahli Dewan Negara dari Sarawak, saya rasa kita boleh mungkin memberi kuasa khas kepada seksyen ini di mana kalau ia dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia tetapi untuk penguatkuasaan di Sarawak biarlah ia ditangguhkan dulu supaya rakyat di Sarawak dengan persetujuan Kerajaan Negeri Sarawak. Maka, barulah seksyen ini boleh dikuatkuasakan di Sarawak. Untuk di Semenanjung Malaysia atau di tempat-tempat lain itu terserahlah kepada budi bicara Menteri untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini khasnya tentang kenderaan mikromobiliti ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh juga bila berbahas dalam rang undang-undang ini ialah tentang penjualan minum alkohol di tempat-tempat awam seperti di tempat-tempat di pusat-pusat hiburan ataupun di kedai-kedai premis yang menjual minuman yang ada melibatkan penjualan alkohol.

Saya melihat bahawa bila kita menguatkuasakan Akta 342 yang kita sedang kuat kuasa pada masa itu akta untuk mencegah pengawalan penyakit berjangkit. Ini satu *example*, satu contoh yang baik. Kita mempunyai akta ini seperti ini.

Jadi apakah di dalam hal ini, kita boleh mengubah satu seksyen di mana apabila pusat hiburan ataupun premis yang menjual minuman-minuman alkohol ini mereka juga boleh *enforce* sama ada menerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun Jabatan Kesihatan supaya tiap-tiap pengunjung yang pergi ke pusat hiburan hendaklah mendaftar dan apabila balik, ujian pelepasan mereka hendaklah di ambil *test*, diambil periksa, supaya kalau kandungan alkohol itu melebihi pada had yang dibenarkan di bawah rang undang-undang ini maka pusat hiburan itu mempunyai kuasa untuk menahan mereka yang mengunjungi pusat hiburan itu daripada keluar ataupun balik- takut-takut mereka memandu secara sendirian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sedikit pandangan saya dan perlu juga diberi perhatian oleh kerajaan ialah tentang pemandu-pemandu lori misalnya yang mempunyai masalah kegagalan mekanikal. Ini juga merupakan satu fakta yang boleh membawa kepada kemalangan maut dan kalau boleh, kalau mereka menyebabkan kematian maka mereka bukan sahaja di dakwa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 tetapi mereka juga boleh didakwa di bawah kanun keseksaan yang lain kerana membunuh. Kalau cukup bukti maka mereka harus di buat pendakwaan. Pendakwaan yakni iaitu setimpal dengan kesalahan membunuh.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja hujah saya, perbahasan saya. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Terima kasih, masa dalam betul-betul tepat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol. Silakan.

#### **2.45 ptg.**

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi, Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan ini secara kasarnya mencadangkan tiga pindaan yang utama.

Pertama adalah memperluaskan pemakaian akta kepada kenderaan yang ditafsirkan sebagai kenderaan mikromobiliti.

Kedua, memperketat lagi had maksimum kepekatan alkohol. Sama ada dalam nafas, darah dan air kencing kepada tahap yang lebih rendah.

Ketiga, adalah meningkatkan lagi hukuman bagi kesalahan-kesalahan memandu secara melulu, memandu secara tidak cermat, memandu semasa berada di bawah pengaruh

alkohol ataupun dadah dan begitu juga dengan menjaga kenderaan semasa dalam keadaan mabuk dan enggan memberi sampel spesimen semasa dikehendaki termasuk enggan menjalani ujian nafas apabila dikehendaki.

Jadi, pada untuk yang pertama iaitu memperluaskan pemakaian akta kepada kenderaan mikromobiliti. Saya berpendapat ini adalah wajar memandangkan kita melihat perubahan gaya hidup. Mungkin di sini penekanan kita kepada basikal sama ada menggunakan tenaga manusia atau elektrik tetapi di negara-negara barat khususnya di mana kesesakan lalu lintas berlaku di bandar-bandar utama mereka menggunakan kenderaan mikromobiliti untuk *interconnectivity*, dengan izin, yang lebih baik. Begitu juga dalam pertimbangan mereka untuk menjaga kesihatan alam sekitar.

Jadi, mungkin ini satu- selain daripada menangani masalah yang kita hadapi sekarang budak-budak kecil yang suka menggunakan kenderaan sedemikian secara yang tidak berhemat, secara yang melulu. Ia boleh juga dikatakan sebagai satu *first sighted*, dengan izin, peruntukan untuk memperuntukkan mungkin pada masa depan kita *trained* gaya hidup yang ada di negara-negara asing akan datang ke Malaysia ini.

Selain daripada memperluaskan pemakaian kepada kenderaan mikromobiliti. Ia juga memperuntukkan hukuman berdasarkan kesalahan-kesalahan yang sama di bawah seksyen 41, 42, 43, dan 44 Akta Pengangkutan Jalan, dan pindaan yang kedua ini yang amat serius, yang amat penting iaitu memperketat atau menurunkan had maksimum alkohol yang dibenarkan iaitu daripada 80 miligram kepada 50 miligram dalam 100 mililiter darah dan daripada 35 mikrogram kepada 22 mikrogram alkohol di dalam nafas dan daripada 107 miligram kepada 67 miligram alkohol di dalam air kencing.

Ini merupakan satu penurunan yang kalau dikira adalah, akan menempatkan kita di kalangan sekitar 88 negara-negara lain yang mempunyai had maksimum. Biar saya gunakan perkataan yang ringkas Tuan Yang di-Pertua, *BAC Level* yang serupa dengan kita ataupun yang kurang daripada kita.

Jadi, berdasarkan pembentangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ia adalah berdasarkan piawaian yang telah disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

#### ■1450

Akan tetapi, apabila kita melihat adakah ini adalah merupakan *best practice* dengan izin, adakah ini amalan yang terbaik? Oleh sebab kita melihat ada juga di negara-negara lain seperti Jepun, India dan Taiwan yang mempunyai BAC yang lebih rendah iaitu sebanyak 0.03, berbanding dengan apa yang kita cadangkan sebanyak 0.05.

Jadi, dari segi saintifiknya, kajian telah menunjukkan tidak kira banyak alkohol yang dia minum, walaupun tahap kepekatan alkohol di dalam darah sebagai contoh, adalah kurang

daripada 0.05 mungkin berada pada tahap 0.03, ia memang akan menyebabkan kemerosotan keupayaan memandu.

Jadi oleh kerana piawaian ini disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, mungkin sebab itulah kita menggunakannya. Akan tetapi, apabila kita lihat, ada juga- saya lihat ini sebagai amalan yang terbaik. Negara-negara tertentu yang mempunyai, dengan izin, *zero tolerance*, maknanya tidak boleh minum langsung bagi pemandu-pemandu yang tidak sampai dua tahun hingga tiga tahun baru memandu, dengan izin, *new drivers*. Ini termasuk juga pemandu-pemandu yang berumur di bawah 21 tahun kerana alasannya mereka darah muda dan suka mengambil risiko, belum matang fikiran. Di negara-negara tertentu, umur di bawah 21 tahun tidak boleh minum. Di sesetengah negara, *zero tolerance* juga kepada pemandu-pemandu kenderaan berat, misalnya, lori pengangkutan barang dan juga kenderaan yang mengangkut orang awam seperti bas pelancong dan sebagainya.

Jadi, pada pendapat saya, ini adalah satu amalan yang baik, kita melihat kadang-kadang insiden-insiden yang lepas di mana kemalangan berlaku yang menyebabkan banyak nyawa hilang akibat daripada kemalangan kenderaan-kenderaan awam seperti bas dan sebagainya. Jadi, benda ini sudah diluluskan tetapi mungkin pada masa yang lain nanti, apabila hendak buat pindaan, boleh dipertimbangkan. Ini adalah merupakan satu amalan yang baik pada pendapat saya.

Seterusnya, berkenaan dengan pindaan yang ketiga, meningkatkan hukuman bagi kesalahan memandu iaitu secara melulu, dengan izin, *reckless driving* secara membahayakan, memandu secara tidak cermat dan tidak bertimbang rasa, memandu semasa dalam keadaan mabuk dan tidak menjaga kenderaan semasa mabuk ataupun semasa khayal serta kesalahan-kesalahan enggan menjalani ujian nafas, enggan memberikan sampel ataupun spesimen apabila dikehendaki.

Jadi, kita lihat sesuatu pindaan itu hendaklah efektif. Memang itulah tujuan undang-undang ini dipinda. Adakah dengan menurunkan BAC ini, akan mengurangkan kemalangan yang menyebabkan maut dan adakah ia akan efektif? Jadi, perkara ini belum kita lakukan. Akan tetapi kalau kita melihat apa yang berlaku di negara-negara lain yang telah menurunkan had BAC mereka daripada sebanyak 0.08 kepada sebanyak 0.05, didapati mereka mengalami penurunan kemalangan akibat daripada, dengan izin, *drunk driving*, menurun.

Begitu juga kemalangan disebabkan oleh memandu secara melulu dan secara berbahaya, menurun. Sangat ketara sekali, kalau kita lihat contoh di Australia, begitu juga di Eropah dan beberapa negara yang di mana hukumannya adalah agak serius, agak ketat.

Jadi, pada pendapat saya, dengan melihat kepada apa yang telah berlaku di negara-negara yang telah menurunkan had BAC mereka. Jadi, kita- saya rasa boleh, melalui pindaan ini, kerajaan akan dapat menangani, dapat mengurangkan kemalangan yang berlaku akibat

daripada mabuk. Ini digandingkan pula dengan hukuman yang ditingkatkan di mana sebelum ini hukuman tidak mandatori, tetapi sekarang hukuman adalah mandatori bagi menyebabkan kematian kerana memandu semasa mabuk, menyebabkan kematian akibat memandu secara melulu dan juga menyebabkan kecederaan kerana mabuk.

Jadi, hukuman yang dicadangkan adalah saya rasa salah satu daripada yang agak, dengan izin, agak *strict* berbanding dengan negara-negara yang lain. Jadi, saya percaya dengan adanya hukuman ini, masalah negara berkaitan dengan memandu secara melulu, di bawah pengaruh alkohol yang menyebabkan kematian, mungkin dapat kita bendung nanti.

Jadi, sebagai penggulungan Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang *best*, maaf ya, *strict* macam itu, yang mempunyai hukuman yang tinggi dan sebagainya, tidak bermakna jika penguatkuasaannya lemah. Di negara-negara yang berjaya membendung perkara ini, penguatkuasaan yang dilakukan adalah berterusan, khususnya di kawasan-kawasan berdekatan dengan tempat-tempat seperti tempat minuman, bar, pub dan sebagainya. Terdapat juga negara-negara tertentu yang memerlukan pengusaha bar ataupun tempat minuman untuk membuat ujian nafas kepada pelanggan-pelanggan mereka. Sekiranya melebihi had yang ditetapkan, melarang pelanggan-pelanggan mereka daripada memandu.

Selain daripada itu, pendidikan awam orang ramai adalah sangat penting. Apabila kita bercakap tentang tidak melebihi sebanyak 0.05 kepekatan darah, orang kampung tidak faham Tuan Yang di-Pertua, apa maksud itu. Berapa banyak tuak, berapa banyak langkau, berapa banyak Cap Apek, berapa banyak wiski, berapa banyak *beer* yang boleh diminum sebelum melebihi had yang dibenarkan.

Jadi ini perlu, sebab toleransi seseorang kepada alkohol adalah tidak sama bergantung kepada berat badan, jantina dan kadar metabolisme. Jadi perlu adakan satu pendidikan kepada orang awam sebelum akta ini dikuatkuasakan dan publisiti adalah sangat penting. Walaupun dinyatakan bahawa kejahilan undang-undang tidak dapat dimaafkan, tetapi bagi perkara yang sangat serius seperti ini yang mengakibatkan kehilangan, dengan izin, *freedom* seseorang, sehingga 10 tahun bagi kesalahan memandu semasa di bawah pengaruh alkohol, adalah begitu penting kita membuat publisiti melalui radio, melalui papan tanda yang bersesuaian supaya masyarakat kita mengetahui tentang undang-undang yang baharu ini.

Dengan itu, saya menyokong supaya rang undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol. Baik.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan, dipersilakan.

**2.59 ptg.**

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang diluluskan di Dewan Rakyat, pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020.

Saya juga mengambil kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang sangat proaktif untuk mempercepatkan pindaan terhadap akta ini. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Nasional mengutamakan keselamatan rakyat dan mendahulukan kepentingan rakyat. Bukan bercakap kosong, tetapi merealisasikan apa yang diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kemalangan yang melibatkan pemandu mabuk bukanlah lagi satu perkara yang luar biasa.

**■1500**

Di negara kita apabila satu demi satu berita mengenainya di paparkan dalam media massa. Pada 1 Jun 2020 telah dilaporkan seorang lelaki maut terbabit dalam kemalangan dengan sebuah kereta yang dipandu lelaki mabuk dan motosikalnya diseret sejauh dua kilometer. Peristiwa ini berlaku di Lebuhraya Sultan Iskandar, Kuala Lumpur. Pemandu motosikal ini yang cedera parah di kepala akibat dalam perjalanan menghantar makanan yang dijual isterinya. Ini salah satu contoh kemalangan yang disebabkan oleh pemandu mabuk. Saya percaya tidak ada di kalangan kita yang mahukan ia berlaku lagi di Malaysia. Jika ia tidak dibendung segera, maka ia akan merebak dan membarah.

Oleh sebab itu pindaan daripada seksyen 41 hingga seksyen 45, Akta 333 adalah bukti kesungguhan kerajaan untuk memastikan tindakan tegas bagi kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah dan memandu secara melulu termasuk merempit dan memandu secara agresif.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya tidak ada mana-mana negara di dunia ini yang membenarkan rakyatnya memandu dalam keadaan mabuk. Kempen *Don't Drink and Drive*, dengan izin, adalah kempen yang biasa kita dengar di mana-mana tempat. Cuma yang membezakannya adalah apakah bentuk hukuman yang dikenakan kepada pesalah ini.

Di negara China, pemandu yang didapati bersalah kerana memandu di bawah pengaruh alkohol serta menyebabkan kematian, pemandu tersebut dikenakan denda dengan menanggung semua tanggungan si mati, ini termasuklah keseluruhan perbelanjaan keluarga sehinggalah ke perbelanjaan pendidikan anak si mati. Selain daripada lesen pemandu yang didapati bersalah, digantung dalam jangka masa yang panjang.

Di Turki pula, pihak polisnya akan menghukum pemandu mabuk dengan membawa pesalah sejauh 30 kilometer daripada bandar mereka dan mengarak mereka berjalan kaki pulang dengan diiringi polis. Di Rusia, mana-mana pesalah akan ditarik lesen memandunya buat selama-lamanya. Di Norway, pemandu mabuk dikenakan penjara tiga minggu dan



dikenakan hukuman kerja buruh keras serta kehilangan lesen memandu selama setahun. Akan tetapi lebih hebat lagi di negara seperti Vietnam, Brazil dan Paraguay tidak membenarkan sama sekali rakyatnya memandu dalam keadaan meminum arak. Saya lebih bersetuju untuk kerajaan mempertimbangkan perkara ini seperti mana yang telah dilaksanakan oleh negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Saya menyebutkan ini kerana apa yang boleh jadi ukuran jika hendak dipastikan pemandu boleh dikenal pasti dia boleh memandu. Adakah pemandu yang meminum arak dapat memastikan bahawa kadar alkohol yang kini ditetapkan 22 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas, 50mg alkohol dalam 100ml darah atau 67mg alkohol dalam 100ml air kencing seperti mana yang diluluskan dalam pindaan ini dapat ditentukan oleh mereka yang terlibat dalam minum alkohol. Justeru, saya mengharapkan perkara ini dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa faktor utama yang menyebabkan kemalangan adalah berpunca daripada sikap pemandu yang cuai dan mementingkan diri sendiri apabila berada di atas jalan raya. Ops Sikap yang telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia bermula tahun 2001 hingga 2011, sebanyak 25 kali dan disambung dengan Ops Selamat menunjukkan betapa seriusnya masalah sikap pemandu rakyat Malaysia.

Menteri Pengangkutan ketika diminta mengulas apakah punca utama sepanjang Ops Sikap ke-23 pada tahun 2011, menyebut bahawa sikap negatif pemandu kenderaan dan penunggang motosikal adalah punca utama kematian akibat kemalangan, antaranya sering melebihi had laju, memandu dan menunggang dengan cuai, berhenti secara mengejut, mengekori dengan rapat serta melanggar lampu isyarat.

Kajian yang dijalankan oleh *Green* dan *Senders* mendapati kesilapan pemandu dalam mengendalikan kenderaan menyumbang kepada 57 peratus punca nahas jalan raya. Sikap hanya boleh berubah daripada dalam diri seperti kata pepatah, *you are the master of your attitude*, dengan izin. Kerajaan perlu meneruskan kempen-kempen kesedaran terhadap perubahan sikap rakyat Malaysia ketika berada di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman berbentuk pencegahan dan pengajaran yang dikenakan ini diharapkan dapat membantu yang dikenakan ini dengan harapan dapat membantu masyarakat mematuhi semua peraturan jalan raya seterusnya meningkatkan tahap keselamatan lalu lintas. Jangan biarkan peristiwa seperti yang telah saya nyatakan tadi berlaku lagi di negara kita ini. Jangan biarkan air mata seorang isteri mengalir kerana menerima sekujur badan suami yang berselimut putih... [Tepuk]

Sekali lagi, saya menyokong dan menggesa agar ia dapat diluluskan segera di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Terima kasih pandangan tadi.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, silakan.

### 3.07 ptg.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987, atau Akta 333.

Secara dasarnya, saya menyokong semua fasal-fasal yang akan dipinda dalam rang undang-undang ini iaitu pindaan seksyen tersebut.

Seksyen 41 menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan.

Seksyen 42 memandu secara melulu dan membahayakan.

Seksyen 43, memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa.

Seksyen 44, memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah.

Seksyen 45, keadaan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah.

Seksyen 45(a), memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan.

Secara amnya, pindaan-pindaan ini akan menambahkan hukuman ke atas kesalahan pemandu-pemandu mabuk disebabkan alkohol atau dadah dari segi kadar denda, tempoh penjara dan tempoh penggantungan lesen memandu. Kita hendak memberikan satu mesej yang kuat kepada pemandu supaya kalau sudah minum alkohol terlampau, jangan sekali memandu.

Pindaan terhadap rang undang-undang ini iaitu seksyen 44 mengenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun, denda RM100 sehingga RM150 ribu, dan hilang kelayakan lesen memandu 20 tahun jika memandu semasa di bawah pengaruh minuman yang memabukkan serta dadah dan menyebabkan kematian. Jika kita membandingkan dengan negara-negara lain, hukuman ini tidaklah terlalu melampau.

#### ■1510

Saya beri contoh ya. Di Kanada, pemandu yang membuat kesalahan serupa, boleh di penjara seumur hidup. Di New Zealand, dia akan dikenakan 14 tahun penjara. Di Eropah, di negara Bulgaria, dia boleh dikenakan hukuman mati dan di *Saudi Arabia*, pemandu mabuk bukan sahaja boleh di penjara dan didenda malah disebat di khalayak ramai atau *public whipping*, dengan izin.

Berkenaan dengan kandungan alkohol yang dibenarkan sekarang, saya bersetuju bahawa kandungan alkohol kita agak tinggi jika dibandingkan dengan yang dicadangkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization* (WHO), dengan izin.

Jadi saya bersetuju bahawa kandungan alkohol itu diturunkan mengikut had yang telah dicadangkan oleh WHO. Pindaan terhadap kandungan alkohol yang dicadangkan adalah seperti yang sudah diberitahu oleh rakan saya yang dulu tadi. Alkohol dalam nafas sudah turun ke 22 mikrogram, alkohol dalam darah turun ke 50 miligram dan alkohol dalam air kencing turun ke 67 miligram.

Hasrat ini semuanya baik. Akan tetapi kalau hendak menjayakan usaha ini, isu integriti daripada segi penguatkuasaan itu amatlah penting. Kita berharap pihak penguat kuasa seperti polis dan juga barangkali JPJ, akan menentukan ada, dengan izin, *Standard Operating Procedure* (SOP) supaya penguat kuasa yang adil dan keputusan siasatan tidak boleh dipertikaikan di mahkamah.

Mengikut statistik yang sedia ada, jumlah keseluruhan kemalangan maut bagi tahun 2015 hingga Mei 2020 adalah 34,891 iaitu purata hampir 7,000 kematian setiap tahun dalam lima tahun yang lepas. Ini adalah jumlah yang besar. WHO mengatakan bahawa Malaysia mencatatkan 23.6 peratus kematian daripada kematian jalan raya 100 ribu orang. Itu bererti 23,600 orang akan maut. Keadaan ini juga kita tidak boleh terima. Jumlah kemalangan maut yang tinggi ini sebenarnya bukan disebabkan oleh pemandu mabuk sahaja malah mungkin hanya satu peratus kemalangan maut disebabkan pemandu mabuk.

Kes yang paling banyak adalah pengguna motosikal iaitu sebanyak 22,375 kes atau 64 peratus. Oleh sebab itu saya cadangkan kempen khas diadakan untuk memastikan dan menggalakkan penunggang motosikal memakai topi keledar dan pihak penguat kuasa seperti polis dan JPJ menguatkuasakan peraturan ini dengan tegas tanpa kompromi, tidak kira pangkat atau kedudukan di masyarakat atau orang awam atau Menteri.

Daripada segi usaha-usaha pencegahan, saya cadangkan:

Satu, alat-alat untuk saringan nafas alkohol, darah dan air kencing mestilah diiktiraf di peringkat antarabangsa atau *world standard*, dengan izin. Cadangan ini adalah untuk mengelakkan pertikaian di mahkamah.

Kedua, pendidikan amatlah penting kalau kita tengok dari negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, New Zealand, Belanda di antara negara-negara yang mengamalkan kempen *Don't Drink and Drive*, Jangan Minum dan Memandu. Saya cadangkan bahawa kita di Malaysia boleh mengamalkan kempen serupa. Semalam telah difahamkan oleh Menteri bahawa kempen *Don't Drink and Drive*, memang sudah sedia ada tetapi mungkin boleh ditingkatkan untuk mencegah kemalangan jalan raya.

Cadangan saya yang ketiga ialah mengehendkan penjualan alkohol di kelab malam. Sebagai contoh antara jam 8 hingga 4 pagi. Untuk kedai biasa boleh dijual 7 pagi hingga 11 malam. Dengan cara ini, alkohol tidak boleh dijual 24 jam sehari seperti mana keadaan di negara kita sekarang.

Juga kita mesti mengehendkan umur pembeli alkohol bawah dari 18 tahun. Ini bererti bila seseorang itu bawah dari 18 tahun tidak boleh membeli alkohol.

Jadi saya harap peraturan-peraturan ini dapat dikuatkuasakan dengan adil apabila kita meluluskan pindaan ini. Pindaan ini memberikan mesej yang kuat kepada semua pemandu sama ada pemandu mabuk atau tidak mabuk atau penunggang motosikal untuk menjaga keselamatan di atas jalan raya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, telah berikan pendapat yang terbaik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Dipersilakan.

### 3.17 ptg.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya mengucapkan terima kasih pada ruang yang diberi untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini.

Kita rakyat Malaysia amat takut dengan COVID-19, sedangkan kematian denggi, kematian jalan raya, kemalangan maut sangat tinggi di negara kita. Kalau kemalangan maut mencecah 6,000 hingga ke 7,000 setahun. Namun usaha kerajaan untuk membendung pemandu mabuk melalui rang undang-undang ini, saya amat menyokong dan mohon segera dibahaskan dan diluluskan oleh pihak kerajaan.

Banyak isu telah di bahas, di bincang oleh rakan-rakan Senator. Saya mungkin membangkitkan dua atau tiga perkara yang perlu diberi tumpuan oleh pihak kerajaan. Pertama ialah mewajibkan pusat hiburan yang beralkohol ini menyediakan alat tahap menguji alkohol supaya pemabuk ataupun pengunjung pusat hiburan ini tidak dibenarkan memandu sewaktu pulang ke rumah ataupun ke tempat penginapan dan memberi kuasa kepada pusat hiburan untuk memesan *Grab* atau teksi atau kenderaan berbayar untuk menghantar pulang pemabuk-pemabuk ini. Kebanyakan pemabuk ataupun yang terlibat dengan alkohol yang memabukkan telah mengundang suatu bahaya di jalan raya bagi pemandu-pemandu atau membenarkan beliau pemandu bagi kenderaan untuk pulang.

Kedua, cadangan supaya melihat definisi kepada perkara yang memabukkan itu. Mungkin dalam definisi yang ada ini terikat dengan dadah ataupun ketum ataupun pil kuda

dan sebagainya yang berbentuk berasaskan kepada manipulasi bahan-bahan yang berasaskan dadah. Namun sejauh manakah sekiranya pemandu itu mabuk tidak meminum alkohol tetapi mabuk. Umpama contoh dia minum ubat batuk dan mengantuk di jalan raya, berlaku *accident*. Adakah perkara ini juga terikat dalam rang undang-undang ini?

■1520

Seterusnya juga menekankan sejauh mana usaha kerajaan untuk memberi kesedaran kepada pemandu yang mabuk dan juga rakan yang se-kenderaan kepada kenderaan yang dinaiki tadi. Apa yang kita lihat, beberapa negara lain tidak membenarkan pemabuk memandu, namun membenarkan rakan itu yang memandu. Ini juga satu kaedah bagaimana hendak mengelakkan atau mengurangkan kadar kemalangan yang dibawa atau yang disebabkan oleh pemabuk.

Akhir sekali, ini sahaja yang dapat saya bantu bahas kepada perkara ini. saya amat menyokong rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang memberi pandangan yang baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, silakan.

**3.20 ptg.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya mulakan ucapan saya dengan statistik. Tadi ada sebahagian Yang Berhormat Senator juga ada statistik. Kalau kita lihat daripada tahun 2011 sehingga tahun 2019, jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2011 ialah 449,040 dan pada tahun 2019 ialah 567,516 sekitar setengah juta kemalangan. Jumlah kematian agak konsisten.

Pada tahun 2011 seramai 6,877 orang, pada tahun 2012 seramai 6,917 orang, pada tahun 2013 seramai 6,915 orang, pada tahun 2014 seramai 6,674 orang, pada tahun 2015 seramai 6,706 orang, pada tahun 2016 meningkat kepada 7,152 orang, pada tahun 2017 seramai 6,740 orang, pada tahun 2018 seramai 6,284 orang dan pada tahun 2019 seramai 6,197 orang.

Maknanya dalam setahun, jumlah kematian di jalan raya kita ialah sekitar 6,000 orang sehingga 7,000 orang. Kalau di bahagi dengan hari, hari-hari ada sahaja mayat yang bergelimpangan di jalan. Hendak mengatakan betapa seriusnya kemalangan jalan raya di negara kita.

Daripada statistik ini menunjukkan bahawa- dia kata kita menduduki tempat yang ke-20- *top 20*, dalam dunia manakala di ASEAN kita berada di kedudukan ketiga. Jumlah *accident* dan jumlah kemalangan dengan jumlah kematian ialah sekitar 14 peratus daripada jumlah kemalangan setiap bulan. Dia kata, 60 peratus daripada kematian adalah sebab

motosikal dan 61 peratus berlaku *accident* di luar bandar. Apa yang sedihnya *sadly* dia kata, *46 percent* apa yang meninggal ialah *age below 25 years old*. Sebanyak *46 percent* daripada yang meninggal ini, berusia bawah 25 tahun dan *94 percent* adalah lelaki. Oleh sebab itu ramai lelaki yang meninggal di jalan.

Kemudiannya, kalau kita lihat jumlah insurans yang dikelim pada tahun 2018 ialah RM5.5 bilion dan dijangka *losses* kerana kematian ini ialah sekitar RM10 bilion setahun. Saya hendak beritahu betapa seriusnya masalah kematian di jalan raya yang menyumbang faktor keempat, yang menduduki tempat keempat di hospital. Di mana kalau kita pergi, antara faktor keempat adalah kerana kemalangan jalan raya.

Saya pernah berada di hospital, hampir setiap jam ada remaja-remaja yang masuk hospital kerana kemalangan jalan raya. Oleh sebab itulah saya melihatkan bahawa supaya pindaan akta ini dilihat secara menyeluruh. Ini kerana penyumbang kematian di jalan raya akibat daripada mabuk ini ialah sekitar satu peratus. Apabila kita meminda akta ini, saya melihat supaya melihat keseluruhan faktor yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya dan juga- ini yang saya sebutkan tadi ialah meninggal, parah juga hampir sama. Hampir setiap tahun yang parah antara 4,000 orang hingga 5,000 orang yang cacat anggota dan sebagainya.

Oleh sebab tadi supaya akta ini- oleh sebab ia dipinda kalau boleh pihak kementerian melihat secara menyeluruh punca-punca yang menyebabkan kemalangan jalan raya dan juga punca yang menyebabkan kematian di jalan raya. Tidak semua puncanya adalah daripada pemandu mabuk. Akan tetapi, ada punca utama adalah kerana pemandu kereta yang cuai dan yang *reckless* tersebut memandu merbahaya. Saya rasa kalau ada kes-kes begini memang wajar diambil tindakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon penjelasan daripada sahabat saya?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob. Tadi Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob menyebutkan tentang kecuaiian pemandu-pemandu kita di jalan raya yang antara sebab dan punca berlakunya kemalangan jalan raya. Bagi meningkatkan tahap kesedaran pemandu-pemandu supaya tidak cuai, boleh atau tidak agaknya kalau kita melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya, Kementerian Pengangkutan memikirkan, dibuatkan papan-papan tanda, papan iklan yang agak nadanya, ayatnya agak keras sedikit.

Umpamanya di kawasan-kawasan yang selalu berlaku kemalangan, “Di kawasan ini telah berlaku kemalangan sebanyak 20 kali, kematian 19 kali, kalau hendak mati cepat pandulah laju-laju...” macam itu. Keras punya ayat. Ataupun kita buat satu papan tanda iklan

“Penempahan batu nisan. Bagi pemandu-pemandu yang cuai, ini nombornya...” Misal kata macam itulah- yang agak keras sedikit. Supaya apabila dia baca, dia jadi tersentak dan jadi sedar tentang untuk kembali menjaga keselamatan jalan raya. Mohon ulasan sedikit daripada sahabat saya Dr. Yaakob.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Terima kasih Yang Berhormat. Ia antara *positive motivation* dengan *negative motivation*. Saya nampak ada sebahagian simpang-simpang yang mendedahkan jumlah kemalangan jalan raya dalam bulan itu, ada. Ataupun kita kata, “Tidak mengapa memandu laju, kereta jenazah disediakan...” [*Ketawa*] Saya rasa boleh digunakan juga kaedah *negative motivation*.

Saya hendak beritahu bahawa jumlah kematian di jalan raya di negara kita adalah yang tertinggi dengan kerugian mencapai sebanyak RM10 bilion setahun. Oleh sebab itulah saya sebut tadi kalau boleh, akta dipinda secara menyeluruh. Saya lihat akta respons kepada *public cries*. Bilamana ada *accident* pemandu mabuk kepada- menyebabkan kematian. Jadi oleh sebab publik itu sangat tinggi kompelinnya, kita ambil respons dengan akta ini.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Yang Berhormat Senator, boleh minta laluan? Ini pindaan dibawa adalah merupakan satu reaksi atau betul-betul respons yang bijaksana dan berwajar?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya mencadangkan kementerian melihat keseluruhan faktor-faktor kemalangan jalan raya dan kita menjadikan satu akta yang boleh mengawal mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Tidak hanya respons kepada publik.

Oleh sebab kalau kita lihat unjuran ini selama 10 tahun tidak nampak pengurangan, ini bermakna Ops-ops yang dibuat di jalan raya setakat ini oleh pihak polis atau JPJ tidak memberi kesan. Atau kempen-kempen yang dibuat selama ini tidak berkesan kerana jumlahnya tidak ada penurunan. Bahkan ada peningkatan pada tahun 2016. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat tadi kalau boleh akta ini dilihat keseluruhannya, tidak hanya respons untuk selesaikan satu peratus masalah.

*Point* saya seterusnya ialah supaya agensi pelaksana ini lebih tegas. Contohnya, mengapa kalau kita memandu di Singapura boleh ikut peraturan apabila menyeberang ke Johor Baharu, langgar peraturan. Saya yakin hampir semua Yang Berhormat Senator di sini langgar undang-undang jalan raya. Oleh sebab tidak ada yang membawa di bawah 110 kilometer sejam. Saya sendiri kalau bawa balik, jarang bawa 110 kilometer sejam. Ahli-ahli Yang Berhormat bawa 110 kilometer sejam kah?... [*Tepuk*]

Saya lihat supaya agensi pelaksana, polis dan JPJ agar lebih melaksanakan tugas mereka dengan lebih sempurna dan tidak ada kompromi. Satu lagi, unsur-unsur rasuah di kalangan penguat kuasa hendaklah dihindarkan atau beri insentif kepada mereka yang banyak membuat tangkapan. Pada dua minggu lepas saya jumpa PATI, datang ke rumah saya sebab hendak buat *renovation*. Saya tanya macam mana boleh naik kereta? Kamu tidak

ada *passport*, tidak ada IC, tidak ada apa? Senang sahaja, Tuan. RM150 atau RM200. Kalau ditahan, RM150 atau RM200. Itulah.

■1530

Contohnya hukuman. Hukuman di sini cuma ada dua sahaja sama ada denda atau penjara. Saya pernah ada seorang PhD studen jumpa saya, dia cadangkan hukuman yang lebih ringan tetapi berkesan. Contohnya, dia kata, siapa-siapa yang memandu laju, rehatkan. Beri kuasa kepada polis atau JPJ boleh menahan tidak lebih daripada enam jam. Contohnya, kalau dia memandu berbahaya di kawasan Nilai, kena berehat di Seremban enam jam. Jadi, tak ada sebab kena hendak laju. Bas yang dipandu laju boleh ditahan enam jam di R&R, biar dia minum. Tak ada denda, tak ada apa, "Terima kasih tuan. Sila berehat selama empat jam di sini." Yang ini, dia kata, kajian ini menunjukkan lebih berkesan berbanding ops yang kita buat. Itulah kalau boleh hukumannya tidak hanya denda dan penjara.

Saya difahamkan di India, ada limit. Contohnya, kalau kita dibenarkan memandu 100 kilometer sejam, 300 kilometer bermakna kita harus sampai dalam masa tiga jam. Seandainya kita sampai kurang daripada tiga jam, boleh dikenakan denda atau ditahan atau direhatkan.

Ini contoh-contoh undang-undang yang nampak fleksibel tetapi lebih berkesan berbanding undang-undang yang ada sekarang ini. Pelaksanaannya kena tegas. Itulah saya mencadangkan supaya kajian dibuat secara menyeluruh kepada JPJ, kepada Kementerian Pengangkutan agar graf A yang- apakah kalau kita laksanakan undang-undang ini, tahun depan kena baca semula, apakah menurun jumlah kematian atau jumlah kemalangan jalan raya.

Saya setuju supaya undang-undang berat diberi. Cuma, saya lihat di sini, Parlimen ini membuat keputusan bagi pihak hakim. Hakim tidak diberi kuasa untuk budi bicara sebab mandatori. Mesti 10 tahun dan ke atas. Maknanya hak hakim telah diambil oleh Parlimen, oleh pembuat undang-undang. Hakim tidak diberi kuasa untuk budi bicara kalau kes-kes kecemasan dan sebagainya. Selain itu, apakah ini wajar dari segi keadilan, dari segi prinsip undang-undang itu di mana kuasa hakim diambil oleh Parlimen?

Jadi, itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sedikit pandangan saya pasal undang-undang ini oleh sebab dalam sistem kita tidak ada sistem di mana untuk kita menyemak semula undang-undang ini. Kalau boleh, saya minta Kementerian Pengangkutan itu supaya menyemak keseluruhan faktor yang menyebabkan kemalangan jalan raya dan supaya bertindak lebih tegas dan kita harapkan supaya data kemalangan ini boleh diturunkan. Kita rasa inilah hendak menyelamatkan generasi muda kita daripada berterus-terusan meninggal di jalan raya. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari yang memberi pandangan yang terbaik juga.

Sekarang pula saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Dipersilakan.

### 3.32 ptg.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian. Hari ini kita berbincang tentang rang undang-undang pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sebelum itu, izinkan saya sebagai seorang Islam, bila mana kita hendak berjalan, hendak memandu kenderaan membaca doa yang selalu diajar kepada peringkat anak-anak tadika lagi yang berbunyi... [*Membaca doa menaiki kenderaan*] Yang bermaksud, "Maha suci Tuhan yang memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya, dan sesungguhnya kepada Tuhanlah kami kembali."

Maknanya dalam kita membawa kenderaan ini, kita sentiasa mengingat bahawa kita bergantung pada kuasa Allah SWT. Yang menjadi masalah kepada kita di sini, kita melihat kepada dua petak yang berbeza. Satu petak mangsa, satu petak lagi yang jadi pemangsa sama ada secara tidak sengaja tetapi dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tertentu.

Memanglah kalau bagi seorang yang bukan Islam minum arak dibolehkan, tetapi bagi orang Islam, memang dia telah berbuat maksiat kepada Allah SWT kalau dia minum walaupun di dalam sebuah kerajaan Islam minum itu dibenarkan pada had mengikut bilangan penduduk. Bukan kata berleluasa. Dia ikut bilangan penduduk, dibenarkan. Kerana ada sudah sirah-sirah kerajaan-kerajaan Islam yang terdahulu yang bila mana ada penduduk bukan Islam, maka dibenarkan pada had sukatan yang tertentu. *Alhamdulillah*, sejarah-sejarah telah membuktikan.

Cuma dalam isu yang berlaku sekarang ini sudah menjadi satu isu ras, isu *racial* pula sekarang. Ini kerana bila berlaku, misal kata kemalangan dan kemalangan maut ataupun kemalangan hilang upaya kekal, jadi menyebabkan yang kalau yang memandu itu minum, maka lazimnya bukan orang Melayu atau Islam. Melanggar itu bukan orang Melayu dan Islam. Tiba-tiba yang menjadi mangsa itu orang Melayu dan Islam. Inilah yang menjadi *viral* berleluasa sekarang ini.

Sebab itulah hukuman ini kita mesti adil kepada kedua-dua pihak. Di sebalik kita membenarkan mereka itu minum dan kalau boleh semasa mereka membawa kereta itu, biarlah dalam had yang dibenarkan. Sebab itu beberapa kaedah yang boleh diguna pakai. Akan tetapi, kadang-kadang kita mengenakan kos-kos tambahan kepada kedai-kedai yang

menjual minuman arak. Misal kata *7-Eleven*, *99 Speedmart*, dia mesti kalau orang beli, dia bawa keluar. Dia tak minum dalam kedai itu. Jadi, di mana sukatan sebelum dibenarkan pemandu tersebut yang mengesahkan dia itu minum dan membawa kenderaan dan melanggar? Hanya polis sahaja yang selepas itu boleh mengesahkan.

Yang sebenarnya berlaku, saya bukan kata- saya selalulah berbincang dengan ketua-ketua polis daerah ini. Lazimnya dia kata- ini secara umum. Saya pun hendak bukti secara *qat'i*, Arab kata, sukar kerana ia melazimkan pemandu-pemandu khusus yang bas ekspres, dia kata, pemandu lori. Dia lazimnya mereka ini, apabila mereka memandu di waktu malam, mereka dipengaruhi oleh satu ubat-ubatan kuatlah tetapi dalam istilah lainnya ganja ataupun dadah. Lazimnya. Lazimnya ganja atau dadah.

Jadi, bila mana mereka menggunakan bahan-bahan terlarang dan bila mana mereka memandu kenderaan berganda besar, sudah tentu mengakibatkan kemalangan juga berskala besar. Jadi inilah yang saya fikir undang-undang ini mestilah dilihat mengajar dan pada masa yang sama menghukum.

Ada sesetengah kaedah kita guna karet, dengan izin, ada setengah kaedah kita mengguna rotan. Jadi masing-masing boleh berdebat, sama ada karet itu yang lebih baik ataupun rotan itu lebih baik. Itu satu benda yang boleh sentiasa diperdebatkan.

Misal kata satu contoh saya tarik sikit keluar daripada topik ini, umpamanya Bandar Yala di Thailand. Bandar Yala di Thailand ini bandar orang Islam, tetapi empat tahun berturut-turut dia dapat bandar terbersih di Thailand. Apa kaedah datuk bandar dan ahli-ahli majlis perbandaran di situ lihat? Dia kata dia tukar sampah dengan telur. Dia tukar sampah dengan telur. Mana-mana sampah itu tukar telur sebiji berapa kilogram sampah. *Alhamdulillah*, berkesan sehingga masuk tahun kelima Yala sudah tidak dibenarkan bertanding di dalam kategori bandar bersih.

Maknanya di sini kita hendak kata karet, apakah karet berkesan? Kita hendak kata rotan? Saya fikir Malaysia ini rotan lebih berkesan. Fasalnya, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya undang-undang di Thailand, kalau mengikut rekod yang diberikan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, Malaysia peratus kemalangan sangat tinggi berbanding dengan negara-negara jiran.

Di Thailand, kereta yang besar, kenderaan yang berganda besar, betul tak betul, dia salah. Kalau kita bawa kereta, motosikal itu membawa dengan tidak berdisiplin kita langgar, kita akan salah. Padahal dia yang bawa motosikal itu tidak berdisiplin. Begitu juga motosikal. Motosikal sudah berdisiplin tetapi orang melintas tanpa pandu tengok ke kanan dan ke kiri jalan. Motosikal itu yang salah.

## ■1540

Saya pernah berpengalaman bila kita rombongan kerajaan negeri menaiki bas. Yang salahnya kereta fasal dia memotong sesuka hati. Kita sudah- pemandu kenderaan Kerajaan Negeri Kelantan sudah memandu dengan kelajuan yang dibenarkan. Akan tetapi kerana dia memotong tidak lepas, tetapi bila kita ke balai polis maka kita salah. Yang besar itu sentiasa salah dalam sudut undang-undang jalan raya di Thailand, dan *alhamdulillah* berkesan. Memang kita hendak marah. Saya tidak bersalah. Walaupun saya memandu bas, walaupun saya memandu kereta, saya tidak bersalah. Akan tetapi apa pengajarannya di sini?

Pengajarannya mereka yang membawa kenderaan berganda besar memandu la berhati-hati, jangan hanya fikir kamu sahaja tetapi fikir orang-orang lain sama. Macam kita, kita rasa kita selamat sudah bawa, tetapi belum tentu kita tidak lihat orang, kita hanya lihat diri kita tanpa melihat orang lain. *Alhamdulillah*, nampaknya ia lebih berkesan daripada negara kita Malaysia. Walhal, jalan-jalan dia, banyak jalan-jalan cantik di Thailand dan tidak bertol.

Daripada sama ada Sungai Golok ke Tak Bai sampai ke Bangkok, sama ada melalui Padang Besar kah, melalui Bukit Kayu Hitam, jalannya *alhamdulillah*, dengan izin, lebih baik daripada negara kita. Kita ini kalau baik sedikit kena tol. Dia tiada tol. Akan tetapi *alhamdulillah*, dari sudut jumlah dan nisbah peratusan kemalangan mengatasi kita dengan kadar peratus yang tinggi.

Bila mana kita pergi umpamanya misal kata lah ke Kemboja, Vietnam Tuan Yang di-Pertua. Kita di lebuhraya itu kita tidak nampak motosikal sebiji. Bila kita minta *driver* itu, minta dia pandu laju sedikit kita ini, dia tidak akan pandu laju. Bas dan van persiaran ini, dia tidak akan pandu laju. Walaupun sudah berada di lebuhraya, walaupun kita sudah ada sasaran hendak tiba ke destinasi pada waktu tertentu, tetapi mereka cukup takut. Cukup takut kepada perangkap-perangkap polis trafik di negara-negara tersebut kerana hukuman kepada kesalahan trafik di Vietnam, di Kemboja terlalu tinggi menyebabkan mereka sangat berdisiplin.

Begitu juga kalau kita pergi ke negara UK, Australia misal kata, pun kita tengok sahabat-sahabat kita yang selalu bawa kita berjalan, dia pun tidak berani. Dia kata ada *surveillance*, dari atas kadang-kadang. Kadang-kadang bila laju, tiba-tiba ada kereta peronda depan. Sudah ada isyarat daripada mana dan menahan kita di depan, dia beritahu kita lari lebih daripada sekian-sekian. Kita tengok tidak adapun perangkap-perangkap isyarat dan amaran-amaran, tetapi ada tempat. Dia ada *surveillance* dia.

Jadi saya fikir di Malaysia ini, betul lah kata sahabat saya Yang Berhormat Dr. Yaakob Sapari. Saya pun mengaku lah saya antara kategori Lewis Hamilton juga lah, minta maaf lah. Tidak tahu fasal saya sebutkan kita Malaysia ini kebanyakan pakat hendak jadi Lewis Hamilton belaka. Mentang-mentanglah Petronas yang taja dia, kita bawa laju lah. Akan tetapi di mana kita hendak mendisiplinkan, bermula daripada Yang Berhormat Senator kepada Yang

Berhormat Ahli Parlimen, Yang Berhormat Menteri-menteri sendiri. Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri sendiri pun tengok lah laju tak laju kereta dia. Laju luar biasa.

Jadi kita semua ini kalau isu di jalan raya ini semua bersalah belaka yang sebenarnya. Di mana- pelajaran mana kita, hendak suruh siapa jadi tok guru kita ini, mengajar kita supaya kita disiplin di jalan raya. Ini merupakan kelemahan kita rakyat Malaysia yang kita perlu perbetul balik. Kalau misal kata orang di Singapura, kenapa di Singapura tak berani? Lepas pada *cosway* Johor itu, sudah tidak ada disiplin sudah. Orang Singapura pun sampai sini tidak disiplin. Saya ingat dua-dua kena jalan serentak. Undang-undang jalan serentak, penguatkuasaan pun jalan serentak.

Saya bimbang apa yang dibimbangi oleh Yang Berhormat sahabat saya, Dr. Yaakob Sapari tadi ialah penguatkuasaan kita ini- publik nampak sudah tidak berapa hendak percaya. Dengan izin, saya berlapang dada kepada polis semua. Saya faham tetapi ini *survey* telah dibuat, maknanya bila sampai kepada tahap ketidakpercayaan rakyat paling tinggi, lebih tinggi daripada *politician* adalah polis. Saya fikir ini kena perbetul lah. Kalau ada Menteri, ini *survey* sudah dibuat, bukan saya kata. Tengok berapa kali *survey* orang buat. Polis lah yang rakyat paling tidak percaya.

Jadi sebab itu saya rasa kita semua pun bersalah juga kerana- kena setakat RM1,000 atau RM2,000 bayar. Akan tetapi kalau saya fikir yang isu kematian ini, memang saya rasa undang-undang ini patut ada sebagai satu pengajaran. Sebagai satu pengajaran, *hopefully*, dengan izin, mudah-mudahan ia menjadi suatu *hinderance* kepada mereka-mereka selepas ini untuk bila mana kamu berada dalam keadaan mabuk atau dalam keadaan khayal akibat dadah, ganja maka kamu jangan sekali-sekali mengemudi kenderaan tersebut. Fasal kita bimbang menyebabkan kecelakaan dan kemalangan pada pihak yang lain.

Kalau kamu seorang kena, kamu langgar pokok kayu, kamu langgar *divider* jalan, kamu yang mati kerana kamu hisap dadah kah, kena pengaruh alkohol kah, bawa kereta jatuh dalam Sungai Gombak kah, Sungai Klang kah kerana kamu, itu *no problem*. Kamu cari masalah kamu sendiri. Tidak mengapalah yang itu. Akan tetapi kerana kamu di bawah pengaruh alkohol dan pengaruh dadah menyebabkan kemalangan bagi pihak yang lain.

Bayangkan orang itu ada seorang anak, sudahlah payah dapat anak. Tiba-tiba ada anak seorang, dilanggar oleh si pemabuk ini, apa perasaan? Benda itu tidak berlaku kita, kita cakap sedap lah, kita peguam-peguam ini. Orang-orang ini tidak boleh hendak cari makan lah kerana dia- tak boleh. Kita kena fikir orang lain sama. Hidup ini kalau hendak fikir diri kita sahaja, sampai bila tidak selesai. Jadi kita kena fikir orang lain sama. Jadi dalam kes ini saya menyokong, saya menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 ini supaya memberi pengajaran kepada mereka-mereka selepas ini.

Isu dia, dia hendak bankrap kah, isu dia masuk penjara 10 tahun kah, itu mahkamah yang akan menentukan. Dalam tempoh sebelum hukuman dijatuhkan, mungkin kita boleh mencari berbagai-bagai alasan. Dia hilang pekerjaan tetapi ingatlah kerana kamu lah yang menyebabkan seseorang kehilangan mutiara kehidupan mereka. Berat hilang ini, boleh jadi gila. Kalau gila dekat kamu tidak mengapa, gila dekat orang yang hilang keluarga yang tersayang itu.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya fikir *insya-Allah* mungkin akan berlaku pindaan ini selepas daripada ini, dengan kita memperbanyakkan lagi kaedah-kaedah pembelajaran dan sebagainya, kesedaran. Banyak lagi mungkin di jalan-jalan raya itu biar lebih *advertisement*, iklan yang lebih menarik supaya memberi pengajaran kepada pemandu-pemandu supaya lebih berhemah dan berhati-hati demi mengelakkan kemalangan dan kecelakaan bagi pihak yang lainnya. *Wallahu'alam. Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad memberi penerangan yang baik dan bernas sebagai panduan kita.

Sekarang saya jemput semula Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid. Dipersilakan.

**3.48 ptg.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid:** Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullah.* Cogan kata saya, "Minum tak boleh memandu". Bukan "*Don't drink and drive*". "Minum tak boleh memandu". Kita haramkan pemandu memandu apabila minum. Maka sebab itu kita minta Kementerian Pengangkutan memikirkan di ruang mana yang boleh kita letak peraturan itu. Memandu didapati minum, sedikit kah, banyak kah, kita anggap ia menyalahi undang-undang dan boleh dihukum.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd. Apandi, "*Assobru minal iiman*". Kita kena ubah perangai juga, sama juga saya. Macam Lewis Hamilton juga Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sekarang ini sudah kurang sedikit. Sudah kurang sedikit, *alhamdulillah*. Oleh sebab bukan saya yang memandu, ada orang tolong memandu. Sama-sama lah kita ubah Tuan Yang di-Pertua, kaedah dan cara kita memandu. Setelah mendengar ramai rakan-rakan Yang Berhormat berhujah dalam hal ini, nampaknya saya rasa akta ini tidak boleh diluluskan lagi. Perlu dipinda dulu, baru kita luluskan. Saya ingin merujuk kepada pindaan seksyen 44 Tuan Yang di-Pertua, seksyen 44(cc), dua kali mati. Betul kah? Yang Berhormat betul kah?

**■1550**

Saya tak berapa setuju dengan hukuman yang dibuat di sini. Ini kerana, sekiranya pemandu yang didapati mabuk- lagi yang merunsingkan saya dikatakan kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan. Apa had yang ditetapkan itu? Saya pun tak dapat rujuk. Lagi tak menyenangkan hati saya.

Kemudian hukumannya setakat, "...hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang dari 10 tahun". Tidak kurang daripada 10 tahun. Dihadkan yang kurang. Sepatutnya kita hadkan yang tinggi, yang rendah kita serahkan kepada tuan Hakim untuk menentukannya, bergantung kepada kesalahan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya hukumannya adalah hukuman mati. Kalau pemandu meminum arak, memang dah tahu minum arak itu akan menghilangkan kawalan pemikiran, kawalan memandu, maka sebab itu dia tidak boleh memandu. Akan tetapi apabila memandu, menyebabkan kematian. Saya anggap itu merupakan perbuatan yang sengaja dan kita boleh hukum mati. Kalau tak boleh disabitkan hukum mati, baru kita kata hukum penjara.

Ini mengikut kebijaksanaan tuan Hakim. Itu yang saya ingin kemukakan Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan perenggan 6(b)(b), "mempunyai sebegitu banyak alkohol dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan". Ini pada pandangan saya tidak begitu tepat dalam menentukan tahap kandungan alkohol sama ada alkohol ataupun kadar alkohol di dalam badan mereka.

Maka, dua perkara ini yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, dan bersama-sama dengan hujahan-hujahan pembahas rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Walaupun dia kata dia sokong untuk pindaan, tetapi terlalu banyak pindaan yang diminta diubah. Maka, sebab itu saya kata lebih baik kita tangguhkan sokongan untuk meluluskan ini. Kita minta dibuat pindaan dahulu, baru kita sokong untuk diluluskan. Itu pandangan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Dipersilakan.

**3.53 ptg.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera... *[Membaca sepotong doa]* Terlebih dahulu terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang untuk saya bersama-sama berbahas bagi Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 ini.

Saya mulakan juga dengan membaca ayat Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak, judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang anak panah adalah kotor dan daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya".

Tuan Yang di-Pertua, pertama, ada empat perkara yang ingin saya sentuh. Pertama, iaitu tentang penekanan elemen 3E. Saya ingin menyokong pendekatan 3E yang dibawa oleh kementerian yang mana elemen "E's" - *education, engineering and enforcement*, perlu diterapkan kesemuanya bagi memastikan kesan yang holistik dalam menangani isu pemandu mabuk. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri pada sesi Jawapan Menteri sidang Dewan Rakyat lalu, kesedaran melalui pendidikan akan diteruskan.

Oleh itu, saya meminta pihak kementerian untuk menjelaskan secara terperinci berkenaan pendekatan melalui pendidikan yang telah dijalankan. Selain daripada itu, saya juga menyokong cadangan Yang Berhormat Pasir Puteh berkenaan kesedaran melalui pendidikan yang perlu diterapkan sejak sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Justeru, sejauh mana kerjasama antara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mewujudkan topik mahupun subjek berkenaan dengan keburukan minum arak dan minuman beralkohol serta implikasi yang timbul daripadanya?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah Dasar Toleransi Sifar yang juga telah pun disentuh oleh sahabat Yang Berhormat Senator sebelah saya tadi. Langkah kerajaan mengetatkan undang-undang dengan menaikkan nilai denda sebagai satu bentuk *deterrence* dan pengajaran kepada masyarakat wajar disokong. Namun begitu, langkah pindaan undang-undang tersebut seharusnya disusuli dengan pendekatan Dasar Toleransi Sifar sebagaimana yang disebut tadi telah pun diamalkan di beberapa negara, antaranya Jepun. Satu dasar yang berkait dengan ketegasan kerajaan khususnya daripada aspek penguatkuasaan undang-undang kepada pemandu mabuk tanpa bertolak ansur. Ketegasan ini berjaya mengurangkan kes-kes kemalangan pemandu mabuk sejak ia diperkenalkan.

Perkara ini bukan sahaja melibatkan mereka yang ditahan atas kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol, bahkan seseorang yang memberi pinjam kenderaannya kepada seseorang yang mabuk turut dikira suatu kesalahan dan akan didenda sepertimana hukuman yang dikenakan kepada pemandu mabuk tadi. Tambahan lagi, hukuman terhadap pemandu di bawah pengaruh alkohol juga tiada lagi budi bicara terhadapnya. Saya mohon agar cadangan ini dipertimbangkan oleh pihak kementerian untuk kita sama-sama menangani masalah ini.

Kemudian yang ketiga ialah *drive-home valet services*. Selain daripada itu, bagi aspek pencegahan juga, kerajaan sewajarnya mewujudkan *drive-home valet services* sepertimana

yang diwujudkan di Singapura. Ia merupakan perkhidmatan yang disediakan bagi membawa pulang seseorang di bawah pengaruh alkohol ke rumah sama ada menggunakan kereta persendirian ataupun kereta yang disediakan dalam perkhidmatan tersebut. Saya kira cadangan ini telah banyak kali disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada sidang Dewan Rakyat tempoh hari.

Namun begitu, setelah saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan cadangan tersebut, pihak kementerian hanya menyentuh soal-soal syarikat-syarikat yang telah menyediakan perkhidmatan tersebut seperti MyDriver Malaysia dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya kira cadangan ini seharusnya dikuatkuasakan di bawah kementerian dengan mewujudkan perkhidmatan tersebut di bawah kelolaan kementerian sendiri.

Langkah ini juga boleh dilaksanakan dengan kerjasama daripada pusat hiburan awam seperti disko, pub, kelab malam dan sebagainya untuk melanggan perkhidmatan tersebut bagi memastikan pelanggan yang mabuk tidak pulang dalam keadaan mabuk. Mana-mana premis yang tidak meng-*subscribe* perkhidmatan tersebut, wajar ditutup serta-merta.

Justeru, ia menzahirkan keseriusan pihak kerajaan dan bukan hanya bergantung pada inisiatif syarikat-syarikat tempatan. Malah, sebenarnya kerajaan sendiri yang menunjukkan kesungguhannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang terakhir iaitu tentang *red zone*. Perkara terakhir yang saya ingin bangkitkan tentang *red zone* ini ialah yang mana *red zone* tersebut mestilah menepati kriteria-kriteria tersebut iaitu:

- (i) kes kemalangan pemandu mabuk yang tinggi;
- (ii) kes pusat hiburan dan premis penjualan minuman beralkohol yang banyak; dan
- (iii) kes jenayah yang tinggi sama ada berkaitan dengan minuman beralkohol ataupun tidak.

#### ■1600

Kawasan tersebut mestilah dijalankan penguatkuasaan yang lebih kerap dan lebih ketat seperti mana yang dijalankan. Contoh yang saya sebut tadi, misalnya di Geylang dan *Little India* di *Singapore*. Oleh itu, saya memohon agar kementerian dapat menjalankan kajian bagi memastikan kawasan yang benar-benar mematuhi kriteria tersebut. Saya rasa itu saja yang ingin saya menokok tambah daripada pandangan-pandangan yang telah pun diberikan oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator yang lain tadi. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.



Dan sekarang kita beri pula kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Silakan Yang Berhormat Senator.

**4.00 ptg.**

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Di dalam kita meminda rang undang-undang di dalam seksyen 41, 42, 43, 44, dan 45, adalah mempunyai hasrat untuk mendidik masyarakat kita pada hari ini. Namun yang demikian, sebelum kita menentukan dan meluluskan sesuatu rang undang-undang itu, hasrat kita ialah ingin melihat masyarakat di Malaysia ini terdidik.

Banyak cara untuk kita mendidik masyarakat bukan sahaja dengan cara merotan tetapi ia juga perlu dibimbing dan dicari jalan penyelesaiannya. Kalau kita lihat daripada seksyen 41, 42, 43, sehinggalah kepada seksyen 45, kalau dibaca dengan teliti, semuanya adalah melibatkan sikap pemandu. Sikap pemandu yang membuat dan yang menjadikan korban di jalan-jalan raya pada hari ini.

Namun yang demikian, ingin saya nyatakan di sini bahawa walaupun hari ini kita lihat bahawa pemandu mabuk menjadi topik hangat di kalangan masyarakat sehingga menimbulkan keresahan. Apalah salah kalau kita kekalkan ataupun kita hanya mengambil seksyen yang melibatkan pemandu yang menggunakan alkohol dan seksyen-seksyen yang lain yang hanya melibatkan sikap pemanduan tidaklah digubal. Ini kerana bagi saya, seksyen yang ada iaitu seksyen 41, dan seksyen 42 ini, kalau diikutkan bahawa denda yang dikenakan cukup memadai bagi pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan.

Hari ini kita lihat bahawa banyak perkara yang akan melibatkan masyarakat kita apabila mereka dihukum dengan kadar yang begitu tinggi kerana dengan seksyen yang kita naikkan hampir lebih daripada 100 peratus ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Senator, sekejap ya. Maaf.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyebut tadi tentang hukuman yang telah digubal di dalam seksyen 41, 42, dan 43, iaitu peningkatan hampir 100 peratus ataupun lebih dan kita harus ingat bahawa pesalah-pesalah ini ada kalanya mereka adalah orang yang susah. Ini sudah tentu memberi beban kepada keluarga dan pesalah ini ataupun orang kena tuduh.

Ini perkara yang juga boleh menyebabkan masyarakat kita berada di dalam kegelisahan. Perlu diingat, di dalam kemalangan itu, tidak semua pemandu ada niat untuk membunuh pemandu yang lain. Ini kerana kesilapan-kesilapan ini bukan sahaja bergantung kepada sikap pemandu tetapi kita juga harus lihat faktor-faktor yang lain seperti jalan raya dan juga faktor kenderaan itu sendiri.

Jadi, kalau hari ini kita melihat keadaan pemandu mabuk itu adalah lebih spesifik dan lebih hari ini mendapat perhatian masyarakat, maka kita harus meminda. Saya bersetuju kalau pindaan berkenaan pemandu mabuk dibuat tetapi tidak melibatkan pindaan kepada seksyen-seksyen yang telah ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang boleh kita lihat ialah keberkesanan kempen yang dibuat oleh pihak kerajaan kerana kita sedar kalau hari ini pada pentadbiran yang lepas, kamera AES banyak berlaku di jalan-jalan raya ditambah sebagainya. Akan tetapi, namun yang demikian adakah dengan penambahan kamera itu memberi kesan tidak akan berlakunya kemalangan yang tinggi di negara kita?

Justeru hari ini, kita harus lihat balik. Adakah dengan cara kita menaikkan dendaan dan juga perkara-perkara yang dibuat di dalam akta ini boleh mengurangkan kadar kemalangan? Perkara ini perlu dikaji dengan lebih mendalam di peringkat awal. Contohnya di peringkat persekolahan, sikap masyarakat yang ada pada hari ini dan didikan kempen yang diberi oleh Kementerian Pengangkutan itu sendiri, adakah sampai kepada pihak rakyat?

Kalau hari ini, contoh Akta Dadah Berbahaya 1952, ada kematian secara mandatori. Kita lihat bahawa dadah ini juga tidak boleh diselesaikan di dalam negara kita. Walaupun ada akta mandatori. Jadi, kalau hari ini, kita menaikkan lagi kadar kesalahan di atas jalan raya terutamanya mereka yang memandu secara mabuk ini, adakah boleh mengurangkan? Saya mencadangkan kementerian harus mencari lagi cara-cara yang lebih berkesan dan memberi kesempurnaan kepada masyarakat. Ini kerana kita tahu banyak impak yang berlaku kalau rakyat kita hari ini lebih lama berada di dalam penjara daripada mereka menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita pada hari ini.

Ini kerana setiap rakyat yang ada hari ini sudah tentu ada nilai-nilai ekonominya. Oleh sebab itu, kalau kita hari ini memanjangkan mereka di dalam penjara dengan hanya satu kesalahan, di dalam kesilapan mereka yang sedikit, ini sudah tentu jangka panjang akan merugikan kerajaan.

Jadi, saya mencadangkan kepada pihak kementerian, kita kena lebih berfokus kepada melihat apa punca yang sebenarnya yang perlu kita atasi agar masalah ini tidak berulang dan kita harus mendidik masyarakat kita pada hari ini dengan benar-benar teratur dan juga selamat. Namun yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan Kementerian Pengangkutan mengambil kira perkara yang telah kita bahaskan ini walaupun undang-undang

ini akan kita terima dan luluskan. Akan tetapi, tanggungjawab kerajaan untuk membentuk dan memberi ilmu kepada para pengguna jalan raya ini perlu kita teruskan dan lebih efisien. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad.

**4.08 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya semua bersetuju dengan pandangan-pandangan yang telah pun dihuraikan berkenaan dengan hal yang kita hendak bincang pada hari ini berkenaan dengan pemandu mabuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Senator, saya mengingatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menggulung selepas penyampaian ucapan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Cuma, perkara yang kita hendak perlu bincang juga selain daripada kita hendak menghukum pemabuk. Perkara yang perlu juga kita hendak bincang ataupun perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan iaitu berkenaan dengan kebajikan mangsa yang telah dilanggar oleh si pemandu pemabuk ini tadi.

Tadi setelah dihuraikan panjang semua oleh rakan-rakan berkenaan dengan bahayanya arak dan sebagainya. Cuma, saya hendak berikan sini ialah berkenaan dengan apa pembelaan terhadap mangsa yang dilanggar oleh pemandu mabuk ini.

■1610

Apakah kerugian-kerugian yang mereka perlu dapat- kadang-kadang adanya berlaku cacat ataupun mati dan sebagainya. Itu perkara-perkara yang perlu difikirkan walaupun di sana diganti melalui insurans dan sebagainya. Akan tetapi namun di sini ialah kita hendak supaya adanya satu perkara yang membolehkan orang yang melanggar ini tadi dikenakan hukuman. Ini kerana pernah di Mahkamah Majistret Tawau yang telah menghukum terhadap Orang Kena Tuduh (OKT), disabit di bawah seksyen 41, Akta 333. Mahkamah telah mengarahkan untuk dibayar pampasan kepada dua waris iaitu melibatkan sebanyak RM4,000.

Jadi kita tidak hendak supaya denda-denda yang dapat ini kebanyakannya ialah dibayar kepada pihak kerajaan yang tidak dibayar kepada pihak mangsa. Apa yang saya hendak cadangkan di sini ialah supaya pembelaan terhadap mangsa ini diberikan untuk kita letakkan di mana-mana seksyen supaya membolehkan mangsa yang telah pun dilanggar tadi memperoleh gantian atau dalam kaedah Islamnya disebut tentang *diyat*, bayaran terhadap

ganti rugi nyawa ataupun pampasan daripada kehilangan, rosaknya batang tubuh orang yang dilanggar tadi.

Sekarang mangsa atau waris boleh menuntut pampasan melalui tuntutan sivil iaitu Akta Undang-undang Sivil 1956 di Mahkamah Sivil. Kadang-kadang ia memakan masa yang agak lambat, tempoh masa untuk mendapat pampasan ini kerana ia melibatkan tentang perbicaraan jenayah dan juga sivil. Maka saya hendak supaya yang saya hendak tekan di sini ialah berkenaan dengan kebajikan terhadap mangsa yang telah dilanggar oleh pemandu mabuk ini tadi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### 4.12 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun turut membahaskan rang undang-undang ini.

Jadi pertama sekali saya akan menjawab- saya di sini juga mengambil kesempatan untuk mengambil semua pandangan-pandangan yang juga diberikan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Senator, dan *insya-Allah* ada di antaranya mungkin akan diambil kira dalam menentukan kaedah dan pelaksanaan undang-undang ini. Jadi saya akan menjawab mengikut susunan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membahaskan rang undang-undang ini.

Pertama sekali saya menuju kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai iaitu berkenaan dengan *refresher course* di Akademi JPJ. Dalam hal ini berkenaan dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan seperti sijil penghargaan, *interlock devices*, *refresher courses* dan sebagainya, ia merupakan cadangan yang baik dan pihak Kementerian Pengangkutan bersedia untuk mengkaji cadangan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Senator.

Berkaitan dengan penglibatan MIROS dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan, tambah baik jalan sempit, selekoh tajam dan berbahaya- mengenai penglibatan MIROS ini dalam meningkatkan tahap keselamatan, sememangnya pihak MIROS adalah secara aktif dan berterusan terlibat dan mempunyai program yang dijalankan bersama agensi berkaitan dalam aspek meningkatkan keselamatan jalan raya.

Sebagai contoh, pihak MIROS melaksanakan program *International Road Assessment Programme* (iRAP) di mana objektif program ini bertujuan mengenal pasti risiko kemalangan jalan raya secara proaktif berdasarkan ciri-ciri reka bentuk serta keadaan persekitaran jalan. Program ini juga mengemukakan cadangan penambahbaikan yang

mampu meningkatkan tahap keselamatan termasuk mengemukakan cadangan-cadangan intervensi bagi menambah baik struktur sivil dan reka bentuk di kawasan *black spot* yang dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan.

Berkaitan dengan kadar *zero percent blood alcohol content* di dalam darah, Malaysia merupakan satu negara yang berbilang bangsa, kaum dan agama yang mana rakyatnya bebas mengamalkan anutan dan budaya masing-masing. Menyedari hakikat ini, kerajaan mengambil maklum bahawa pengambilan beberapa jenis alkohol tertentu adalah sebahagian daripada adat kaum tertentu di Malaysia ini. Sungguhpun begitu, perbuatan memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan tetap dipandang serius oleh kerajaan dan perlu dibanteras sewajarnya.

Dengan mengimbangi kedua-dua pertimbangan ini maka kerajaan berpandangan bahawa adalah tidak wajar untuk menurunkan kadar alkohol yang ditetapkan bagi maksud pemanduan kenderaan di jalan raya kepada *zero percent*. Perkara ini juga mengambil kira pemakluman yang diterima daripada pihak berwajib berkenaan memaklumkan bahawa kesan alkohol juga boleh datang dari sumber bukan minuman beralkohol seperti ubat dan juga pembersih mulut.

Sebagai jalan tengah, kerajaan telah mencadangkan penurunan kadar alkohol yang ditetapkan daripada 0.08 peratus kepada 0.05 peratus kadar kandungan alkohol dalam darah, mengikut cadangan yang diberikan oleh *World Health Organization* (WHO) dan bukannya *zero percent*, dengan izin. Ini adalah bagi menunjukkan komitmen tinggi kerajaan untuk mengelakkan kemalangan di jalan raya berpunca dari memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan di samping mengambil kira adat dan budaya yang sudah lama diamalkan di negara kita ini.

Satu lagi persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator adalah adakah MOT berhasrat menaikkan kadar kompaun atas pemandu yang menggunakan telefon bimbit. Mengenai kenaikan kadar hukuman kesalahan telefon bimbit, pihak kementerian sedia mengkaji untuk menyemak semula kadar-kadar hukuman bukan sahaja kesalahan telefon bimbit tetapi juga kadar kesalahan-kesalahan lain seperti memandu laju dan sebagainya. Oleh itu cadangan pindaan juga telah dibuat pada RUU kali ini untuk menaikkan hukuman bagi seksyen 41, 42, dan 43, yang berkaitan dengan memandu secara melulu dan membahayakan dan tidak bertimbang rasa.

Untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris iaitu tentang kenderaan mobiliti. Adakah keperluan untuk berdaftar nombor plat LKM dikenakan saman? Mengenai perkara ini seperti kenyataan rasmi yang telah dibuat oleh pihak kementerian mengenai pendaftaran basikal, perkara ini masih lagi dalam kajian sebenarnya dan sebarang dasar mengenainya akan dimaklumkan setelah kajian itu dimuktamadkan.

Persoalan satu lagi ialah sejauh manakah peningkatan kuantum hukuman menimbang kegerunan kepada pemandu. Mengenai perkara ini, kita hanya mampu melihat dan menunggu keberkesannya dalam mencapai objektif mendidik orang ramai untuk mematuhi peraturan jalan raya dan dalam pada masa yang sama pihak kerajaan khususnya MOT bersama-sama agensinya akan bersama-sama meningkatkan usaha kempen serta advokasi keselamatan jalan raya seperti program Tiada Minggu Tanpa Advokasi (TMTA) seperti yang telah dilaksanakan sejak tahun 2004 lagi.

Mengenai cadangan menetapkan hukuman mati. Berkenaan dengan cadangan mengenakan hukuman mati di bawah seksyen 44(1), Akta 333, elemen yang perlu dibangkitkan adalah Orang Kena Tuduh (OKT) yang memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan dan akibat daripada tindakan memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan itu, dia telah menyebabkan suatu kematian.

Oleh yang demikian, elemen pembuktian di bawah seksyen 44(1) ini tidak mensyaratkan keperluan bagi membuktikan mens rea iaitu minda yang bersalah khusus untuk menyebabkan kematian sebagaimana peruntukan berhubung kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan membunuh orang yang sekiranya disabitkan membawa hukuman mati.

Oleh yang demikian berikutan perbezaan elemen pembuktian jenayah ini, maka pihak kerajaan berpandangan bahawa hukuman di bawah seksyen 44(1), Akta 333 tidak wajar disamakan dengan hukuman membunuh dengan niat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Walau bagaimanapun, ini tidak menghalang untuk mana-mana pertuduhan berhubung kes memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan yang menyebabkan kematian ke atas mangsa untuk dipertuduhkan juga di bawah seksyen 302, atau seksyen 304, Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang, tertakluk kepada fakta dan keterangan kes masing-masing.

#### ■1620

Mengenai dengan cadangan mengehadkan penjualan minuman keras dan juga waktu operasi kelab malam, ianya merupakan satu kuasa di luar bidang kuasa MOT. Namun MOT akan bekerjasama dan mengadakan perbincangan dengan pihak yang berkenaan seperti PBT secara berterusan untuk menyusul cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator.

Mengikut data daripada PDRM bagi tahun 2020, jumlah kemalangan melibatkan seksyen 44 mulai dari Januari hingga 21 September 2020 adalah sebanyak 53 kemalangan dan melibatkan 18 maut, 35 cedera dan juga 53 tangkapan. Ini telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator itu tadi tentang statistik kemalangan terkini.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh iaitu mengapakah seksyen 41 turut dinaikkan sedangkan ianya tidak melibatkan pemandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan. Kerajaan memandang serius semua kemalangan yang melibatkan kematian mangsa tidak kira berpunca daripada memandu secara melulu atau memandu di bawah pengaruh yang memabukkan. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada mahkamah dari tahun 2015 hingga 2019, didapati bahawa terdapat peningkatan kes yang dituduh di bawah seksyen 41, Akta 333, dan yang tertinggi adalah pada tahun 2018 iaitu 119 kes.

Saya ingin hendak terangkan sedikit iaitu statistik yang ada pada tahun 2015 – 70 kes, 2016 – 62 kes, 2017 – 80 kes, 2018 – 119 kes, 2019 – 62 kes. Melalui statistik tersebut didapati bahawa trend hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah yang disabitkan di bawah seksyen 41 adalah antara minimum dua tahun hingga empat tahun penjara dengan denda antara RM3,000 hingga RM8,000 berbanding peruntukan undang-undang sedia ada membolehkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan tidak lebih sepuluh tahun serta denda tidak kurang RM5,000 dan tidak lebih RM20 ribu.

Oleh itu sebagai mencapai hasrat kerajaan yang menetapkan kesalahan ini sebagai suatu kesalahan yang berat dan dipandang serius, maka kerajaan berpandangan bahawa ia wajar dipinda dengan menaikkan hukuman minima penjara dari dua tahun kepada lima tahun bagi mencegah perbuatan memandu secara melulu dan membahayakan dan menyebabkan kematian. Justeru selepas pindaan ini menjadi undang-undang yang sah, mana-mana orang yang disabitkan di bawah seksyen 41 akan dipenjarakan sekurang-kurangnya lima tahun.

Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga ialah iaitu mencadangkan supaya tiada hukuman minimum ditetapkan, bagi budi bicara kepada hakim. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

Namun bagi memastikan semua pindaan ke atas hukuman yang telah dibuat benar-benar dapat mencapai objektifnya dan menjadi *deterrence*, dengan izin, kepada orang ramai, maka kerajaan telah memutuskan supaya ditetapkan suatu hukuman minimum, dan maksimum supaya orang ramai sedar akan kesan negatif akibat perbuatannya dan mengelakkan daripada melakukan kesalahan. Elemen budi bicara masih ada dan diberikan kepada pihak mahkamah untuk mengenakan hukuman berdasarkan kepada julat yang telah ditetapkan. Juga sebagai tambahan undang-undang ini sebelum ianya dibawa ke Parlimen, ianya juga telah pun dirujuk kepada *Attorney General* kita.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat mengapa kadar tidak diturunkan kepada *zero percent*. Malaysia merupakan suatu negara yang berbilang bangsa. Rasanya jawapan ini sudah saya berikan tadi kepada

persoalan yang sama yang sebelum iaitu tentang berkaitan dengan berbilang bangsa negara kita dan agama, semua bebas mengamalkan anutan dan budaya masing-masing ya.

Sungguhpun begitu perbuatan memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan tetap dipandang serius oleh kerajaan dan perlu dibanteras sewajarnya. Dengan mengimbangi kedua-dua pertimbangan, maka kerajaan berpandangan bahawa adalah tidak wajar untuk menurunkan kadar ditetapkan bagi maksud pemandu kenderaan di jalan raya kepada kosong peratus.

Jadi tadi ada juga saya menjelaskan yang disoalkan oleh Yang Berhormat Senator yang awal tadi iaitu tentang di mana makanan-makanan juga kadang-kadang ada yang mengandungi *liquor* dalam masakan-masakan dan juga pembasuh mulut dan sebagainya. Ini juga hendak mendapatkan *zero percent* itu adalah boleh dipertikaikan.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh, yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair iaitu seksyen 41(5) tertuduh menerima hukuman lebih awal berbanding kesalahan *operational*-nya. Kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian bukan sahaja boleh disiasat di bawah seksyen 41, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] tetapi boleh juga disiasat di bawah seksyen 44, Akta 333.

Kedua-dua seksyen 41, dan 44 memperuntukkan bahawa apabila pemandu yang dituduh di bawah seksyen 41, atau seksyen 44, lesen memandunya akan ditarik balik dan digantung dari tarikh orang kena tuduh dituduh sehingga mahkamah membuat keputusan atas pertuduhan tersebut selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 41(5), dan seksyen 44(5), Akta 333. Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa penggantungan lesen dari tarikh pertuduhan sehingga mahkamah membuat keputusan atas pertuduhan di bawah sub seksyen 42(5), dan 44(5), Akta 333 hanya terpakai kepada kes seseorang yang dituduh dengan kesalahan yang menyebabkan kematian atau kecederaan sahaja. Dalam hal ini keselamatan awam adalah menjadi keutamaan kerajaan.

Keselamatan awam bermaksud keselamatan orang awam atau keselamatan mereka dari bahaya kepada nyawa dan badan iaitu risiko kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh badan ketika menikmati kebebasan bergerak di atas jalan raya dengan lain perkataan kebajikan dan perlindungan orang awam di atas jalan raya adalah perkara yang menjadi keutamaan kerajaan untuk menanganinya.

Oleh kerana itu, peruntukan seksyen 4, sub seksyen 41(5), dan seksyen 44(5), Akta 333 adalah dihasratkan untuk menghindar orang kena tuduh daripada melakukan kesalahan yang sama dengan cara menggantung lesen memandu mereka dan sekali gus menghalang mereka dari terus memandu sementara menunggu keputusan pertuduhan demi menjamin keselamatan awam terutamanya pengguna jalan raya yang lain.

Dari sudut ini sub seksyen 41(5)....



**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Boleh saya celah sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mencelah tidak ada. Menyoal ada.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Hendak minta penjelasan. Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk penerangan atau penjelasan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, seksyen 41 ialah kemalangan yang melibatkan kematian tanpa alkohol. Ini diasingkan. Seksyen 41 ialah kemalangan biasa, seksyen 44 ialah dengan alkohol. Bila polis hendak tuduh atau TPR, timbalan pendakwa raya hendak bawa tuduhan ke mahkamah, ada bukti, bukti alkohol ada tetapi 41 ialah *subjective test*. Ambil kira keadaan jalan, cuaca semua. *So its a subjective test*. So itu cuma yang boleh putus ialah hakim atau majistret. So itulah yang saya kata tadi, 41 memang ada masalah, 44 memang tidak ada masalah. Masalahnya ialah pergantungan lesen. Itu saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Sebagaimana yang di...

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung ringkas Yang Berhormat. Gulung ringkas sedikit.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi di sini apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi iaitu dari sudut sub seksyen ini adalah tidak bertentangan dengan prinsip undang-undang di mana seseorang dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya, kerana ia bukanlah diniatkan sebagai suatu hukuman tetapi sebagai peruntukan pencegahan.

Seterusnya iaitu kesan hukuman daripada tertuduh jika hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Seperti sedia maklum, pindaan akta ini bukan bertujuan untuk menghukum tetapi adalah satu bentuk *deterrence* supaya orang ramai tidak melakukan kesalahan yang dinyatakan. Pihak kementerian berharap agar kesalahan yang melibatkan kesalahan yang dipinda ini akan berkurangan.

Dibangkitkan oleh Yang Berhormat lagi ialah bagaimana jika A yang melebihi had alkohol membawa B ke hospital, *fair judgement of a good intention*. Seperti termaktub di dalam akta adalah menjadi suatu kesalahan untuk memandu di bawah paras yang melebihi had alkohol di dalam apa jua situasi kerana itu ia boleh membahayakan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.

#### ■1630

Berkaitan dengan *enforcement*, Yang Berhormat telah bertanya, apakah kerosakan harta benda awam tidak diambil kira? Denda berat mengundang perbuatan rasuah meningkat, kempen kesedaran disiplin wajar bermula di peringkat sekolah. Berkenaan dengan kerosakan harta benda akibat kemalangan, perkara ini melibatkan agensi lain seperti Kementerian

Pengangkutan dan selain daripada Kementerian Pengangkutan dan di luar bidang kuasa MOT untuk diambil tindakan.

Berkenaan dengan cadangan untuk memasukkan supaya setiap kes dikemukakan dengan fakta yang kukuh, cadangan ini tidak perlu dilaksanakan kerana setiap pertuduhan yang dibuat adalah berdasarkan kepada elemen-elemen kesalahan, fakta kes dan bukti yang kukuh sebelum di bawa ke mahkamah.

Perkara ini akan diteliti sewajarnya oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya. Seterusnya yang dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaidi, *micro mobility*, adakah bagi melesenkan basikal? Jika ya, adakah diwujudkan kelas-kelas lesen tertentu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Ahli Dewan Negara sekalian, pertama sekali saya ingin memberi pencerahan bahawa cadangan supaya setiap basikal di negara ini perlu didaftar dan dilesenkan tidak pernah dibincangkan di peringkat Kementerian Pengangkutan, tidak pernah dibincangkan di peringkat Kementerian Pengangkutan. Setakat ini semua dasar dan penentuan mengenai penggunaan ini akan dikaji dengan mengambil kira pelbagai pandangan, peraturan, aspek keselamatan dan penggunaannya.

Dari segi keselamatan penunggang basikal, Kementerian Pengangkutan melalui JPJ dan MIROS akan terus mempromosikan Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya dengan penggemar sukan berbasikal dan persatuan-persatuan yang berkaitan begitu juga dengan pengguna jalan raya yang lain. Program berkaitan keselamatan jalan raya ini juga akan di bincang dan dikemas kini melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) pada hujung bulan ini dan seterusnya melalui mesyuarat...

**Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkit berkenaan dengan seperti mana yang dilaporkan di dalam muka surat hadapan *Utusan Malaysia* berkenaan dengan nombor plat kena diletakkan di basikal. Jadi, dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak pernah di bincang. Jadi perkara ini kena ambil serius oleh pihak kementerian dan pegawai-pegawai yang terlibat tu jangan lebih sudu daripada kuah yang menyebabkan imej kementerian kita rosak dan rakyat marah kepada kerajaan dengan tindakan yang tidak popular. Saya harapkan perkara ini perkara yang perlu dipandang serius kerana mereka jangan pandai-pandai kerana yang akan menerima bebanan itu ialah pihak kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Memang betul, semalam pun saya dah jumpa MIROS juga untuk lebih pasti sebelum

pembentangan hari ini. Sebenarnya memang ada sedikit kesilapan daripada *heading* tersebut, di mana seolah-olah di mana basikal akan dilesenkan. Akan tetapi, saya ulangi lagilah sebagai kita semua Ahli Yang Berhormat Senator dan juga Ahli Dewan Rakyat, kita sama-samalah dengan jawapan saya ini, iaitu basikal di negara ini perlu mendaftar dan dilesenkan tidak pernah di bincang di peringkat Kementerian Pengangkutan.

Jadi kita mintalah kerjasama semua. Memang apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat itu kita secara dalaman telah pun ambil tindakan terhadap perkara tersebut. Berhubungan dengan penjualan minuman keras di premis hiburan kelab malam dan premis makanan perlu dipantau. Contoh, membeli minuman keras perlu didaftar dan had alkohol disaring.

Berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan suatu bentuk perundangan bagi membolehkan penguatkuasaan terhadap penjual minuman beralkohol di premis makanan dan pusat hiburan supaya mendaftar dan disaring tahap kandungan alkohol pengunjunnya, kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa cadangan tersebut amat baik namun bukan di bawah bidang kuasa kami dan skop Kementerian Pengangkutan. Perkara ini akan dibincangkan dengan agensi dan pihak berkuasa yang berkenaan. Ini sebab kita tahu ini pun mesti ada yang jual, mesti ada yang minum sama ada sampai mabuk atau tidak, semuanya ada kaitan.

Seterusnya ialah untuk menjawab soalan yang dikemukakan, perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol iaitu kepekatan maksimum had alkohol di dalam darah- *blood alcohol content* (BAC). Kenapa kadar tidak disifarkan, *zero tolerance* pada pemandu muda? Seperti yang saya katakan tadi, sama juga iaitu Malaysia adalah negara yang berbilang kaum dan agama dan bebas untuk mengamalkan. Ada yang membenarkan minum dan agama Islam sudah pasti tidak membenarkan meminum arak. Menyedari hakikat ini kerajaan memang mengambil maklum tentang kenapa ianya tidak boleh kadarnya dibawa kepada kosong peratus, iaitu tentang ada masakan-masakan dan sebagainya juga mengandungi alkohol ataupun arak.

Jadi dengan mengimbangi kedua-dua penimbangan ini maka kerajaan berpandangan bahawa adalah tidak wajar untuk menurunkan kadar tersebut kepada kosong peratus. Bagi pemandu muda pula, sememangnya peraturan sedia ada telah menetapkan bahawa pemegang lesen percubaan hendaklah memastikan bahawa kandungan alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya adalah pada tahap kosong. Ini memang pada pemegang Lesen P, dan L, ia mestilah kosong peratus.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, iaitu supaya kerajaan mempertimbangkan juga tentang kosong peratus bagi had kandungan alkohol. Sama juga jawapannya, kita mengikut apa yang

telah disarankan dan ditetapkan oleh WHO. Tentang sikap pemandu yang cuai, perlu teruskan kempen keselamatan. Kementerian Pengangkutan khususnya melalui agensinya seperti JPJ dan MIROS akan terus meningkatkan program-program advokasi bagi memberikan kesedaran dan pendidikan serta pemandu kenderaan di atas jalan raya sentiasa mengutamakan keselamatan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.

Seterusnya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Isu integriti dari penguatkuasaan oleh PDRM dan JPJ.

Untuk makluman Yang Berhormat, SOP penguatkuasaan bagi agensi-agensi penguatkuasaan sememangnya telah ada dan setiap tindakan yang akan diambil sememangnya perlulah ditetapkan oleh agensi yang berkaitan. SOP ini dibina berpandukan akta peraturan yang berkuat kuasa.

Pihak kementerian akan memastikan supaya SOP ini senantiasanya dipatuhi oleh agensi penguat kuasa. Kemalangan yang melibatkan motosikal, Kementerian Pengangkutan telah banyak melakukan usaha promosi, kursus dan latihan berkaitan keselamatan jalan raya terutamanya kepada golongan yang berisiko tinggi seperti penunggang motosikal.

Kementerian Pengangkutan juga telah menjalinkan kerjasama dengan kementerian Kerja Raya dalam cadangan pembinaan laluan motosikal yang baharu. Sekarang ini pun memang sudah ada, tetapi banyak lagi yang dicadangkan. Laluan-laluan yang dicadangkan adalah laluan yang mempunyai kadar kemalangan yang membimbangkan. Segala peruntukkan bagi pembinaan laluan motosikal ini akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, melalui Kementerian Kerja Raya.

Mengenai dengan pendidikan kempen "*Don't Drink and Drive*". Adalah seperti yang Yang Berhormat Senator sedia maklum, program kempen "*Don't Drink and Drive*", dengan izin, senantiasanya diadakan dan yang terbaharu adalah pada 17 Julai 2020 ini mulai pukul 5 petang hingga 11 malam di premis restoran dan premis menjual minuman keras di sekitar Bandar Kajang dan Semenyih, Petaling Jaya dan Puchong.

Program yang sama juga secara berterusan diadakan di seluruh negara termasuk Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu. Berkaitan dengan mengehadkan penjualan alkohol di kelab malam. Mengenai mengehadkan penjualan alkohol di kelab malam, perkara ini merupakan di luar bidang kuasa MOT dan merupakan bidang kuasa PBT, dan MOT akan berbincang perkara ini yang telah dibangkitkan.

Seterusnya ialah untuk menjawab yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Abdul Hamid, iaitu berkaitan supaya pengunjung kelab malam, mabuk tidak dibenarkan memandu sendiri kenderaan mereka untuk pulang ke rumah dan destinasi. Rasanya sama juga ceritanya juga iaitu berkaitan dengan memang banyak cadangan yang telah pun dijawab masa Dewan Rakyat dulu iaitu tentang penggunaan radio teksi *e-hailing*,

*Grab* dan juga apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh tadi, iaitu *wallet pay*. Berkenaan dengan yang seperti yang dibangkitkan di Singapura.

■1640

Satu lagi adalah mabuk sebab tidak minum alkohol. Contoh, minum ubat batuk. Adakah terikat dengan undang-undang yang dipinda. Ya, memandu di bawah pengaruh *driving* ada *influence* tidak kira sama ada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah adalah terikat melalui pindaan rang undang-undang ini.

Sejauh mana usaha kerajaan untuk memberi kesedaran kepada pemandu yang mabuk dan rakan yang menaiki kenderaan. Cadangan supaya premis hiburan kelab malam mempunyai kuasa untuk memastikan pengunjungnya yang mabuk agar tidak memandu sendiri kenderaannya adalah suatu cadangan yang amat baik dan Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan perkara ini. Kementerian Pengangkutan sendiri telah beberapa kali menggesa supaya mereka yang mabuk agar tidak memandu dan gunakanlah perkhidmatan awam seperti teksi dan kenderaan *e-hailing* serta menggunakan perkhidmatan pemandu ganti yang ada di dalam bas-bas ekspres ya.

Seterusnya ialah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari iaitu cadangan MOT melihat pindaan secara menyeluruh bukan sahaja disebabkan oleh mabuk sahaja. Jawapannya ialah memang telah dipinda secara menyeluruh iaitu sebabnya pindaan telah dibuat kepada seksyen 41, 42, 43, yang ini berkaitan dengan memandu secara melulu, berbahaya, tidak cermat termasuk merempit, memandu laju oleh penunggang motosikal, kereta dan sebagainya. Di mana yang di bawah seksyen 44, 45, adalah berkaitan dengan alkohol.

Perkara yang dibangkitkan juga mohon penguatkuasaan lebih keras, ikut peraturan, hindar unsur rasuah. Kita memang mengambil maklum perkara ini. Rasanya kempen kita tentang pengambilan rasuah ini sudah kita buat dari dahulu sehingga sekarang oleh semua agensi. *Insyah-Allah* kita pun dalam kementerian turut memastikan bahawa mana-mana agensi yang bertanggungjawab untuk penguasaan ini akan memastikan meningkatkan integriti mereka, *insyah-Allah*. Itu harapan kita kepada semua penguatkuasaan. Tidak kira agensi yang mana.

Hukuman selain daripada penjara. Tentang sebat seperti wajib berehat selepas memandu selepas jam tertentu yang disoal oleh Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari dan juga berkaitan dengan hukuman mandatori yang telah diambil oleh Parlimen. Untuk perkara ini...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh mencelah sedikit? Saya mencadangkan. Ini kali kedua saya bawa supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Celahan tidak ada. Soalan apa?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan. Soalan apa? Bukan celah. Dalam peraturan ini tidak ada celah.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Okey, soalnya saya mencadangkan tadi ialah alternatif pencegahan. Contohnya membenarkan anggota penguat kuasa menahan kepada mereka yang memandu dengan berbahaya seperti laju supaya beri kuasa kepada mereka boleh menahan tidak lebih enam jam umpamanya. Boleh ini dibincangkan di kementerian?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Insyaa-Allah*, Yang Berhormat Senator. Sudah pastinya apa yang disuarakan, dibangkitkan itu kita akan ambil perhatian. Ia juga menjadi salah satu *point* yang boleh untuk dikaji.

Perkara yang tadi itu menyambung hukuman berkaitan hukuman mandatori telah diambil oleh Parlimen. Ia tidak diambil. Budi bicara jatuh hukuman masih di mahkamah lagi. Pembuat undang-undang harap membuat hukuman. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tulisan ada sedikit ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Iaitu ia tidak diambil daripada mahkamah. Budi bicara jatuh hukuman masih lagi di mahkamah dan juga pembuat undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Susah hendak baca ya?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Agak-agak saja lah... [*Dewan ketawa*]

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Akan tetapi pokoknya di sini ia bukanlah kita berniat untuk mengambil daripada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan?

**Tuan Nga Hock Cheh:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan? Oleh sebab Yang Berhormat Menteri sedang dalam kegelapan. Tunggu sekejap.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Sekejap ya. Kita bukan apa. Bukannya tidak boleh, tetapi kadang-kadang hendak susun ayat itu bertindih-tindih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hakim masih lagi menjatuhkan hukuman mengikut julat yang ditetapkan dan hukuman yang telah ditetapkan dalam undang-undang. Tiada isu Parlimen mengambil alih kuasa hakim.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, itulah tadi saya hendak penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi soalkanlah apa dia?

**Tuan Nga Hock Cheh:** Apabila Parlimen hadkan penjara minimum, *to that extend the* budi bicara mahkamah telah di batas *or* terhad oleh Parlimen. Di lain-lain perundangan macam mencegah rasuah di *Malaysian Anti-Corruption Commission* baru ada maksimum sahaja. Dia tidak ada minimum punya penjara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat apa?

**Tuan Nga Hock Cheh:** Soalannya, kenapa dia hendak satu minimum punya *sentence* mahkamah, *and you* sekat *the* budi bicara mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham. Hendak jawab Yang Berhormat?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Saya melihat Yang Berhormat sebelum ini pun sebenarnya ada julat minimumnya dua tahun dan tidak kurang daripada sepuluh. Hanya minimum ini tidak ditingkatkan. Untuk penjuatnya itu, masih hakim lagi membuat keputusan dalam julat yang ada. Hanya minimumnya ditingkatkan. Oleh sebab kita ini hendak *deterrence* dalam tujuan inti pati sebenar undang-undang ini di pinda.

Seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran iaitu apakah had ditetapkan tidak kurang 10 tahun, cadang tiada minimum dan hukuman mati dikenakan. Rasanya semuanya telah pun dijawab untuk apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebelum-sebelum ini yang telah pun saya jawab iaitu berkaitan dengan had, *zero percent*, berkaitan dengan kenapa tidak boleh hukuman mati dan sebagainya. Begitu juga tentang julat hukuman iaitu tidak kurang 10 tahun dan sebagainya. Saya rasa sudah dijawab tadi. Terima kasih.

Seterusnya ialah perkara yang berkaitan dengan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh iaitu berkaitan dengan pendidikan. Pendidikan dan kempen telah dijawab seperti program. Tiada minggu tanpa *advocacy*. Memang ia telah dibuat selama ini sejak tahun 2004. Modul keselamatan jalan raya telah pun diperkenalkan melalui subjek Bahasa Melayu. Memang sudah ada yang dikelolakan oleh JKJR. Memang ada program di mana ia menjadi salah satu buku yang juga dipakai dalam pembelajaran di sekolah.

Saya juga bersetuju tentang Yang Berhormat Senator untuk mengadakan khidmat penghantaran dan dari segi penguatkuasaan memang pihak kementerian akan mengkaji perkara ini untuk pelaksanaan iaitu dasar *Drive Home Valet* yang seperti disuarakan dibangkitkan tadi. Kita akan juga mengambil kira tentang perkara tersebut.

Seterusnya yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Hajah Nuridah binti Mohd Salleh tadi iaitu Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya. Ia telah dikemukakan di sekolah sejak 2007 lagi. Ia merupakan satu inisiatif jangka panjang yang bermula dari peringkat kanak-kanak di peringkat taska, tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah bagi melahirkan generasi baharu pengguna jalan raya yang mengamalkan budaya selamat, beradab,

berhemah dan berhati-hati di jalan raya. Memang sudah diadakan sebelum ini Yang Berhormat Senator.

Seterusnya ialah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan iaitu hukuman terlalu berat, menyusahkan dan sebagainya. Kaji semak pindaan akan kurangkan kemalangan. Apakah punca masalah elak berulang. Inilah objektif pindaan untuk menjadikan ia sebagai *deterrence* supaya tidak buat salah atau langgar undang-undang dan peraturan. Kita juga tentang semak pindaan akan kurangkan kemalangan. Kita akan ambil maklum dan kaji selepas ianya dikuatkuasakan undang-undang ini pastinya kita akan melihat *result* daripada pindaan ini.

■1650

Apa punca masalah dan untuk elak berulang? Seperti yang dimaklumkan, pindaan ke atas Akta 333 ini adalah salah satu daripada strategi menyeluruh daripada kementerian. Selain pindaan akta, program kempen keselamatan jalan raya, aktiviti pendidikan dan aktiviti penguatkuasaan, kajian berterusan juga akan diadakan untuk mengenal pasti punca dan langkah intervensi yang bersesuaian.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Idris bin Haji Ahmad iaitu kebajikan mangsa yang telah dilanggar oleh pemandu mabuk. Seksyen 426, Kanun Tatacara Jenayah telah memperuntukkan bahawa dengan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, mahkamah boleh membuat suatu perintah terhadap Orang Kena Tuduh (OKT) untuk membayar pampasan kepada mangsa atau waris mangsa sekiranya mangsa meninggal dunia. Selain daripada itu, mangsa atau waris mangsa juga boleh menuntut pampasan daripada orang kena tuduh melalui tuntutan sivil di mahkamah syariah.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab semua apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator seramai 16 orang yang telah pun membahaskan pindaan undang-undang ini. Jadi, saya mengambil kesempatan untuk ucapkan terima kasih atas segala input-input dan juga idea-idea yang telah pun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator demi untuk memurnikan undang-undang yang dipinda ini.

Harapan kita, *insya-Allah*, mudah-mudahan dengan pindaan ini, ia akan memberi kesan yang lebih baik demi untuk keselamatan seluruh pengguna jalan raya dan juga kepada orang yang menjadi mangsa kemalangan jalan raya disebabkan kecuaiannya pemandu. Kita berharap mudah-mudahan segala ini akan membawa kebaikan untuk seluruh rakyat Malaysia, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Kita teruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan....]



**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, mohon belah bahagian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak belah bahagian, kita mahu tentukan dulu berapa orang yang mahukan belah bahagi. Kalau lapan orang atau lebih, baru boleh.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak belah bahagi ada satu, dua, tiga dan empat... *[Mengira jumlah Ahli yang bangun]*

Jadi, minta maaf, kita tidak dapat mempersetujui oleh kerana bilangan itu tidak dipenuhi.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) (Datuk Haji Shabudin Yahaya) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.56 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**  
**[Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengurangkan kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) termasuklah mengubahsuai peruntukan berkaitan dalam Akta Had Masa 1953, Ordinan Had Masa Sabah,

Ordinan Had Masa Sarawak, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, Akta Insolvensi 1967, Akta Sewa Beli 1967, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Distres 1951, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan sentiasa komited untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat Malaysia dapat diteruskan walaupun berhadapan dengan krisis penularan pandemik COVID-19 yang memberikan impak negatif bukan sahaja kepada kesihatan awam malah ekonomi dan juga sosial rakyat negara ini turut terkesan.

Pandemik ini merupakan masalah global yang dirasai hampir semua negara di dunia tidak terkecuali Malaysia. Penularan jangkitan COVID-19 kini telah melangkah angka lebih 31 juta di seluruh dunia dengan lebih 965 ribu kematian, manakala di Malaysia sahaja sehingga 21 September 2020, sebanyak 10,276 kes jangkitan dilaporkan dengan 130 kematian.

Inisiatif awal kerajaan membendung COVID-19. Pada peringkat awal penularan COVID-19, kerajaan telah memfokuskan kepada aspek melindungi tahap kesihatan dan keselamatan rakyat dengan menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] termasuk mewartakan Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit dan Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit dari masa ke semasa.

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di bawah Akta 342, dan Akta Polis 1967 [Akta 344] mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020.

#### ■1700

Selain negara berhadapan dengan krisis kesihatan, sektor ekonomi juga berdepan situasi mencabar akibat kesan penularan COVID-19.

Kerajaan amat prihatin. Maka dalam konteks membendung kesan penularan COVID-19, kerajaan sentiasa bersikap terbuka dan telus dengan memaklumkan kedudukan ekonomi negara sejak mula penularan wabak COVID-19 ini berlaku. Tindakan bagi menangani kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat diambil dengan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat berjumlah RM250 bilion pada 27 Mac 2020. Pakej-pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PKS) berjumlah RM10

bilion pada 6 April 2020 dan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Masa Pendek (PENJANA) berjumlah RM35 bilion pada 5 Jun 2020.

Oleh yang demikian, rang undang-undang yang akan saya bantangkan bertujuan mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara untuk mengurangkan kesan penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini ataupun kita katakan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 ini yang digubal adalah bersifat menyokong inisiatif pemulihan ekonomi oleh kerajaan melalui pakej-pakej rangsangan ekonomi iaitu PRIHATIN dan PENJANA seperti yang disebutkan tadi.

Dalam erti kata lain, rang undang-undang ini merupakan pelengkap atau, dengan izin, *complement* kepada usaha-usaha kerajaan membantu rakyat melalui proses pemulihan ekonomi akibat COVID-19. Rang undang-undang ini memberikan suatu pelepasan sementara- *temporary relief*, dengan izin, daripada tanggungjawab perjanjian atau pematuhan kepada perundangan tertentu bagi suatu tempoh yang ditetapkan demi kelangsungan hidup rakyat.

Persoalan sama ada rang undang-undang ini, dengan izin, *too little too late*, ataupun *better late than never* adalah tidak berbangkit kerana isu yang dihadapi kesan daripada wabak COVID-19 bukan sahaja telah diambil tindakan oleh kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi, malah telah diselesaikan dengan menggunakan perundangan sedia ada termasuk melalui pindaan kepada perundangan subsidiari seperti perintah dan peraturan atau diselesaikan secara pentadbiran oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Sehingga kini, sebanyak 58 peraturan dan perintah telah disediakan atau dipinda bagi menangani kesan akibat COVID-19 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 24 peraturan dan perintah adalah berkaitan sektor ekonomi.

Secara umumnya, rang undang-undang ini tidak mempunyai peruntukan berkaitan hukuman atau penalti sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap peruntukan dalam rang undang-undang. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan supaya rang undang-undang ini tidak bersifat menghukum yang membebankan mana-mana pihak. COVID-19 tidak memilih mangsanya, virus ini tidak mengenal yang kaya atau yang miskin, majikan atau pekerja, peniaga atau pembeli, yang berada di bandar atau di desa. Kesan COVID-19 dirasai oleh semua pihak dan apabila satu pihak terkesan, bermakna seluruh rantaian ekonomi akan turut terkesan.

Tidak dinafikan penularan pandemik COVID-19 menyebabkan konflik dan pertikaian antara majikan, pekerja, tuan rumah dan penyewa serta antara pihak-pihak berkontrak. Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini memperuntukkan platform pengantaraan-

*mediation* kepada pihak-pihak yang bertikai untuk menyelesaikan pertikaian secara baik tanpa melibatkan proses perbicaraan undang-undang di mahkamah.

Pengantara- *mediator* bertindak sebagai pemudah cara bagi membantu pihak-pihak yang bertikai menyelesaikan pertikaian. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk memastikan kedua-dua pihak diberikan peluang sama rata bagi menyelesaikan pertikaian secara baik. Perjanjian penyelesaian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak hendaklah ditandatangani dan perkara ini dianggap sebagai muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 19 bahagian, dan 59 fasal dalam rang undang-undang ini. Secara keseluruhannya, rang undang-undang ini memperuntukkan kelonggaran akibat ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi kontrak seperti di bahagian dua dan melibatkan pengubahsuaian- *modification* peruntukan berkaitan dalam 14 akta dan dua ordinan sebagaimana berikut:

- (i) Akta Had Masa 1953;
- (ii) Ordinan Had Masa Sabah;
- (iii) Ordinan Had Masa Sarawak;
- (iv) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948;
- (v) Akta Insolvensi 1967;
- (vi) Akta Sewa Beli 1967;
- (vii) Akta Perlindungan Pengguna 1999;
- (viii) Akta Distres 1951;
- (ix) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966;
- (x) Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- (xi) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981;
- (xii) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;
- (xiii) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987;
- (xiv) Akta Mahkamah Kehakiman 1964;
- (xv) Akta Mahkamah Rendah 1948; dan
- (xvi) Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 yang dijelaskan dalam bahagian tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 18 kepada rang undang-undang.

Fasal 1(2), Bahagian I memperuntukkan rang undang-undang ini berkuat kuasa bagi tempoh dua tahun daripada tarikh penyiaran rang undang-undang.

Fasal 1(3), dan Fasal 1(4) pula memberikan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa rang undang-undang melalui perintah yang disiarkan dalam warta dan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Pelanjutan tersebut boleh dibuat lebih daripada sekali.

Fasal 3, Bahagian I memperuntukkan bahawa rang undang-undang ini mengatasi mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain yang bertentangan atau tidak konsisten dengan rang undang-undang ini dalam tempoh kuat kuasa yang ditetapkan.

#### ■1710

Selain itu, beberapa bahagian dalam rang undang-undang ini dikuatkuasakan ke belakang bermula dari 18 Mac 2020, mengikut isu atau keperluan yang hendak ditangani. Beberapa bahagian dalam rang undang-undang ini mempunyai peruntukan yang membolehkan Menteri yang bertanggungjawab dengan akta yang berkenaan untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa bahagian berkenaan sekiranya isu yang ditangani memerlukan perlanjutan masa dan perlu ditangani dengan segera.

Secara khusus, Bahagian II memperuntukkan mengenai ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi *contractual* ini dinyatakan dalam fasal-fasal berikut:

Fasal 7, Bahagian II bertujuan untuk memperuntukkan bahawa ketidakupayaan mana-mana pihak untuk melaksanakan obligasi *contractual* berbangkit daripada mana-mana kategori kontrak yang dinyatakan dalam Jadual. Tidak membolehkan pihak lain menjalankan haknya di bawah kontrak itu. Kategori kontrak yang disenaraikan dalam Jadual dikenal pasti sebagai kategori yang paling terkesan akibat COVID-19.

Dalam hubungan ini, jika diperhatikan kontrak yang berkaitan dengan perkhidmatan perlu tidak dimasukkan dalam Jadual seperti kontrak berkaitan seperti kontrak bekalan makanan, perkhidmatan perbankan dan kewangan, elektrik dan tenaga serta penjagaan kesihatan dan perubatan memandangkan kerajaan telah memastikan perkhidmatan tersebut perlu berjalan walaupun Perintah Kawalan Pergerakan berlangsung.

Walau bagaimanapun, Menteri diperuntukkan kuasa untuk meminda Jadual kepada bahagian ini sekiranya terdapat keperluan untuk menambah kategori kontrak yang mempunyai isu berkaitan COVID-19 yang perlu ditangani.

Fasal 9, Bahagian II memperuntukkan bahawa apa-apa pertikaian yang berbangkit daripada apa-apa ketidakupayaan mana-mana pihak untuk melaksanakan apa-apa obligasi *contractual* yang berbangkit daripada mana-mana kategori kontrak yang dinyatakan dalam Jadual boleh diselesaikan melalui perantaraan ataupun *mediation*. Selain daripada peruntukan di bawah fasal ini, saluran yang lain boleh juga digunakan untuk menyelesaikan pertikaian seperti tribunal, mahkamah dan proses timbang tara.

Bagi tujuan ini, kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan tidak kurang daripada RM29 juta bagi menyediakan perkhidmatan mediasi melalui Pusat Mediasi COVID-19 (PCM-19) kepada orang awam dan syarikat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 bagi nilai pertikaian RM300 ribu dan ke bawah. Proses mediasi yang akan dijalankan melalui PMC-19 ini adakah terbuka kepada semua lapisan masyarakat, walau bagaimanapun proses mediasi

akan ditanggung kerajaan bagi tempoh 12 bulan mulai 1 Oktober 2020 sehingga 30 September 2021 bagi golongan dalam kategori B40, M40 dan PKS mikro dan kecil berdasarkan kelayakan pihak-pihak yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) individu dalam lingkungan B40 berpendapatan isi rumah RM4,360 dan ke bawah;
- (ii) individu dalam lingkungan M40 berpendapatan isi rumah RM4,361 hingga RM9,619;
- (iii) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berskala mikro iaitu jualan tahunannya lebih rendah daripada RM300 ribu atau bilangan pekerja sepenuh masanya seramai lima orang ataupun kurang;
- (iv) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berskala kecil iaitu sektor pembuatan yang mana jualan tahunan daripada RM300 ribu lebih rendah daripada RM15 juta atau bilangan pekerja penuh sepenuh masa daripada lima orang kepada tidak melebihi 75 orang; dan
- (v) sektor perkhidmatan dan sektor lain dengan jualan tahunan RM300 ribu atau tidak melebihi RM3 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada lima orang atau tidak melebihi 30 orang.

Bagi tujuan melaksanakan proses mediasi melalui PMC-19, pakar-pakar pengantara yang dikenal pasti akan dilantik oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Parlimen dan Undang-undang) selaras dengan fasal 9(2), Bahagian II, rang undang-undang ini.

Bahagian III, IV, V dan VI memperuntukkan perlanjutan tempoh had masa untuk membuat tuntutan termasuk tuntutan kontrak dan *tort* atau tuntutan terhadap kerajaan. Ini dapat memberi perlanjutan masa kepada mana-mana tempoh tuntutan yang telah luput dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

Manakala Bahagian VII mengadakan peruntukan bagi menaikkan had *ambang-threshold* keberhutangan daripada RM50 ribu kepada RM100 ribu.

Bahagian VIII memperuntukkan bahawa pemunya ataupun *owner* barangan yang terkandung dalam suatu perjanjian sewa beli tidak boleh menjalankan haknya untuk mengambil semula milikan barangan bagi apa-apa kemungkinan pembayaran ansuran semasa tempoh 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.

Bahagian IX memperuntukkan bahawa pembeli tidak akan dikenakan caj bayaran lewat atas kegagalan membayar bayaran lewat dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 dan tiada tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas pembeli.

Bahagian X memperuntukkan bahawa harta penyewa tidak boleh ditahan sekiranya penyewa gagal membayar sewa dalam tempoh 18 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020.

Bahagian XI memberikan pengecualian bagi tempoh 18 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020 dalam pengiraan caj pembayaran lewat penyerahan milikan kosong dan tempoh liabiliti kecacatan. Bahagian ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk melanjutkan tempoh pengecualian sehingga 31 Disember 2020.

Bahagian XII memberikan pengecualian bagi tempoh 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020 daripada pengiraan tempoh bagi pemberian pengiktirafan, membuat laporan dan pemfailan representasi pekerja.

Bahagian XIII memberikan pengecualian bagi tempoh 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020 dalam tempoh pengiraan bagi pembaharuan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

Bahagian XIV, dan Bahagian XV, memberi kebenaran kepada pemegang lesen kenderaan awam, kenderaan pelancongan dan kenderaan barangan untuk menukar penggunaan kenderaan mulai 1 Ogos 2020. Permohonan penukaran penggunaan hendaklah disertai dengan maklumat perubahan spesifikasi teknikal dan perlindungan insurans tambahan.

#### ■1720

Bahagian ke-16, ke-17, dan ke-18, memperuntukkan kuasa kepada Ketua Hakim Negara untuk mengeluarkan arahan berhubung dengan urusan mahkamah dan mengubahsuai atau menggantung peruntukan dalam kaedah-kaedah mahkamah untuk memastikan pentadbiran keadilan dilaksanakan.

Bahagian ke-19 memperuntukkan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk melanjutkan tempoh masa untuk pihak berkuasa melaksanakan kewajipan statutori yang tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020. Menteri juga boleh membuat perkiraan alternatif untuk mesyuarat yang tidak boleh dijalankan mengikut cara yang diperuntukkan di bawah akta.

Bahagian yang ke-2, ke-7, ke-8, ke-9, ke-10, dan ke-11 mempunyai fasal berkaitan peruntukkan kecualian untuk prosiding atau tindakan yang telah diambil sebelum akta ini berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan rang undang-undang ini telah melalui proses yang kompleks melibatkan semua pihak. Isu-isu yang dimasukkan dalam rang undang-undang ini diperoleh melalui sesi libat urus yang komprehensif dengan pihak-pihak berkepentingan seperti kementerian, jabatan, agensi-agensi Persekutuan termasuk negeri Sabah dan Sarawak, agensi pelaksana, pihak industri, organisasi masyarakat dan organisasi bukan kerajaan. Maklum balas daripada orang awam juga turut diperoleh melalui pautan yang disediakan di portal Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri dan

platform *Unified Public Consultation* ataupun UPC, Perbadanan Produktiviti Malaysia dari 29 Mei sehingga 5 Jun 2020.

Rang undang-undang ini turut melibatkan kajian dan rujukan terhadap model undang-undang beberapa buah negara seperti *United Kingdom*, New Zealand, Australia dan Singapura. Hasilnya, rang undang-undang ini digubal sebagai suatu undang-undang unik berdasarkan acuan Malaysia dengan mengambil kira situasi semasa dalam negara demi menjaga kepentingan pelbagai pihak. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokongan dari sesiapa?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara untuk mengurangkan kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) termasuklah mengubahsuai peruntukan yang berkaitan dalam Akta Had Masa 1953, Ordinan Had Masa Sabah, Ordinan Had Masa Sarawak, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, Akta Insolvensi 1967, Akta Sewa Beli 1967, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Distress 1951, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Diharapkan had-had masa yang ditentukan bagi pihak Dewan dipatuhi. Oleh sebab Peraturan Mesyuarat lebih memihak kepada siapa yang menangkap pandangan Tuan Yang di-Pertua diberi tempat, maka saya kuatkuasakan sedemikian. Silakan.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Ismail bin Yusop:** Bukan saya dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Senator dikemudiankan sedikit. Silakan.

**5.26 ptg.**

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua dan sahabat Ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Bagi membincangkan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan



Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020. Sebelum itu, saya hendak baca firman Allah SWT dalam Surah Al-Insyirah yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*.

Bermaksud, "Sesungguhnya bersama kesulitan itu ada kemudahan" dan diulangi lagi oleh Allah SWT" dan sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan". Maka apabila telah kamu lakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh, maka laksanakan kerja berikutnya pun dengan bersungguh-sungguh. Sesungguhnya kepada Allah SWT kamu memberi pengharapan.

Jadi, kita semua tahu Tuan Yang di-Pertua dan sahabat Ahli Yang Berhormat Senator sekalian, musim COVID-19 ini saya sudah berumur 60 tahun, saya tidak pernah berpengalaman merasai. Saya sudah warga emas 60 tahun. Tuan Yang di-Pertua, dekat-dekat 80 tahun kalau tidak silap saya. Saya pernah bersama-sama Tuan Yang di-Pertua di Penggal Ke-7...

**Tuan Yang di-Pertua:** Rang undang-undang ini ada kena-mengena dengan umur, tidak ada kena-mengena dengan persepsi. Saya menjurus kepada apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengar dahulu, apabila Tuan Yang di-Pertua berkata. Kita menjurus sekarang kepada undang-undang.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini rang undang-undang diperkenalkan kerana pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Mac 2020, 6 April 2020, 5 Jun 2020 berikutan serangan COVID-19 yang bermula daripada Wuhan, China. Jadi melibatkan sebanyak- Had Ordinan Sabah, Sarawak dan lagi 14 rang undang-undang dan juga melibatkan RM45 bilion peruntukan oleh kerajaan Putrajaya.

Jadi, saya lihat di sini bahawa oleh sebab suasana ini bukan suasana tidak normal maka undang-undang diperkenalkan ini juga undang-undang yang tidak normal. Ini kerana banyak undang-undang yang pada keadaan lain berlaku, berkuat kuasa tetapi pada waktu tempoh ini tidak berkuat kuasa.

Kuasa diberi kepada Yang Berhormat Menteri, kuasa diberi kepada Ketua Hakim Negara dan kuasa diberi kepada Menteri-menteri tertakluk kepada rang undang-undang tersebut yang diberi. Setakat hari ini, ia menceritakan bahawa tempoh itu ada yang sehingga 31 Ogos, ada yang menceritakan tempoh sehingga 31 Disember, tertakluk kepada realiti dan keadaan sebenar berlaku kesan daripada COVID-19 yang kita belum sampai lagi tahap kepada penyelesaian sepenuhnya.

Kemungkinan COVID-19 ini yang dengan tiba-tiba Tuan Yang di-Pertua, nampak macam kendur. Bahkan negeri Kedah Darul Aman tidak pernah pun, sudah memang di antara negara yang paling baik mengurus, dan COVID-19 ini tidak berlaku. Akan tetapi kerana kes serangan- Sivagangga di Napoh, sebuah restoran yang mana melibatkan pekerja-pekerja daripada India telah menyebabkan negeri Kedah, negeri yang paling teruk sekarang ini, selain daripada Sabah yang sedang menghadapi pilihan raya negeri.

#### ■1730

Jadi, sekarang ini saya rasa kerajaan bukan setakat hanya memikirkan tahap tempoh yang diberikan. Ini kerana kita melihat dunia sekarang ini masih belum menemukan vaksin yang berkesan, walaupun berbagai-bagai doktor daripada negara-negara dunia ketiga, tidak negara maju yang mengatakan bahawa ubat yang mengubati malaria itu sesuai. Ubat yang selama ini digunakan untuk mengubati malaria sesuai sebagai vaksin kepada Koronavirus 2019.

Akan tetapi satu perdebatan yang hangat berlaku tetapi mereka yang mempertahankan ubat itu sesuai, ada pakar-pakar doktor daripada Indonesia, pakar doktor daripada Nigeria dan pakar doktor daripada India pun ada yang mengatakan bahawa mereka boleh membuktikan bahawa mereka telah melaksanakan dan mereka telah uji vaksin ini, vaksin malaria ini kepada satu angka pesakit yang ramai melebihi ratusan dan ia sangat berkesan. Walaupun ia tidak diterima oleh negara-negara yang maju.

Ini kerana kita lihat seolah-olah ada satu permainan di antara syarikat-syarikat farmaseutikal besar dunia. Seolah-olah ada satu permainan- *game*, dengan izin, untuk menjadi juara kepada penemuan vaksin-vaksin tersebut. Antaranya, Rusia yang telah mendakwa dia menemukan vaksin tersebut tetapi belum disahkan secara muktamad. Begitu juga negara China juga mengatakan mereka telah menemukan vaksin tersebut dan juga belum dimuktamadkan.

Saya memohon negara kita Malaysia, saya fikir kalau banyak doktor daripada negara-negara dunia ketiga telah pun begitu berani mempertahankan ubat yang mengubati malaria itu dapat digunakan, kita mungkin boleh mengambil kedudukan daripada situ untuk meneruskan kajian-kajian. Ini kerana kita rasa inilah peluangnya kita mengambil iktibar atau mengambil kekuatan daripada herba-herba yang ada di dalam negara kita. Ini kerana sekarang ini saya bagi tahu daripada dulu kita ada pada satu ketika kita pernah menubuhkan bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada bioteknologi tetapi kerana bioteknologi itu tidak diarah atau diurus dengan profesional, menyebabkan bioteknologi tersebut sudah tenggelam. Sedangkan inilah waktunya kita mengembelengkan semua pakar-pakar yang ada dalam negara dan bahkan boleh kita meminjam atau, dengan izin, saya berani mempertahankan,

kita boleh ambil bijak pandai luar negara untuk memberi, dengan izin, *permanent resident* ataupun jangan malu untuk mengatakan kita beri kerakyatan kepada orang bijak-bijak pandai dunia yang sanggup datang Malaysia bekerjasama untuk kita mengkaji dan mencari ruang-ruang bagaimana vaksin-vaksin ini dapat ditemui dengan menggunakan segala ubat-ubatan dan tumbuhan-tumbuhan herba yang ada dalam negara kita hari ini. Ini kerana kita sekarang ini kita tidak eksloit sepenuhnya segala perubahan tersebut untuk kita menjadikan sebagai vaksin kepada COVID-19 ini.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, kita tengok bahawa kerajaan sekarang ini mengehendkan subsidi kepada pengusaha-pengusaha seperti mana yang terkandung dalam salah satu Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Kalau dulu, tiga bulan yang pertama, bulan April, Mei dan Jun, kerajaan memberikan sebanyak RM1,200 kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dan disahkan mempunyai tenaga dengan tenaga yang berdaftar dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga yang berdaftar dengan PERKESO.

Akan tetapi selepas daripada itu pada bulan Julai, Ogos dan September, kerajaan mengurangkan bantuan tersebut atau subsidi tersebut kepada RM600. Bahkan saya mendapat perkhabaran dari ramai kawan saya yang terlibat dalam perniagaan, ramai lagi yang belum menerima. Walaupun ini sudah masuk bulan ketiga untuk subsidi 50 peratus daripada tiga bulan pertama, ramai lagi di kalangan mereka yang tidak menerima subsidi yang ditawarkan oleh pihak kerajaan, yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin.

Jadi, sekarang ini kita lihat bahawa setakat ini kita tidak melihat lagi tanda-tanda pemulihan kepada syarikat-syarikat tersebut. Ini kerana kebanyakan syarikat ini bergantung kepada projek-projek kerajaan dengan izin. Kalau kerajaan tidak berbelanja, maka sudah tentulah syarikat-syarikat ini bermula daripada juruukurnya, perancang bandarnya, ukur bahannya, kejuruteraan sivilnya, kejuruteraan elektrikanya, tidak mampu untuk meneruskan perniagaan dengan baik selepas daripada September ini.

Oleh sebab itu, saya menyokong apa yang dibentangkan pada petang ini Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 ini kerana kita hendak mengelakkan ekonomi kita berada dalam keadaan koma. Kalau ekonomi kita berada dalam keadaan koma, maka kita tidak boleh merancang apa-apa. Bahkan kemungkinan ekonomi kita akan menguncup dan menguncup dan kita tidak tahu bila ia akan berkembang balik.

Oleh sebab itu, saya rasa saya memujilah langkah yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin dan Kerajaan Perikatan Nasional bila mana negara diuji oleh COVID-19, mereka telah mengambil langkah yang tepat dan langkah yang bijak demi menyelamatkan negara kita.

Oleh sebab itu, pada waktu ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ikut *convention* biasa. Dari sudut keberhutangan negara, dari segi penggunaan aset-aset negara, kalau kerajaan kena keluarkan bon, keluarkanlah. Kalau kerajaan kena jual aset, jualkanlah. Ini kerana yang penting, ekonomi itu walaupun perlahan, ia berjalan daripada ekonomi yang koma. Bila koma, entah-entah gaji Senator pun tidak dapat, elaun Senator pun tidak dapat. Oleh sebab itu, kita tidak mahu sampai ke peringkat itu. Ini kerana berlaku di *Greece* umpamanya Tuan Yang di-Pertua. Di *Greece*, orang yang berpencen, orang yang berpencen di *Greece*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selesai sudah? Yang Berhormat, habis sudah masanya.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Oh, tidak apa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sikit saja, satu ayat saja. Orang di *Greece* yang pencen-pencen hidup dalam kesusahan, bahkan ada setengah dalam keadaan kepapaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Dipersilakan tadi yang dapat cahaya mata tadi, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop disambut oleh orang sebelah, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad [*Ketawa*]

**5.37 ptg.**

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyah-Allah* saya kenang kebaikan ini sampai bila-bila. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 ini kerana secara peribadi saya menyokong RUU ini Yang Berhormat Menteri kerana kalau kita teliti banyak negara yang lain pun mempunyai akta seperti ini.

Cuma dalam konteks kita, apa yang dibentangkan dalam RUU ini ialah mengambil kira landskap tempatan kita. Seperti mana yang disebutkan, akta ini adalah akta sementara untuk memberikan pelepasan dan perlindungan melalui undang-undang akibat terkesan daripada COVID-19 ini. Namun, walaupun Yang Berhormat Menteri sebut tadi *better late than never* tetapi secara peribadi saya masih merasakan alangkah baiknya kalau rang undang-undang ini dapat dibentangkan pada persidangan bulan April yang lalu. Akan tetapi malangnya kita tidak ada sidang pada tarikh yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sasaran kita dalam pindaan RUU ini? Fokus kita ialah untuk memberi perhatian kepada mereka yang melanggar kontrak, sebab akibat daripada impak langkah-langkah untuk mencegah COVID-19. Sebanyak lima yang disebut dengan jelas dalam...

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Majlis Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Teruskan.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Boleh ya. *Insya-Allah*, baik. Jaga 10 minit itu [*Ketawa*] Saya sebut tadi lima yang disebut itu iaitu yang pertama iaitu orang yang menjadi muflis. Kedua, kes-kes sewa beli. Ketiga, perlindungan untuk pengguna. Keempat, perlindungan untuk penyewa yang tidak dapat bayar sewa. Kelima ialah pembeli rumah yang tidak dapat bayar ansuran mereka. Saya fikir ini merupakan sasaran utama pindaan ataupun RUU ini dibentangkan, ini sasaran utama.

■1740

Perlindungan yang hendak dilaksanakan terhadap semua kategori ini- yang menjadi persoalannya setakat mana keberkesanannya dalam pelaksanaannya ini nanti. Sebab saya bangkitkan hal ini. Contohnya peruntukan seksyen 10 berkaitan dengan kontrak, seksyen 21 berkaitan dengan insolvensi, seksyen 24 dengan sewa beli, seksyen 27 berkaitan dengan perlindungan untuk pengguna, seksyen 31 memberi perlindungan kepada orang yang tidak dapat bayar sewa rumah atau sewa kedai, dan seksyen 37 untuk pembeli rumah yang tidak dapat dibayar.

Semua seksyen ini ada dinyatakan di sana pengecualian itu. Jadi saya mohon penjelasan dan pencerahan daripada pihak Menteri. Bagaimana umpamanya kita hendak memperhalusi hal ini kerana sekarang ini semua pelanggaran yang berlaku ini dari Mac hingga Oktober ialah di luar perlindungan akta ini? Jadi untuk tujuh bulan yang pertama dari bulan 18 Mac mula PKP hingga Oktober. Semua yang berlaku pada masa itu, semua mangsa ini tidak boleh merujuk kepada akta ini untuk perlindungan. Jadi saya mohon sekali pencerahan mengenai pelaksanaan rang undang-undang ini.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua iaitu soal mediasi. Proses mediasi ini penting kerana keberkesanan proses ini boleh menentukan pembelaan dan perlindungan yang kita harap, *the essence of* rang undang-undang ini, dengan izin, untuk membela mereka kumpulan sasaran berkenaan itu.

Jadi kita perlu menguruskan satu sistem mediasi di mana mungkin di setiap bandar atau di setiap mahkamah seksyen sekurang-kurangnya ada panel ataupun beberapa panel mediasi. Kalau tidak kita tidak boleh sebut mediasi itu sebagai proses untuk memberikan remedi ataupun pembelaan realiti di peringkat bawah, di akar umbi seperti mana yang kita harapkan daripada rang undang-undang ini.

Oleh kerana itu saya, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan sudah merancang untuk memastikan sistem mediasi ini akan ditubuhkan secara berkesan ataupun hanya satu, dua panel ditubuhkan yang nantinya akan dibanjiri oleh ribuan tuntutan ataupun pertikaian yang mengambil masa untuk menyelesaikan?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang ada kaitan dengan pindaan ini ialah saya mohon penjelasan ataupun maklumat daripada Kementerian Yang Berhormat Menteri, berapa ramaikah, berapa ribukah? Atau mungkin sekarang ini kita sebut puluhan ribu mangsa akibat daripada pandemik COVID-19 ini, akibat daripada langkah-langkah pencegahan COVID-19 ini dari Mac hingga sekarang.

Apakah pihak Kementerian, pihak kerajaan ada data yang lengkap? Semua golongan mangsa yang kita sasarkan dalam kategori ini- dalam sewa beli, pembeli rumah yang tidak dapat bayar. Ini kerana data-data ini penting untuk memberikan gambaran yang jelas kepada kerajaan untuk membantu dan memahami segala masalah yang sedang dihadapi oleh mereka yang perlu kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu perkara-perkara pokok yang saya hendak bangkitkan di sini dan saya yakin rang undang-undang langkah sementara ini adalah satu norma baharu yang- termasuk kita yang ada di Dewan yang mulia ini patut memberi sokongan dan komitmen yang tinggi supaya pandemik ini tidak berpanjangan. Sekiranya pandemik ini berterusan selepas tamatnya tempoh PKPP hujung tahun ini, maka kerajaan sudah pun bersedia untuk melaksanakan anjakan yang lebih berkesan untuk memastikan rakyat khusus mereka yang disasarkan oleh pindaan rang undang-undang ini dapat menikmati keadilan sosial dan ekonomi.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong pindaan rang undang-undang yang berkenaan. Terima kasih, *assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Yusop yang telah menyampaikan dengan baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Silakan.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Saya bangun dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bangun dulu.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Ya, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, sila, sila.

**5.45 ptg.**

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ini *precedence* Tuan Yang di-Pertua kata tadi siapa bangun dulu. Saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk berbahas sedikit Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 ini.

Kita sedar secara ringkasnya akta ini telah pun digubal untuk mengambil kira pelbagai *stakeholders*, dengan izin. Bukan hanya di sudut pengguna semata-mata, semua rantaian

nilai. Rantainya nilai ini terlibat daripada bank, contohnya pemaju, pengilang, pemborong, pengedar, peruncit dan juga sudah tentulah kepada pengguna.

Kalau dari sudut pengguna ini contoh dari segi fasal 20 Bahagian VII, menaikkan kelayakan untuk membuat petisyen kebangkrutan daripada RM50 ribu, ke RM100 ribu itu pengguna rasa gembiralah. Cumanya ada *time frame*. Bila *time frame* itu contoh macam *repossession* di Bahagian VIII pengambil balik semula barang yang kemungkiran bayaran tetapi ia hanya terhad antara 1 April sampai 31 September. Itu adalah *time frame*, kekangan yang pengguna tidak berapa seronok dengarlah.

Akan tetapi undang-undang ini juga mengambil kira bukan hanya pengguna tetapi juga kepada pembekal dan sebagainya. Akta ini memanglah ia *supersede* mengatasi segala pelbagai akta lain sebab mengambil kira realiti semasa, kita perlukan satu akta yang *abnormal* yang bukan normal kerana suasana kita di bawah norma baharu yang memaksa kita menggubal sesuatu yang mengambil kira semua orang-orang yang berkepentingan.

Saya melihat fasal 1(2), menyentuh tentang tarikh kuat kuasa. Di sebut di sini setelah di kuat kuasa, diwartakan dia boleh sah sampai dua tahun daripada tarikh penyiaran. Kemudian fasal 3(3) pula menyebut Menteri boleh menggunakan warta untuk melanjutkan lagi kuat kuasa ini. Jadi ini merupakan satu fleksibiliti, keanjalan yang boleh memberi faedah kepada semua pihak seperti mana yang kita sebut dalam rang undang-undang semalam berkaitan juga pakej-pakej bantuan kepada rakyat dalam akta yang berlainan tetapi konsepnya adalah sama.

Jadi, cuma soalnya adalah kepada Menteri, punca kuasa. Punca kuasa ini Menteri mana yang boleh mewartakan *extension* ini atau memanjangkan tempoh masa ini. Adakah Menteri yang membentangkan ataupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang membentangkan akta hari ini ataupun Menteri-menteri yang lain contohnya melibatkan perumahan ataupun Menteri KPDNKK dan sebagainya? Jadi punca kuasa itu, siapa yang hendak memanjangkan akta tersebut?

Jadi secara ringkas saya menyokong penuh usaha ini. Kita mendoakan supaya langkah-langkah ini akan dapat menyelesaikan kemelut yang sedang kita hadapi. Kita doakan semoga semua pihak yang terlibat akan mendapat rahmat. Sekian, terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman bin Aziz. Sekarang dijemput pula siapa lagi? Ya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani.

**5.49 ptg.**

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk perbahasan Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada lima isu tetapi sudah diambil tiga sudah. Jadi saya akan cuma bercakap dalam dua isu sahaja. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita tahu penularan jangkitan kes COVID-19 ini untuk- kalau kita tengok peringkat dunia sudah lebih daripada 20 juta yang mana angka kematian hampir mencecah satu juta.

**■1750**

Manakala di Malaysia angka kes lebih daripada 10 ribu, dan kematian *insya-Allah* dalam 130 ribu. Jadi tahniahlah saya ucapkan... *[Disampuk]* 130 orang. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Perikatan Nasional kerana telah berjaya membentangkan RUU ini. Pada saya RUU ini adalah amat penting lebih-lebih lagi dalam usaha kita hendak *keep* Perintah Kawalan Pergerakan dan juga tempoh moratorium ini yang akan tamat tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menyentuh berkenaan dengan pengurusan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang mana berperanan membantu individu menguruskan kewangan dan hutang. Jika dilihat daripada senarai dan lokasi pejabat AKPK ini, ia tidak meluas di seluruh negara dan tidak mudah untuk dicari terutamanya di luar bandar. Kekurangan pejabat ini saya lihat menjadi faktor mengapa rakyat tidak mengetahui tentang kewujudan ataupun fungsi AKPK ataupun mempunyai kesulitan untuk mendapatkan khidmat bantuan pejabat ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, masalah pengurusan kewangan ini tidak hanya berlaku di kawasan bandar. Ia merupakan masalah yang berlaku kepada seluruh penduduk di negara ini baik di bandar mahupun di luar bandar. Jadi saya ingin minta pihak kerajaan melihat sedikit keadaan ini, bagaimana penduduk di luar bandar ini boleh dibantu dengan lebih meluas oleh AKPK. Adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk memperbanyakkan lagi pejabat ini di kawasan-kawasan luar bandar ataupun terdapat inisiatif lain yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian supaya rakyat di kawasan luar bandar yang mempunyai masalah kewangan dapat dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu lagi berkenaan dengan Paras Garis Kemiskinan (PGK) disemak semula dan ditetapkan pada kadar RM2,208. Lebih ramai yang akan jatuh di bawah paras tersebut seperti 'jatuh ditimpa tangga'. Lebih ramai lagi ter cenderung ditolak ke kancan kemiskinan dalam pandemik COVID-19 ini. Daripada aspek kesihatan pula, golongan B40 yang fakir miskin dan yang asnaf akan lebih tertekan untuk menampung kos perubatan mereka dan keluarga mereka. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah



pihak kerajaan berhasrat untuk menambah baik perlindungan skim PeKa B40 dan mySalam yang diperkenalkan oleh kerajaan sebelum ini untuk membantu golongan yang memerlukan dalam tempoh COVID-19 ini. Adakah skim tersebut masih diteruskan oleh pihak Kerajaan Perikatan Nasional?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memandangkan RUU ini adalah satu langkah yang baik ke arah untuk menangani masalah rakyat, saya mohon menyokong. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan yang tadi Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz sudah bercakap ya.

Sekarang, sila iaitu kita jemput pula tadi Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Silakan.

#### 5.54 ptg.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Auzubillah himinash shaiyton-nir-rojeem. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya rasa saya terus kepada poin perbincangan berkaitan dengan RUU memandangkan saya tengok di luar ini, matahari pun tidak berapa hendak nampak sudah bukan. Jadi sebelum orang marah kepada saya, saya habiskan cepat-cepat perbahasan berkaitan dengan RUU ini. Jadi saya rasa ada empat perkara yang saya hendak sentuh di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Pertamanya berkaitan dengan caj bayaran lewat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, siapa hendak marah? *[Ketawa]*

**Puan Asmak binti Husin:** Ini belakang ini *[Ketawa]* Itulah. Jadi kalau tengok kepada muka surat 21, mungkin saya ini kurang faham sebab saya bukan pengamal undang-undang seperti kawan-kawan yang lain ya. Saya ingin panjangkan soalan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat 'Tok Abah' tadi berkaitan dengan pengecualian iaitu pada 37(2) muka surat 21 itu mengenai caj pembayaran lewat. Adakah di sini bermaksud, sesiapa yang telah membayar caj tersebut dan dia tidak boleh tuntutan lagi bayaran sebab di sini ada pengecualian. Mungkin saya mohon penjelasanlah.

Keduanya saya ingin membangkitkan tentang kes betul yang berlaku. Biasanya saya bawa aduan orang lain tetapi kali ini saya bawa aduan daripada suami saya sendiri lah. Dari pagi lagi dia kata kena bawa aduan dia.

Begini, sebelum berlaku PKP, dalam beberapa hari sebelum PKP, suami saya ini dia hendak buat *surprise* kepada saya, kejutanlah. Dia pun konon-konon pergilah beli rumah lelong tetapi sebelum PKP, tetapi *surprise* sungguh sebab selepas itu terus PKP. Bila PKP, kita beli rumah lelong ini dia kena ada komitmen iaitu beberapa hari kalau tidak, kena caj pembayaran lewat.

Apabila berlaku PKP, semua bank tutup, pejabat *lawyer* juga tutup. Suami saya hanya boleh menghubungi *lawyer* dia sendiri tetapi *lawyer* bank tutup, pejabat tutup, fail pun duduk dalam pejabat, akhirnya kena minta daripada kawan-kawan *lawyer* yang lain untuk cari *lawyer* bank RHB. Ini kes RHB ya- duduk di mana. Kemudiannya, berlangsung lah begitu dan apabila jumpa *lawyer* itu sudah makan masa dah sebab PKP sedang berlangsung. Kemudiannya pejabat tanah ini- sebab ia berkaitan dengan Pejabat Tanah, hanya dibuka pada 6 Mei 2020. Sebelum itu pejabat tanah, bank, semua tidak boleh hendak proses. Bermula daripada 13 Mei, sudah kena caj dan cajnya oleh kerana tertahan akibat PKP, di caj sebanyak RM8,000 atas kepala satu oranglah maknanya.

Jadi saya tengok, bila kita hendak bernegosiasi, saya kata ini bukan disebabkan oleh kita lambat, kita telah berusaha, bank juga dia tidak berusaha untuk kontak *lawyer* dia sendiri tetapi pelanggan yang kena kontak. Akan tetapi akhirnya, bank kata ikut, ikut mana pun, pelanggan juga yang kena bayar. Jadi dalam kes ini, saya mohonlah penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri, adakah kes lelong ini termasuk dalam RUU ini? Itu saya mungkin tidak faham sebab saya *check* tadi, kalau kes lelong dia berkaitan dengan Enakmen Lelong dan juga Akta Tanah.

Jadi mohon penjelasan. Kalau kata tidak termasuk, macam mana kerajaan hendak buat? Ini disebabkan saya *check* bukan suami saya seorang macam ini tetapi ramai yang terlibat sebegini. Jadi kalau seorang RM8,000, kalau 100 orang, sedap juga buat duit ya. Musim-musim PKP ibarat kata macam itulah.

Okey, seterusnya. Kedua, saya hendak bangkitkan juga berkaitan dengan status dan kedudukan pekerja kontrak dalam musim PKP ini. Saya merujuk kepada isu yang diangkat oleh *National Union of Flight Attendants Malaysia* (NUFAM), di mana saya nampak ada dua isulah pekerja kontrak. Pertama, pekerja kontrak yang diberhentikan ini, dia tidak layak dapat pampasan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) kerana dia tidak dianggap hilang kerja, *the loss of employment* berdasarkan undang-undang iaitu Akta Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Jadi bila dirujuk kepada PERKESO, PERKESO kata memang tidak dapat hendak bagi sebab tidak ada dalam akta dan apa yang boleh PERKESO buat adalah memberi bantuan perkhidmatan pekerjaan. Akan tetapi setakat mana, *wallahualam bissawwab*.

Jadi dalam kes sebegini, bagaimana kita, kerajaan hendak membantu pekerja kontrak. Sedangkan kalau tengok pada masa sekarang terutama kita tengok tahun 2017, tahun 2018,

kita sudah *start* mula gawat sebenarnya. Kebetulan tahun 2020 ini masuk kepada musim PKP. Jadi kita ada ramai pekerja kontrak macam doktor juga ada doktor kontrak. Jadi kalau berlaku begini, macam mana kita hendak tolong pekerja-pekerja kontrak ini?

Kedua, saya dapati, syarikat Malindo dalam kes ini, ia telah membuat penstrukturan semula staf kontrak. Kita faham staf kontrak ini dia berbeza dengan staf kita kata *part time*, secara sambilan. Dia ada menikmati beberapa insentif tetapi selepas penstrukturan semula, staf kontrak ini dia dibayar gaji harian, selepas itu gaji kasar RM1,200, elaun COLA tidak ada, *overtime* tidak ada, produktiviti tidak ada, elaun syif tidak ada, *medical staff* kena tarik dan kalau hendak bayar insurans *Great Eastern* secara pilihan, EPF dan SOCSO dipotong.

Akan tetapi kalau diberhentikan tidak dapat. Itu mungkin saya tidak faham. Mungkin perlu penjelasan lah daripada Timbalan Menteri. Selepas itu tiada *annual leave*. Kalau hendak cuti, dia dikira *unpaid leave* terus. Jadi kalau dalam kes penstrukturan semula staf kontrak ini, bagaimana kita hendak bantu kes-kes seperti ini?

#### ■1800

Jadi itu saya rasa dua kes yang agak besar yang saya bangkitkan. Akhir sekali saya mohon, ingin bertanya juga bagaimana rang undang-undang ini akan diadvokasikan di peringkat masyarakat bawah dan pengguna terutamanya yang terlibat dengan ini. Oleh sebab kalau saya sendiri ini pun, sebab saya bukan *lawyer*, baca pun saya tidak faham. Saya pun tidak tahu hendak ambil dekat mana saya punya hak.

Jadi, mungkin bagi rakyat biasa, bagaimana advokasi kita hendak buat? Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sekian sahaja. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Baik.

**Dr. Nuing Jeluing:** Tuan Yang di-Pertua... [*Mengangkat tangan*] Sini [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

#### 6.00 ptg.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang berbahas rang undang-undang ini. Akta ini mengandungi 19 bahagian, dan 59 fasal, yang mengubahsuai peruntukan di bawah 16 akta tertentu dan mengatasi atau *prevail* mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain yang bertentangan atau tidak konsisten dengan rang undang-undang ini dalam tempoh kuat kuasa yang ditetapkan seperti di dalam Fasal 3 rang undang-undang ini.

Rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan ke belakang atau *retrospective* yang biasanya tidak dibuat sedemikian. Berdasarkan tempoh kuat kuasa bahagian-bahagian dalam

rang undang-undang ini, misalnya Bahagian II, ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi kontraktual dalam fasal 5, berkuat kuasa dari 8 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.

Saya berpendapat, pada pokoknya matlamat akta ini adalah baik kerana ini bertujuan untuk membantu golongan mereka yang terjejas akibat daripada PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 terutamanya mereka yang tidak dapat melaksanakan obligasi kontraktual mereka.

Kerajaan hari ini bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa negara dan rakyat dilindungi dari akibat PKP. Justeru itu, beberapa akta dan undang-undang perlu diubahsuai untuk memastikan semua rakyat seperti peniaga-peniaga, syarikat-syarikat dan individu-individu mendapatkan perlindungan dan keadilan yang sewajarnya.

Rang undang-undang yang diwujudkan ini adalah amat penting sekali memandangkan tempoh PKP yang kita lalui bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu serta tempoh moratorium yang akan tamat pada bulan September ini yang telah menyebabkan berlakunya percanggahan dalam beberapa akta yang sedia ada. Saya amat berharap agar dengan terwartanya rang undang-undang ini kelak, ia akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di kalangan rakyat dan akan membuat kita semua bersedia jika pandemik COVID-19 ini berpanjangan.

Saya ingin sahaja menyentuh Fasal 30 yang menyebut bahawa, harta penyewa tidak boleh ditahan sekiranya penyewa gagal membayar sewa dalam tempoh 18 Mac 2020 sehingga 13 Ogos 2020. Mengikut cadangan peruntukan fasal ini, seorang tuan punya harta tidak boleh memohon untuk *risk of distress*, dengan izin, untuk tunggakan bayaran sewa yang berlaku daripada 18 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020 sehingga tamat tarikh kuasa bahagian ini pada 31 Disember 2020. Langkah ini dapat memberi sedikit kemudahan kepada pihak penyewa yang hilang pendapatan sewaktu tempoh PKP dijalankan. Akan tetapi, bagaimana pula dengan nasib tuan punya harta? Bagaimana mereka boleh dibantu oleh kerajaan? Oleh sebab bukan semua pemilik harta yang menyewakan harta mereka dari kalangan yang senang.

Ada yang bergantung kepada hasil dari rumah sewa untuk menyara kehidupan. Mungkin juga tuan punya milik harta perlu membayar pinjaman dari bank setiap bulan walaupun moratorium sedia ada sehingga September ini. Di situasi begini, pemilik harta pun jadi mangsa, bukan hanya penyewa yang hilang pendapatan akibat PKP. Saya ingin bertanya, apakah kaedah yang diguna pakai bagi memastikan dengan adanya akta ini, tidak akan ada mana-mana pihak yang tertindas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tarikh pembentangan akta ini, saya pun rasa ada terlambat sedikit. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, contohnya Singapura meluluskan akta yang bertajuk *COVID-19 (Temporary Measures) Act 2020*, dengan izin, di Parlimen pada 7 April 2020 dan diwartakan dua hari kemudian, *two days later*

on the 9th April 2020. Australia juga meluluskan akta serupa pada 25 Mac 2020. Kita hari ini sudah masuk hujung bulan September dan rang undang-undang ini akan diguna pakai sehingga Disember tahun ini.

Ada kemungkinan mereka di luar sana akan mengambil kesempatan di atas kecualian-kecualian yang disenaraikan untuk mengambil tindakan sekarang. Oleh sebab itu, saya rasa rang undang-undang ini sepatutnya dibentangkan lebih awal lagi. Akan tetapi, 'biar lambat, asal ada' atau '*better late, than never*' dengan izin. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing dan sekarang lagi siapa? Sila.

#### 6.07 ptg.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya untuk ucapkan ribuan terima kasih di atas peluang untuk mengambil bahagian di dalam sesi perbahasan bagi Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan di atas membentangkan rang undang-undang ini yang bertujuan untuk membendung kesan dan impak negatif ke atas masyarakat secara keseluruhan akibat daripada wabak COVID-19 yang melanda negara kita.

Namun demikian, pembentangan rang undang-undang ini yang telah dikemukakan kepada Dewan Rakyat pada 12 Ogos 2020 untuk bacaan pertama boleh dianggap terlalu lewat untuk membentuk perlindungan dan membendung kesan dan impak negatif khususnya dari segi kewangan dan ekonomi kepada golongan yang paling terkesan akibat wabak COVID-19 ini.

Saya ingin mengambil contoh dari negara jiran, seperti Yang Berhormat sudah bangkitkan iaitu negara Singapura yang telah melaksanakan kawalan pergerakan mereka pada 7 April 2020 iaitu hari yang sama kerajaan Singapura meluluskan rang undang-undang COVID-19 sebagai langkah perlindungan kepada masyarakat seperti mana rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini juga. Sepatutnya rang undang-undang ini dibentangkan dengan lebih awal di sidang Parlimen yang diadakan pada 18 Mei 2020 agar tempoh masa penggubalan perundangan ini dapat disingkatkan, agar bantuan dapat disalurkan dengan kadar segera kepada rakyat dan golongan yang paling terkesan di negara kita.

Meskipun terdapat kekhuatiran bahawa rang undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional mungkin tidak mendapat sokongan majoriti di Dewan yang

mulia, namun saya yakin sekiranya rang undang-undang ini benar-benar mengambil kira faktor secara keseluruhan dan memberikan bantuan sebenar kepada rakyat, ia akan turut dipersetujui dan disokong oleh Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tempoh masa yang diperlukan untuk proses pengubalan perundangan yang sedia ada, kelewatan pembentangan mungkin akan menyebabkan peningkatan tindakan dan kes mahkamah yang berkenaan sebelum rang undang-undang ini diluluskan dan seterusnya diwartakan.

#### ■1810

Sebagai contoh, sekiranya sesebuah perjanjian sewaan unit komersial yang ditamatkan pemilik premis pada bulan Jun tahun ini akibat daripada kegagalan pembayaran oleh penyewa unit komersial, rang undang-undang yang dibentangkan ini tidak dapat memberikan sebarang perlindungan yang sewajarnya terhadap kes-kes tersebut.

Merujuk kepada seksyen 10 rang undang-undang yang dibentangkan tersebut, ingin saya mendapatkan jawapan daripada Menteri yang bertanggungjawab sama ada kelewatan pembentangan rang undang-undang ini telah mengundang kepada peningkatan kes atau tindakan mahkamah yang berkenaan sebelum rang undang-undang ini dapat diluluskan. Saya memohon satu jawapan dapat diberikan pada sesi penggulungan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, penyewa unit kediaman merupakan salah satu daripada golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini. Meskipun moratorium pembayaran ansuran rumah kediaman telah ditawarkan oleh sektor perbankan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, namun hakikat ini tidak mendorong kepada pemilik unit kediaman untuk menawarkan sebarang insentif atau pengurangan kadar sewa kepada penyewa-penyewa mereka.

Selain daripada risiko kehilangan pendapatan yang perlu ditangani oleh para penyewa unit kediaman, golongan ini juga berdepan dengan kemungkinan kehilangan tempat berteduh susulan kegagalan membayar sewa. Maka, saranan *stay at home*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin tidak terpakai ke atas golongan ini di mana mereka berhadapan dengan risiko kehilangan tempat berteduh atau *shelter*, dengan izin.

Merujuk kepada jadual seksyen 7 yang menyenaraikan kategori kontrak yang terlibat di dalam rang undang-undang ini, ia hanya merangkumi pajakan atau sewaan harta tak alih bukan kediaman di perkara 4 sahaja. Jadual ini tidak merangkumi pajakan atau sewaan harta tak alih yang merupakan premis kediaman sebagai tempat berteduh kepada mereka yang tidak mampu memiliki rumah kediaman.

Sehubungan dengan ini, saya berharap Menteri yang bertanggungjawab dapat melihat kepada perkara tersebut untuk memastikan mereka yang terpaksa menyewa unit kediaman ini turut dilindungi daripada kesan dan impak negatif akibat wabak COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan rang undang-undang ini juga akan mempunyai impak terhadap rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak seperti mana yang termaktub di dalam seksyen 2, serta seksyen 13, dan 14, ke atas Ordinan Had Masa Sabah, dan seksyen 15 dan 16, ke atas Ordinan Had Masa Sarawak. Umum mengetahui bahawa rakan-rakan kita dari Sabah dan Sarawak mempunyai autonomi tersendiri. Maka ingin saya mendapatkan jawapan sama ada apabila rang undang-undang ini telah diluluskan, adakah ia perlu diangkat ke peringkat Dewan Undangan Negeri Sabah dan Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk proses ratifikasi agar rang undang-undang yang dibentangkan tersebut mempunyai kuasa perlindungan yang sama kepada rakan-rakan kita dari Sabah dan Sarawak?

Selain itu, kita juga sedia maklum bahawa Dewan Undangan Negeri Sabah terpaksa dibubarkan angkara percubaan oleh pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Sabah yang dipilih secara sah melalui cara pintu belakang. Justeru, kini rakan-rakan kita dari Sabah terpaksa berhadapan dengan pilihan raya negeri yang bakal berlangsung pada 26 September 2020 untuk memilih semula Kerajaan Negeri Sabah yang benar-benar dapat mewakili kepentingan rakyat Sabah.

Sekiranya rang undang-undang ini yang diluluskan perlu diangkat ke peringkat Dewan Undangan Negeri Sabah, ia hanya dapat dilakukan selepas Pilihan Raya Negeri Sabah. Ingin saya mendapatkan jawapan, sama ada proses yang terpaksa dilewatkan ini akan memberikan impak kepada rakan-rakan kita di Sabah atau tidak?

Saya berharap agar isu-isu yang dibangkitkan tersebut dapat diteliti oleh pihak Menteri berkenaan dengan rang undang-undang ini. Peranan kita sebagai penggubal dasar di negara ini adalah untuk memastikan kepentingan dan hak rakyat dapat dibela dengan penyampaian sistem perundangan yang tepat pada masa dan memberikan manfaat yang sewajarnya kepada rakyat khususnya apabila negara kita berhadapan dengan krisis seperti wabak COVID-19 ini. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Terima kasih ya. Sekarang saya jemput- siapa lagi yang belum lagi?

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama, sila.

**6.15 ptg.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum*.

Saya tiada masalah untuk menyokong Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.

Saya ingin membangkitkan fasal 5, permulaan kuat kuasa bahagian ini. Saya ingin mencadangkan supaya ia berkuat kuasa terus sehingga 31 Disember 2022 oleh sebab ia selari dengan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019). Kerana ini merupakan langkah-langkah kebajikan oleh kerajaan bagi membantu rakyat kita meringankan beban kewangan mereka yang sedang mereka hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya juga ingin merayu kepada kerajaan khususnya kepada suruhanjaya tanah dan galian supaya tidak mengeluarkan sebarang notis mengarahkan rakyat kita yang menumpang di tanah-tanah tersebut supaya keluar dan mencari lokasi lain untuk berniaga khususnya. Oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita sedar waktu ini untuk mendapatkan pendapatan merupakan perkara yang sukar. Jadi, kita tidak mahu kerajaan menambah kesukaran mereka dalam usaha mencari pendapatan.

Maka dengan itu, saya ingin merayu sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada ketua pesuruhjaya tanah dan galian supaya tidak mengeluarkan sebarang notis mengeluarkan warga kita yang menumpang di tanah-tanah Persekutuan khususnya untuk membuat perniagaan.

Saya ingat itu dua perkara sahaja yang saya ingin bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua. Selainnya saya menyokong supaya rang undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Laksamana Pertama. Sekarang ada sesiapa lagi?

**6.17 ptg.**

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan rang undang-undang ini dinyatakan bahawa sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan sebagai tambahan peruntukan kepada Kementerian Kesihatan bagi menguruskan perbelanjaan berkaitan COVID-19. Antara perbelanjaan yang terlibat adalah pembelian PPE, *reagent consumable*, dan *test kit*, perkhidmatan penghantaran sampel, perolehan aset untuk ujian virus isolasi dan PCR, perolehan *thermal scanner* serta penggajian lebih 2,000 kakitangan kontrak tambahan.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]



Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tempoh hari ada negara yang memulakan mengeluarkan kenyataan bahawa mereka hampir berjaya menghasilkan vaksin COVID-19, bagaimana pula kesediaan pihak kerajaan terutamanya dari segi kewangan? Ini kerana saya tidak melihat atau mendengar kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang sebagai persediaan jika benar vaksin ini berjaya dihasilkan. Pasti vaksin ini tidak dapat diperoleh dengan harga yang murah dan akan melibatkan kos yang amat tinggi.

Ketiga, saya mengambil kira-kira mudah jika kerajaan hendak memberikan vaksin ini secara percuma kepada 32 juta rakyat Malaysia. Jika kos satu suntikan vaksin ini kita anggarkan bernilai RM300 sahaja, ia akan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM9.6 bilion.

#### ■1820

Itu saya anggarkan nilai vaksin tersebut hanya bernilai RM300 satu suntikan. Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan pandemik ini yang melanda seluruh dunia pastinya permintaan terhadap vaksin ini kelas sangat tinggi. Mana-mana negara yang menawarkan harga tertinggi yang mempunyai berhubung baik dengan negara yang berkenaan, pasti akan memberi kelebihan. Oleh itu saya merasakan kerajaan perlu memperuntukkan sejumlah wang sebagai persediaan untuk membeli vaksin dalam tempoh ini.

Baru-baru ini juga Rusia telah mengumumkan bahawa mereka telah berjaya menghasilkan vaksin COVID-19 yang dinamakan sebagai Sputnik V. Sejurus Rusia mengumumkan penemuan tersebut, mereka telah menerima tempahan vaksin daripada 20 buah negara yang melibatkan satu juta dos penghasilan vaksin baharu bagi memenuhi permintaan tersebut. Jadi kita perlu tahu sama ada kerajaan mempunyai rancangan atau tidak untuk memberi sedikit vaksin tersebut bagi tujuan uji kaji sama ada ia benar-benar selamat, berkesan ataupun tidak.

Kita juga perlu tahu sama ada kerajaan mempunyai peruntukan dana khas bagi tujuan penyelidikan dan kajian ke atas vaksin-vaksin yang baru ditemui ataupun tidak. Adakah Malaysia terbuka untuk menerima vaksin yang dihasilkan oleh Rusia atau Malaysia mengekalkan prinsip untuk menunggu vaksin yang akan diluluskan oleh *World Health Organization* (WHO), dengan izin. Tuan Yang di-Pertua sekiranya dalam tempoh dua tahun ini, vaksin bagi mengubati COVID-19 dijumpai adakah kedudukan kewangan kerajaan mencukupi untuk membekalkan vaksin kepada seluruh rakyat Malaysia.

Apakah pelan kewangan kerajaan bagi mendapatkan dana untuk tujuan tersebut? Selain itu, kerajaan juga perlu memikirkan perancangan kewangan negara yang khusus dalam tempoh dua tahun pandemik ini kerana akan wujudnya pelbagai perbelanjaan baharu bagi memastikan ekonomi negara kita akan terus *sustainable*. Contohnya, RM11.2 bilion dana

yang diperuntukkan untuk bantuan PRIHATIN nasional sekiranya ditakdirkan pandemik ini berterusan untuk tempoh dua tahun atau lebih lama lagi.

Adakah kerajaan bersedia untuk memperuntukkan sejumlah wang bagi untuk BPN 2.0. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya minta Menteri Kewangan untuk menyatakan rancangan kewangan kerajaan bagi tempoh dua tahun akan datang sekiranya pandemik COVID-19 ini masih lagi berterusan. Adakah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) akan ditangguhkan dahulu sehingga pandemik ini berakhir bagi memberi laluan kepada dana-dana kontingensi yang diperlukan bagi mengubati wabak ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin minta Menteri Kewangan untuk menerangkan kepada Dewan tentang kedudukan ekonomi negara pada masa ini.

Adakah hasil negara pada masa ini dilihat dapat menampung perbelanjaan kontingensi yang mana wujud pada tempoh pandemik ini? Bagaimana dengan prestasi kutipan SST setakat suku ketiga tahun 2020? Adakah kutipan SST pada ketika ini pada kadar yang baik dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan hasil SST ini?

Tuan Yang di-Pertua, ketika saya percaya pihak Kementerian Kewangan sedang sibuk mengadakan sesi konsultasi bagi merangka isi kandungan Belanjawan 2021.

Dengan kelembapan ekonomi pada ketika ini, dan ditambah pula jangkaan kekurangan hasil negara adakah terdapat sebarang kemungkinan akan ada cukai baharu yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2021 nanti bagi meningkatkan keupayaan perbelanjaan negara.

Yang terakhir sekali, saya memohon mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat diwujudkan satu portal awam khusus bagi tujuan penyemakan status COVID-19. Buat masa ini, saya lihat apa yang dapat diakses oleh rakyat hanyalah status COVID-19 di peringkat daerah sahaja.

Contohnya, kita lihat pada masa ini di Sabah daerah Tawau dan Lahad Datu menunjukkan peningkatan kes yang amat tinggi. Akan tetapi yang menjadi masalah kepada rakyat adalah apabila kerajaan tidak menyenaraikan lokaliti mana yang menyumbang kepada peningkatan kes tersebut, Tawau dan Lahad Datu adalah daerah yang sangat besar. Jadi menjadi keperluan mendesak untuk rakyat Tawau sehingga ke tahap penyebaran lokaliti.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mencadangkan agar diwujudkan satu portal awam bagi memudahkan rakyat mengakses kawasan lokaliti mana yang terlibat dengan peningkatan jumlah kes COVID-19 ini. Saya faham bahawa senarai pesakit yang dijangkit wabak ini adalah *private and confidential*, dengan izin.

Akan tetapi, lokaliti yang terlibat tidak sepatutnya di rahsiakan. Kerajaan sepatutnya menguar-uarkan tentang lokaliti yang mana terlibat dengan peningkatan kes ini, supaya rakyat dapat membuat langkah berjaga-jaga untuk tidak memasuki kawasan lokaliti tersebut. Tuan

Yang di-Pertua, saya percaya portal awam ini adalah satu keperluan yang sangat perlu pada ketika ini. Memandangkan tempoh wabak ini menandakan negara dijangka masih lama jadi perlunya portal awam seperti ini bagi memudahkan rakyat mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak menghampiri sesuatu kawasan berisiko untuk mengelak penularan yang lebih teruk.

Jadi saya mencadangkan kerajaan boleh menggunakan peta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai contoh untuk terus menunjukkan bilangan kes yang terlibat dalam setiap lokaliti. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri boleh bersedia untuk menggulung. Saya tanya Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili ada? Tiada. Yang Berhormat Menteri.

**6.27 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 pada hari ini.

Sesungguhnya penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat amat penting dalam membela nasib rakyat yang terkesan akibat daripada penularan wabak Koronavirus ini. Sebagaimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa, di bawah KPDNHEP akta ini mengandungi dua bahagian sahaja iaitu Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212] dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599].

Suka saya ingin tegaskan di sini bahawa kedua-dua akta ini adalah berkait rapat dengan kepentingan pengguna yang menyentuh kepada isu-isu larangan penggunaan hak untuk mengambil semula milikan barangan bagi sebarang kemungkinan bayaran ansuran.

Selain itu, ia juga menyentuh larangan kepada pemberi kemudahan kredit untuk memulakan prosiding undang-undang bagi mendapatkan balik amaun yang telah dijelaskan ataupun yang belum dijelaskan oleh pengguna di bawah perjanjian jualan kredit itu. Akhir sekali rang undang-undang ini juga melibatkan perlanjutan tempoh had masa pengguna untuk memfailkan tuntutan di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam perbahasan tadi saya cuma dapat mendengar satu sahaja persoalan yang berkaitan dengan KPDNHEP iaitu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Terima kasih Yang Berhormat, yang ingin mengetahui berkenaan jumlah mangsa yang terkesan dalam perjanjian sewa beli.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, sehingga hari ini pihak kementerian tidak mempunyai data yang khusus mengenai jumlah mangsa yang terkesan dalam perjanjian sewa-beli.

#### ■1830

Malah aduan-aduan khusus yang melibatkan aktiviti penarikan kenderaan juga tiada dalam rekod kita. Ini juga adalah rentetan daripada kesan moratorium yang ditawarkan oleh agensi perbankan bermula dari 1 April sehingga 30 September yang lalu. Kita juga telah mengadakan beberapa siri libat urus bersama dengan syarikat pemberi kredit yang dijalankan sepanjang tempoh PKP ini.

*Alhamdulillah*, ia disambut dengan baik dan secara positif oleh pihak-pihak yang terlibat. Berdasarkan maklum balas lisan dalam sesi perbincangan kementerian, difahamkan bahawa kita mempunyai atau beruntung kerana pihak perbankan telah menawarkan moratorium selama enam bulan, daripada April hingga September dan syarikat-syarikat pemberi kredit juga telah menawarkan moratorium secara berperingkat-peringkat.

Jadi, kita berterima kasih dan terhutang budi kepada pihak bank dan juga syarikat-syarikat pemberi kredit yang memahami masalah yang sedang dialami oleh negara dan dunia. Kata orang, 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing', 'hati gajah sama dilapah hati, kuman sama dicicah'. Sekian Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Di kalangan Menteri lain yang hendak menjawab, silakan.

#### 6.31 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu. Pertama yang berhubung kait dengan Kementerian Sumber Manusia adalah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad yang ingin tahu berapa banyak yang tidak menerima bayaran Program Subsidi Upah yang disalurkan oleh PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 16 September 2020 PERKESO telah menerima sebanyak 331,315 permohonan di bawah Program Subsidi Upah daripada majikan melibatkan seramai 2,720,100 orang pekerja dan bayaran berjumlah RM10.36 juta. Bagi pertanyaan

mereka yang masih belum menerima bayaran, kementerian ini akan mengemukakan maklum balas secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Apakah status pekerja kontrak yang diberhentikan dan tidak layak di bawah faedah-faedah SIP dan bagaimana kementerian membantu pekerja kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua jenis kontrak perkhidmatan di antara majikan dan pekerja iaitu *Contract for Service*, dan *Contract of Service*, dengan izin. Sekiranya mana-mana pekerja yang digajikan oleh majikan di bawah *Contract of Service* dan tertakluk di bawah Akta Kerja 1955 iaitu bergaji RM2,000 sebulan dan ke bawah atau pekerja manual tanpa had gaji maka pekerja ini dilindungi di bawah akta tersebut. Sekiranya berlaku kemungkiran kontrak perkhidmatan, maka pekerja boleh membuat tuntutan di Jabatan Tenaga Kerja.

Bagi pekerja yang merasakan mereka diberhentikan secara tidak adil atau tidak munasabah, mereka boleh memfailkan pemulihan kerja- *reinstatement* dalam masa tempoh 60 hari dari tarikh diberhentikan di Jabatan Perhubungan Perusahaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

### 6.33 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**  
**[Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan. Saya jangka lebih kurang enam atau tujuh orang, dan saya akan menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan perundangan terlebih dahulu.

Untuk tujuan tersebut yang pertama sekali saya tidak mengikut *sequences*, tetapi yang mana sempat saya jawab dahululah. Kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying sama ada rang undang-undang ini juga akan terpakai kepada Sabah dan Sarawak. Rang undang-undang ini ialah undang-undang Persekutuan yang akan terpakai kepada seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Jadi, rang undang-undang ini adalah undang-undang Persekutuan, oleh itu rang undang-undang ini tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah, Sarawak untuk kelulusan. Terima kasih.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen membangkitkan tentang persiapan kewangan COVID-19, vaksin dan juga portal bagi menguar-uarkan berkaitan jangkitan COVID-19. Persoalan Yang Berhormat Senator adalah di bawah bidang kuasa MOF dan juga MOH, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan. Jadi, perkara ini tidak disentuh di dalam RUU ini. Akan tetapi, cadangan-cadangan tersebut akan kita sampaikan kepada kementerian yang berkenaan.

Bagi Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz yang bertanyakan tentang punca kuasa untuk mewujudkan RUU ini. RUU ini berkuat kuasa selama dua tahun dan daripada tarikh penyiaran RUU, kuasa diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa RUU seperti yang dinyatakan dalam fasal 1(3). Namun RUU juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri-menteri berkaitan untuk melanjutkan kuat kuasa bahagian berkaitan mengikut Akta Ibu. Sebagai contohnya, KPDNHEP boleh melanjutkan kuat kuasa Bahagian VIII – Pengubahsuaian Kepada Akta Sewa Beli 1967. Namun begitu, akhirnya ia akan diselaraskan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop berkenaan dengan data lengkap golongan mangsa yang disasarkan mengikut COVID-19. Sebentar tadi juga telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia bahawa kita tidak mempunyai satu data yang lengkap tentang orang-orang yang terkesan. Ini kerana, jumlah yang terkesan itu begitu ramai dan mereka diuruskan mengikut agensi-agensi yang terlibat dengan setiap penyewa ataupun pembeli ataupun peminjam.

Namun begitu, suka saya maklumkan di sini bahawa dalam tempoh COVID-19, tidak ada seorang pun yang dibankrapkan. Maknanya dalam data insolvensi, tidak ada seorang pun yang dibankrapkan dalam tempoh tersebut kerana pada ketika itu semuanya kita istilahkan sebagai '*froze*'. Jadi begitu juga dengan bank-bank, mereka juga tidak mengambil apa-apa tindakan semasa dalam tempoh COVID-19 tersebut. Jadi, kita harapkan keadaan ini dapat meringankan beban dan kesengsaraan yang ditanggung oleh pihak rakyat.

Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop juga telah pun bertanya tentang mediasi dan kecukupan panel di setiap negeri. Kerajaan akan menubuhkan Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19). Jadi, usaha ini telah pun dijalankan oleh kerajaan dan sudah pasti kita akan menubuhkan PMC-19 ini di setiap negeri dan daerah-daerah yang difikirkan bersesuaian dan patut dengan jumlah yang dialami oleh penduduk. Kerajaan akan menyelaraskan permohonan mediasi menentukan pengantara atau mediatornya dan tempat mediasi yang paling hampir dengan lokasi pihak-pihak yang bertikai bagi memastikan proses mediasi dapat berlangsung dengan segera dan mudah diakses oleh semua pihak.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop juga iaitu sejauh manakah keberkesanan peruntukan kecualian yang tidak akan melindungi golongan sasaran. Peruntukan kecualian disediakan untuk bahagian-bahagian berkenaan dalam RUU ini menjelaskan bahawa, mana-mana prosiding, tindakan atau perkara lain yang dikehendaki supaya dilakukan sebelum tarikh penyiaran RUU hendaklah diuruskan seolah-olah akta berkenaan tidak diubahsuai oleh RUU ini. Oleh sebab itu, tarikh 18 Mei itu adalah merupakan- kita katakan tarikh antara sesuatu tindakan itu dibuat ataupun tidak boleh dibuat.

Peruntukan kecuialian ini perlu untuk melindungi hak mana-mana pihak yang berkepentingan. Klausula pengecualian diperlukan demi keadilan kepada orang-orang yang telah mengambil tindakan berdasarkan kepada undang-undang pada masa berkenaan yang wujud sebelum RUU ini dilaksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing yang menyoal, adakah RUU ini terpakai kepada kes-kes berhubung dengan pembelian rumah yang dilelong sebelum RUU ini berkuat kuasa.

■1840

Rang undang-undang ini tidak terpakai kepada kontrak pembelian rumah yang dilelong sebelum kuat kuasa rang undang-undang ini. Maknanya, dia mengikut kepada prosedur sedia ada.

Selain daripada itu Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing dan juga Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying memberikan pendapat dan pandangan bahawa rang undang-undang kita ini agak lewat. Sebenarnya rang undang-undang ini bersifat sebagai pelengkap kepada usaha-usaha kerajaan yang telah diumumkan lebih awal oleh kerajaan iaitu pakej PRIHATIN, PENJANA dan sebagainya. Jadi, pihak kerajaan tidak dapat mengadakan rang undang-undang ini dengan terlalu segera. Namun begitu, kerajaan tidak mengetepikan kepentingan-kepentingan rakyat. Maka dengan sebab itu, banyak dasar yang telah diputuskan sebelum itu seperti yang disebutkan tadi, pakej PRIHATIN, PENJANA dan sebagainya.

Selain itu, sebelum ini kerajaan juga telah membuat pindaan kepada perundangan subsidiari melalui perintah ataupun peraturan- 58 peraturan ataupun perintah telah disediakan dan dipinda di mana 24 peraturan dan perintah tersebut adalah berkaitan sektor ekonomi. Oleh itu seperti yang dijelaskan tadi, usaha kerajaan tidak boleh dilihat hanya dengan melihat rang undang-undang ini sahaja, sebaliknya banyak pindaan perundangan subsidiari yang telah pun dilaksanakan sebelumnya oleh pihak kerajaan.

Soalan juga daripada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, apakah perlindungan kepada tuan punya harta. Meskipun Fasal 30 tidak menyentuh mengenai perlindungan kepada tuan punya harta, namun kerajaan telah mengambil pelbagai langkah Pelan Pemulihan Ekonomi. Antaranya melalui Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN, PENJANA yang menyasarkan individu yang dikenal pasti oleh kerajaan tanpa diskriminasi.

Fasal 30 telah digubal berdasarkan dapatan sesi libat urus yang mendapati penyewa adalah golongan yang lebih terkesan akibat COVID-19. Selanjutnya, tuan punya harta telah beroleh manfaat melalui pelbagai inisiatif kerajaan khususnya melalui moratorium institusi kewangan berkaitan pembayaran pinjaman perumahan selama enam bulan mulai 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.

Jadi, fasal 30 yang memperuntukkan halangan untuk mendapatkan *warrant of distress* iaitu untuk menahan harta bagi tunggakan sewa ini hanya suatu pelepasan sementara bagi tempoh 18 Mac hingga 31 Ogos 2020 sahaja. Tuan punya harta masih boleh mengambil tindakan untuk memfailkan *writ of distress* bermula 1 September 2020.

Soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, caj pembayaran lewat bagi pembelian rumah lelong adakah tertakluk di bawah akta ini. Tadi telah pun saya jelaskan dan ingin saya maklumkan di sini bahawa subseksyen 37(2) tidak meliputi dan tidak terpakai kepada kontrak jualan rumah lelong.

Ini adalah kerana subseksyen ini merujuk kepada obligasi pembeli di bawah perjanjian jual beli di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 sahaja. Perjanjian jual beli ini hanya diguna pakai bagi penjualan unit semasa pembinaan. Jadi, manakala mana-mana penjualan perumahan selepas pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) ataupun *subsale*, adalah tertakluk kepada kontrak jualan di antara pembeli dengan penjual sahaja.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, apakah advokasi yang dilaksanakan di peringkat akar umbi untuk memperkenalkan akta ini. Pelan komunikasi untuk memperkenalkan rang undang-undang ini dilaksanakan oleh anggota pentadbiran dalam hal ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri akan memainkan peranan sebagai jurucakap untuk menyampaikan mesej berkaitan rang undang-undang ini termasuk penubuhan PMC-19 melalui kenyataan akhbar dan disokong oleh anggota-anggota pentadbiran tertinggi kerajaan mewakili kementerian ataupun jabatan atau agensi yang berkenaan. Mesej disasarkan kepada semua lapisan masyarakat khususnya kumpulan B40, M40, sektor perniagaan dan juga industri PKS, NGO, CSO dan pihak-pihak berkepentingan lain.

Kaedah yang akan diguna pakai untuk menyampaikan mesej berkaitan rang undang-undang ini adalah melalui media massa, media cetak dan media sosial. Program-program hebahan umum yang dilaksanakan merangkumi sesi temu bual, dialog, siaran akhbar, *Facebook live*, *coverage*, *crawler* dan sebagainya. Pelan komunikasi ini juga akan turut memfokuskan kepada hebahan mengenai proses mediasi bersubsidi melalui PMC-19. Pelaksanaan pelan komunikasi untuk rang undang-undang ini dan PMC-19 harus dilaksanakan secara berterusan untuk satu tempoh tertentu agar hasrat penggubalan rang undang-undang ini serta pewujudan PMC-19 sampai kepada rakyat untuk dimanfaatkan. Maka, dengan sebab itulah kerajaan memperuntukkan lebih kurang RM20 juta untuk tujuan memperkemaskan proses mediasi kepada rakyat.



Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, mengesyorkan supaya Pesuruhjaya Tanah tidak menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang menduduki tanah kerajaan bagi menjalankan perniagaan.

Notis kepada individu yang menduduki tanah persekutuan bagi menjalankan perniagaan tanpa permit, tindakan adalah dibuat menurut undang-undang. Ini di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Namun begitu, perkara ini akan dibawa untuk pertimbangan kepada kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah banyak perkara yang telah pun disentuh sebentar tadi dan saya memaklumkan di sini, sekiranya ada perkara-perkara yang belum disentuh ataupun tidak dapat dijawab pada ketika ini, perkara-perkara ini akan dirakamkan dan dijawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi Yang Berhormat Menteri yang ingin menyulam atau menambah kepada jawapan?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 59** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Rosol bin Wahid) dan diluluskan]*

■1850

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG INSOLVENSII (PINDAAN) 2020****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.52 ptg.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**

**[Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) merupakan jabatan yang bertanggungjawab sebagai penerima, pengurus, pentadbir dan pemegang amanah bagi harta yang dimiliki oleh bankrap dalam kes kebangkrutan individu di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

Semenjak Akta 360 diluluskan dan disiarkan di dalam Warta Persekutuan pada 30 September 1967, seksyen 5 Akta 360 telah dipinda sebanyak empat kali dan pindaan yang terakhir adalah pada tahun 2017.

Seksyen 5 adalah berkaitan had minimum kebangkrutan atau nilai ambang hutang minimum untuk kebangkrutan. Pindaan meningkatkan nilai minimum kebangkrutan adalah seperti berikut:

- (i) daripada RM1,000 kepada RM2,000 pada tahun 1976 melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 1976 [Akta A364];
- (ii) daripada RM2,000 kepada RM10 ribu pada tahun 1992 melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 1992 [Akta A827];
- (iii) daripada RM10 ribu kepada RM30 ribu melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 2003 [Akta A1197] berikutan kuasa membeli yang sentiasa menurun dan kos sara hidup yang semakin meningkat; dan
- (iv) daripada RM30 ribu kepada RM50 ribu melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [Akta 1534] memandangkan keadaan ekonomi global yang tidak memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan nilai minimum kebangkrutan ini telah dapat mengelakkan penghutang yang mempunyai hutang sebanyak RM50 ribu daripada menjadi bankrap sekiranya gagal membayar pemiutang. Ini dapat dilihat berdasarkan statistik yang didaftarkan di Mdl bagi tahun 2017, kes kebangkrutan yang didaftarkan adalah sebanyak 18,227 kes.

Selepas pindaan berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017, kes kebangkrutan yang didaftarkan pada tahun 2018 ialah sebanyak 16,482 kes dan kes kebangkrutan yang

didaftarkan pada tahun 2019 ialah sebanyak 12,051 kes dan adalah jelas bahawa dengan peningkatan nilai minima kebangkrapan, terdapat penurunan kes-kes kebangkrapan sebanyak 34 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2017.

Kini, kerajaan sekali lagi membentangkan cadangan pindaan kepada seksyen 5 Akta 360 adalah untuk menaikkan nilai ambang hutang minimum bagi mengemukakan petisyen kebangkrapan daripada RM50 ribu kepada RM100 ribu. Ia menjadikan akta ini akan bersifat lebih responsif dan juga komprehensif terhadap keperluan dan isu-isu semasa berkaitan insolvensi.

Sesungguhnya, cadangan pindaan ini adalah berdasarkan keperluan-keperluan seperti berikut:

- (i) mentransformasikan kerangka perundangan sedia ada kepada perundangan yang lebih relevan dengan keperluan semasa;
- (ii) mengemas kini Akta 360 agar selaras dengan perkembangan dan kemajuan perundangan antarabangsa berkenaan insolvensi, tadbir urus korporat dan amalan terbaik dalam insolvensi; dan
- (iii) mempersiapkan negara bagi menghadapi sebarang wabak pada masa akan datang atau sebarang bencana yang boleh menyebabkan gelombang krisis ekonomi melanda.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Majlis Mesyuarat**]*

Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020 ini akan memberikan kesan-kesan positif seperti berikut:

■1900

- (i) akan memberi peluang kepada individu untuk mengukuhkan ekonomi semasa tanpa kekangan yang timbul daripada tindakan kebangkrapan bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan pembangunan negara;
- (ii) bagi memberi peluang kepada individu dari segi pengurusan kewangan, lebih-lebih lagi setelah berdepan dengan situasi yang tidak dijangka seperti wabak COVID-19 pada tahun 2020;
- (iii) bagi mengelak pertambahan mendadak kes kebangkrapan dalam masa yang singkat; dan
- (iv) akta ini adalah akta yang bersifat lebih responsif dan komprehensif terhadap keperluan dan isu-isu semasa berkaitan insolvensi.

Mekanisme penetapan jumlah keberhutangan bagi Akta 360 ini akan dilaksanakan melalui tiga kaedah seperti berikut. Pertama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahagian Parlimen dan Undang-undang akan berunding dengan Menteri Kewangan untuk meminda nilai ambang hutang minimum yang diperuntukkan dalam perenggan 5(1)(a) Akta 360 bagi suatu tempoh masa yang ditetapkan sekiranya Menteri berpuas hati terdapat hal keadaan khas dan ia tidak berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian.

Kedua, Menteri dalam melaksanakan kuasanya untuk menetapkan nilai hutang minimum bagi maksud pemfailan petisyen kebangkrapan terhadap seseorang hendaklah mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri terlebih dahulu. Hal ini adalah selaras dengan Fasal 3, Perkara 43, Perlembagaan Persekutuan yang menyebut, "*The Cabinet shall be collectively responsible to Parliament*" yang dibaca bersama Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan dan Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bil. 1 Tahun 2008 iaitu Panduan Penyediaan Kertas Jemaah Menteri dan Pelaksanaan Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri memandangkan penetapan tersebut akan memberi implikasi kepada dasar kewangan dan juga ekonomi negara.

Ketiga, melalui perintah yang disiarkan dalam warta dan hendaklah diletak di atas meja Dewan Rakyat pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya. Sebagai contoh, sekiranya terdapat wabak baharu pada tahun 2023 yang memerlukan jumlah keberhutangan ini dikurangkan atau ditingkatkan bagi sesuatu tempoh masa bersifat sementara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahagian Parlimen dan Undang-undang akan berunding dengan Menteri Kewangan terlebih dahulu sebelum mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri.

Selepas jumlah tersebut dimuktamadkan, jumlah keberhutangan akan disiarkan dalam warta dan akan diletak di atas meja Dewan Rakyat pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya. Tindakan ini adalah pantas serta sangat diperlukan atas dasar perikemanusiaan kerana ia mampu menjimatkan masa dalam memberikan perlindungan kepada mereka yang terjejas akibat krisis atau apa-apa situasi yang memerlukan.

Peruntukan ini adalah bukan merupakan peruntukan yang asing dalam kerangka perundangan di Malaysia memandangkan subseksyen 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 [Akta 777] memperuntukkan Menteri dengan kuasa untuk menentukan amaun ketidakmampuan bagi membayar hutang, *inability to pay the debt* untuk tujuan petisyen penggulungan.

Selaras dengan peruntukan tersebut bagi membantu mengurangkan bebanan komuniti korporat akibat pandemik COVID-19, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menetapkan bahawa amaun keberhutangan bagi syarikat adalah amaun yang melebihi RM50 ribu melalui warta.

Kerajaan telah membuat kajian perbandingan mengenai undang-undang insolvensi di beberapa negara seperti Singapura, Australia, Amerika Syarikat dan *United Kingdom*.

Kebanyakan negara telah meminda undang-undang insolvensi negara masing-masing bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa untuk mengelakkan pertambahan mendadak kes kebangkrutan dalam masa yang singkat serta bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020. Secara keseluruhannya cadangan pindaan dikemukakan ini melibatkan fasal-fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 5, Akta 360.

Fasal 2(a) meminda seksyen 5(1)(a), Akta 360 untuk menaikkan nilai ambang hutang minimum bagi mengemukakan petisyen kebangkrutan dari RM50,000 kepada RM100 ribu.

Subseksyen (1A) bertujuan untuk memberi Menteri kuasa, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, melalui perintah yang disiarkan dalam warta, untuk meminda nilai ambang hutang minimum yang ditetapkan dalam perenggan 5(1)(a), Akta 360 bagi suatu tempoh masa yang ditetapkan. Sekiranya Menteri berpuas hati terdapat hal keadaan khas dan ia tidak berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian.

Subseksyen (1B) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi status petisyen kebangkrutan yang dikemukakan oleh pempetisyen pemiutang terhadap penghutang selepas perintah dibuat di bawah subseksyen (1A) yang dicadangkan terhenti atau tamat tempoh.

Subseksyen (1C) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa perintah yang dibuat di bawah subseksyen 5(1A) yang dicadangkan hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas penyiarannya dalam warta.

Fasal 3 mengandungi peruntukan kecualian. Antara lainnya petisyen kebangkrutan dengan jumlah hutang yang memenuhi kehendak dalam perenggan 5(1)(a), Akta 360 yang belum selesai hendaklah diteruskan dan diselesaikan walaupun setelah akta ini berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Timbalan Menteri di JPM. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Insovensi 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *[Ketawa]* Lepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Bertolak-ansur, bertolak ansur.

### **7.09 mIm.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya membahaskan pindaan ke atas Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020.

Selama ini Akta Insolvensi 1967 telah digunakan serta telah dipinda beberapa kali untuk dicadangkan akan diganti dengan Akta Insolvensi (Pindaan) 2020. Akta Insolvensi 1967 merupakan nilai ambang minimum untuk kebangkrapan telah dinaikkan pada tahun 1976, ambang hutang minimum daripada RM1,000 kepada RM2,000. Manakala pada tahun 1992 daripada RM2,000 kepada RM10 ribu. Pada tahun 2003, daripada RM10 ribu kepada RM30 ribu. Pada tahun 2017, daripada RM30 ribu kepada RM50 ribu.

#### **■1910**

Pada tahun ini pindaan yang telah dicadangkan adalah daripada RM50 ribu kepada RM100 ribu melalui seksyen 5(1)(a) Akta 360. Tuan Yang di-Pertua, cadangan telah dimaklumkan setelah mengambil kira keadaan semasa dan kesan negatif pandemik COVID-19. Maka berkemungkinan ramai bakal menghadapi masalah dalam pembayaran balik hutang. Kadar RM50 ribu adalah dilihat terlalu rendah memandangkan kadar inflasi dan tanggungan kewangan secara amnya buat masa sekarang. Tuan Yang di-Pertua, memanglah stigma dihadapi peminjam yang telah diisytiharkan bankrap bukan saja dilihat sebagai beban kepada mereka tetapi menjadi satu kerugian kepada masyarakat dan kerajaan.

Mereka mungkin susah untuk mencari pekerjaan dan tidak layak mendapat pinjaman dari pihak bank. Akhirnya mungkin mereka akan mengambil inisiatif untuk meminjam daripada along iaitu dikenali sebagai peminjam wang yang tidak berlesen. Peningkatan had minimum hutang sebelum seseorang diisytiharkan bankrap daripada RM50 ribu kepada RM100 ribu sememangnya merupakan satu keputusan yang sangat tepat buat masa sekarang.

Seperti yang telah dimaklumkan, cadangan untuk menaikkan kadar ambang mufliis atau bankrap kepada RM100 ribu adalah hasil libat urus bersama pihak kerajaan dengan institusi kewangan. Ini bermakna institusi kewangan bersetuju juga dengan cadangan pindaan kepada akta yang kita bahas petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak bank akan mempertimbangkan sekiranya peminjam yang mempunyai tunggakan pembayaran pinjaman melebihi dari tiga bulan iaitu bersamaan dengan baki pinjaman masih tidak melebihi RM100 ribu, tidak diambil juga tindakan dengan menarik harta umpamanya kenderaan peminjam. Adakah bank masih juga menggunakan Akta Sewa Beli?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kesan negatif setelah dilanda pandemik COVID-19, kerugian terhadap perniagaan kerana ancaman yang tidak dapat dielakkan mungkin akan berlaku lagi. Oleh yang demikian, perlu kah kita semak dan kaji apakah terdapat kemungkinan punca yang lain? Antaranya adakah punca atau sebabnya melalui penyalahgunaan kad kredit, pinjaman kereta, pinjaman dari along, perjudian atau pembelian barang yang tidak diperlukan menjadi salah satu daripada punca yang mengakibatkan seseorang tersebut menjadi mufliis.

Bagi mereka yang mempunyai kad kredit, kadar *interest* dengan izin atau caj faedah ini kemungkinan mempunyai nilai yang terlalu tinggi. Tambahan pula jika mereka lambat membayar daripada tempoh yang telah ditetapkan akan dikenakan kadar penalti yang tinggi juga. Selain itu, apakah punca lain yang mengakibatkan seseorang tersebut bankrap? Bagaimanakah langkah-langkah holistik akan diambil bagi mengadakan program kesedaran tentang masalah pembayaran hutang untuk mengelakkan daripada seseorang tersebut mudah menjadi bankrap? Tuan Yang di-Pertua, *prevention rather than punitive measures*, dengan izin.

Soalan saya, adakah pihak Kementerian Kewangan akan mengkaji semula atau *review*, dengan izin, caj faedah tersebut? Dalam masa yang sama, pihak kementerian boleh mengkaji semula kriteria dalam meluluskan seseorang itu layak untuk mendapat kad kredit dari bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada persoalan tambahan kepada pihak kementerian. Adakah peminjam yang bankrap ini dibenarkan untuk berada di luar negara? Adakah di antara peminjam ini tidak balik ke Malaysia dan terus menghilangkan diri? Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai kah peminjam yang bankrap telah berjaya membebaskan diri daripada diisytiharkan bankrap sejak akta ini telah berkuat kuasa?

Sekiranya mereka diberi pembebasan, apakah proses-proses, prosedur-prosedur yang lain bagi mereka untuk dibebaskan? Selain itu, apakah peranan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam pengurusan hal ehwal peminjam yang telah diisytiharkan bankrap? Adakah AKPK mengikuti arahan dari Yang Berhormat Menteri apabila akta ini berkuat kuasa?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dari segi proses bagi meluluskan permohonan pinjaman, institusi kewangan akan melihat atau meneliti laporan data peribadi peminjam daripada badan-badan bukan kerajaan seperti *credit tip-off service* (CTOS), dan *central credit reference information system* (CCRIS), dengan izin.

Soalan saya bagaimanakah langkah-langkah badan-badan bukan kerajaan ini menilai status orang awam yang- adakah data maklumat yang ada pada mereka mempunyai kesahihan atau *correct or not*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali seperti semua

sedia maklum statistik bankrap daripada tahun 2019, Melayu seramai 7,081 orang, kaum Cina seramai 2,829 orang, kaum India seramai 1,039 orang dan bangsa lain-lain adalah seramai 1,002 orang. Saya mohon penjelasan mengenai apa erti lain-lain bangsa dan nyatakan dengan secara terperinci maknanya lain-lain bangsa tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya yang saya cuba sampaikan ialah adakah seorang yang telah diisytiharkan bankrap seramai 1,002 orang tersebut adalah bangsa Dayak atau KadazanDusun? Sebelum saya duduk Tuan Yang di-Pertua, saya akan baca satu kerat pantun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh! Bagus, pandai.

**Datuk Paul Igai:** Tuan Yang di-Pertua...

*Berbilang bangsa agama dan budaya;  
Hidup bersatu aman bahagia;  
Ayuhlah kita rakyat Malaysia;  
Bersatu hati sejiwa sebangsa.*

Terima kasih... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itulah sudah suara orang perjuangan ya. Terima kasih ya Yang Berhormat Senator. Terima kasih. Sila.

#### 7.18 mlm.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam merdeka Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat *[Ketawa]* semua. Jadi *insya-Allah*. Ini rang undang-undang terakhirlah *insya-Allah* pada petang ini.

Jadi sebelum saya teruskan, saya hendak merujuk satu firman Allah SWT yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Bermaksud, Allah menggunakan perkataan mahu kah kamu, aku memberitahu kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu daripada api neraka. Pertama, kamu bertakwa pada Allah, yang kedua kamu bertakwa pada Rasulullah SAW, dan dikira kamu memberikan harta-harta kamu, mengorbankan harta benda kamu dan tenaga kamu untuk perjuangan kamu dan ini lebih baik bagi kamu kalau kamu mengetahui.

#### ■1920

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator semua, sekarang ini Akta Insolvensi 1967 bermula tahun 1967 yang telah melalui siri-siri pindaan sehinggalah kepada hari ini di mana pada tahun 1976 bermula dengan angka 1,000 dan pada hari ini ditetapkan pada kadar 100 ribu.



Cuma macam ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa saya umur tujuh tahun hendak beli nasi berlauk di Kelantan tu 20 sen masa itu. Sekarang ini dah RM3.50.

Seingat saya, dulu-dulu graduan *engineer, in senior* keluaran UPM atau keluaran Universiti Malaya pada tahun 1980, tahun 1981, tahun 1983 gaji permulaan mereka RM985. Sekarang ini sudah RM3,500 lebih. Pada tahun 1988 rumah teres di Subang Jaya sekitar RM88 ribu, Subang Jaya. Sekarang ini dah 1 juta. Maknanya, itulah kos perniagaan, itulah kadar inflasi.

Oleh sebab itu, bila kerajaan mengatakan KDNK sentiasa positif, meningkat lima persen, meningkat *the next following year* tujuh persen dengan izin, naik, naik. Maknanya pada satu ketika saiz kek itu bersaiz RM107 juta, bila naik lima persen maka dia akan jadi RM105 juta, bila naik lagi 10 persen, dia akan jadi RM111 juta. Maknanya, kek semakin besar.

Sudah barang tentu orang yang menjalankan aktiviti perniagaan dulu-dulu dengan mungkin kadar tersebut memadai untuk memulakan perniagaan. Akan tetapi sekarang bila semua benda melalui kenaikan, tidak ada benda yang jatuh harga ini Tuan Yang di-Pertua. Semua naik. Jadi bila semua naik, maka saya rasa wajar sangat untuk dinaikkan kadar yang layak dikenakan caj kebangkrutan daripada RM50 ribu daripada tahun 2017 kepada RM100 ribu hari ini. Bukan jangan terhad setakat musim COVID-19 sahaja, bahkan mesti dilanjutkan selepas daripada musim COVID-19.

Ini kerana, kita dengan izin kita mesti melahirkan komuniti peniaga, komuniti berniaga khususnya di kalangan anak-anak muda. Mentaliti minta maaf, mentaliti khususnya orang Melayu jangan terlalu bergantung bekerja dengan kerajaan. Ini supaya ekonomi tu bergerak dan mesti kerajaan menyediakan pelbagai infrastruktur dan sistem-sistem galakan. Jadi, bila RM50 ribu kita tetapkan bankrap, memberi satu ketakutan, satu hambatan kepada anak-anak muda untuk berniaga.

Alhamdulillah, saya rasa bersyukur saya tahun 1983, *graduate* Ijazah Ukur Tanah, Kepujian UTM. Daripada 33 orang, hanya 10 orang yang *graduate*. Saya termasuk dalam 10 orang tu. Lain semua grad satu, Profesor Tan Sri tahu la benda macam ini. Saya 10 orang sahaja yang keluar daripada 33 orang. *Alhamdulillah*, daripada 10 orang itu, saya orang pertama berniaga. Tahun 1983 tahun 1984 saya terus buka perniagaan saya sendiri. Jadi, saya nak menceritakan bahawa takut. Saya ajak kawan-kawan, mari kita berniaga. Saya ajar, tetapi banyak takut.

Jadi sekarang ini, kalau kita kembangkan lagi, luaskan lagi *value*, dengan izin, daripada RM50 ribu kita memberikan satu galakan kepada anak-anak muda khususnya kerajaan juga mestilah menyediakan satu bentuk pinjaman yang juga lebih besar daripada angka tersebut. Ini sebab, sekarang ini kita hendak tengok kalau kita terlalu menakut-nakutkan maka sudah tentulah kita tidak memberi galakan dan perangsang kepada mereka ini. Cuma,

kalau boleh kerajaan cuba fokuskan pada sektor-sektor yang akan menjadi sektor masa hadapan. Sektor-sektor yang akan memberi pulangan, dengan izin, *return* yang baik pada masa yang depan.

Oleh sebab itu, saya dalam bab ini saya hendak melihat kepada hendak membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri, kepada pihak kerajaan, ada satu *clause* yang mengatakan apa maksud dia yang dikata, "Sekiranya Menteri berpuas hati, terdapat hal keadaan khas dan ia tidaklah berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian". Kalau boleh saya minta pihak kementerian jelaskan apa maksud ayat tersebut itu. Berkepentingan awam dan berlawan dalam bentuk mana?

Kemudian dalam subseksyen (1)(b) juga dibacakan bahawa, "subseksyen (1)(b) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukkan bagi status petisyen kebangkrapan yang dikemukakan oleh pempetisyen pemiutang terhadap penghutang selepas perintah yang dibuat di bawah subseksyen dalam 1(a) yang dicadangkan terhenti atau tamat tempoh."

Saya juga ingin bertanya oleh sebab kadar ini telah dinaikkan, bagaimana berlaku dengan mereka yang telah pun dikenakan dan di caj dengan kebangkrapan yang *value* dia, dengan izin, tahap RM50 ribu. Sekarang kita naikkan, boleh tidak boleh kelompok ini kita, dengan izin, *renegotiate* balik dengan institusi-institusi perbankan supaya mereka ini dikeluarkan daripada kelompok yang diklasifikasikan sebagai golongan bankrap supaya mereka ini dibenarkan semula untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan.

Saya juga mahu kerajaan menjadikan contoh-contoh kerana banyak di kalangan kita ini, orang Malaysia ini sama ada bangsa Cina, bangsa India atau bangsa Melayu yang memulakan perniagaan dan mereka bankrap. Akan tetapi mereka menjadi seorang yang berjaya akhir-akhir ini. Saya tidak segan untuk menyatakan di sini antara contohnya dengan izin, ayah kepada Tan Sri Francis Yeoh, YTL.

Satu tahap, dia sudah *give up*. Dia dah *more or less* sudah duduk berkeadaan itu, tetapi dengan projek-projek bantuan kerajaan khususnya hospital-hospital, *build and design* menyebabkan dia bangkit semula selain daripada IPP yang diberikan di Paka dan juga di Pasir Gudang.

Akan tetapi sebelum tu mendiang Yeoh Tiong Lay, dengan izin, dah *give up* dah kerana dia melalui satu zaman, satu *period* ekonomi meleset sekitar akhir tahun 80-an, maka dia sudah *give up*. Begitu juga kita tengok, di seluruh dunia jadi trend, berapa banyak kumpulan terutama yang terkena dengan George Soros punya *currency speculator*, dengan izin, sebanyak mana *billionaires* di Asia Pasifik yang bankrap. Di antaranya *Daewoo*. *Daewoo* tu dia lari ke Perancis. Akan tetapi ada yang terkena tu, bangkit balik yang *billionaires* ini.

Jadi kita boleh ambil contoh kelompok-kelompok ini supaya menjadikan satu inspirasi dan juga sebagai satu aspirasi kepada mereka yang ingin berniaga ini supaya jangan jadikan

bankrap itu satu halangan bahawa, “Tuhan sudah tidak sayang pada aku lagi.” Seolah-olah macam itu. “Dunia sudah tidak adil bagi aku.” Tak boleh begitu. Fasal kita berniaga memang kita sentiasa berdepan dengan situasi- *competition* yang *tough*. Akan tetapi siapa yang *tough* dia *survive*, dengan izin.

Oleh sebab itu saya hendak supaya sangat menyokong usul-usul kerajaan ini demi menggalakkan lebih ramai lagi kelompok-kelompok niaga terutama di kalangan anak-anak graduan kita dan juga belia-belia kita. Ini supaya dengan jumlah yang lebih besar untuk dikategorikan sebagai kelompok bankrap akan memberi satu keberanian kepada mereka kerana sekarang ini adalah zaman persaingan.

*You have to compete*, dengan izin, kita tidak mahu lagi dengan kelompok yang sentiasa berharap. Jadilah tangan yang memberi, jangan jadi tangan yang menerima. Ini kerana sangat mulia tangan yang memberi daripada tangan yang menerima. Ini kerana orang yang berniaga ini *insya-Allah* dia akan menjadi tangan yang memberi daripada keuntungan perniagaan dia.

Akan tetapi, kalau kita sentiasa hendak makan gaji dan sebagainya, dengan izin, maka kita terhad dari segi keupayaan kita. Bermakna, dengan izin, *the real talent* kita tu tidak dapat ditonjolkan. Akan tetapi kalau kita melatih dengan jangan memberikan kata-kata yang menakutkan *insya-Allah* kita merupakan satu *catalyst*, dengan izin, kepada kelompok-kelompok niaga. Kitalah sepatutnya memberi perangsang. Masalah rugi, jatuh bankrap tu jangan menjadi satu hambatan ataupun, dengan izin, *hindrance* kepada aspirasi anak-anak muda kita.

Jadi saya sangat menyokong, cuma saya minta kalau boleh ditengok tadi dengan saya memberikan perbandingan harga-harga gaji tadi, harga rumah dan harga makanan. Saya sudah beri sebagai sampel-sampel tadi supaya melayakkan lagi untuk kerajaan meningkatkan kadar kebangkrapan daripada RM50 ribu hingga kepada RM100, ribu.

#### ■1930

Cuma saya hendak tahu lebih kurang, kalau boleh pihak kerajaan sediakan sedikit statistik melihat pada umur-umur. Umur yang bankrap- misal kata, buatlah dalam *gap*, dengan izin, dengan *gap* 10 tahun, 10 tahun. Okey, umur 20 tahun ke 30 tahun berapa, umur 30 tahun ke 40 tahun berapa. Makna *gap*, jidar-jidar kelompok-kelompok kita hendak tahu supaya kita boleh tengok berapa peratusan orang muda yang terlekat dengan kebangkrapan ini.

Satu lagi saya minta. Memanglah kebanyakan anak-anak muda kita kalau dia tidak *careful*, maka dia ini bankrap lebih kepada kerana penggunaan kad kredit. Akan tetapi, kalau dia beli rumah dan juga sebagainya, *insya-Allah*, harga rumah ini, harga hartanah ini umumnya makin naik. *Value*, dengan izin, untuk dia cagarkan itu akan lebih tinggi.

Jadi, saya mohon menyokong dan kalau boleh jelaskan dengan sejelas-jelasnya pertanyaan saya sebentar tadi. *Wallahualam. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad yang beri pandangan yang baik. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

### 7.32 mlm.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh kerajaan untuk menaikkan nilai ambang daripada RM50 ribu kepada RM100 ribu. Ia memang satu tindakan yang baik dan murni. Apatah lagi di waktu pandemik COVID-19, ramai yang telah menjadi bankrap dan merupakan satu isu yang agak serius terutamanya dalam kalangan usahawan kecil, penjaja, pengusaha perusahaan kecil dan juga sederhana. Malah ada orang perseorangan yang mempunyai komitmen tinggi yang telah kehilangan pekerjaan secara mendadak turut mengalami kebangkrutan walaupun ada pelaksanaan moratorium.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya menerusi pindaan fasal 2(a) di bawah undang-undang ini, ia sangat membantu khususnya peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang terkesan teruk akibat penutupan perniagaan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19 sepertimana saya sebutkan tadi.

Sudah banyak kawan kita sebut tadi. Saya hendak terus kepada soalan-soalan. Dalam pindaan ini, kerajaan akan dinampak sebagai sebuah kerajaan yang membantu kepada mereka yang bankrap, mengurus semula kewangan, mengurangkan kes bankrap dan nampak lebih responsif terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat ketika ini.

Saya juga hendak mencadangkan satu kewujudan jawatankuasa pengampunan atau penilaian semula untuk meringankan beban mereka yang berdepan dengan masalah kebangkrutan khususnya mereka yang berusia 60 tahun ke atas. Itu pun satu perkara yang perlu disemak dan diperhalusi. Saya percaya di bawah Kerajaan Perikatan Nasional ini yang merupakan satu kerajaan yang prihatin dan mungkin boleh mengkaji pandangan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kerajaan supaya turut meningkatkan program celik kewangan secara aktif terutamanya bagi pelajar universiti bagi mengurangkan isu kebangkrutan dalam kalangan golongan muda di negara ini. Yang banyak bankrapnya, seperti mana yang kita tahu, adalah golongan-golongan muda yang baharu hendak belajar berniaga, dia bankrap dan kehidupan yang kedua perlu diutamakan.

Langkah ini juga boleh dilaksanakan dengan cara mewajibkan pelajar universiti menghadiri program pendidikan kewangan sebelum memohon pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Ini juga boleh menyebabkan mereka bankrap walaupun PTPTN itu 100 peratus daripada kerajaan.

Saya juga difahamkan seramai 64,632 rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan 44 tahun diisytiharkan bankrap sejak lima tahun lalu. Justeru itu, program pendidikan dan celik kewangan di sekolah juga perlu dipupuk selain di universiti seperti yang saya sebutkan tadi.

Mungkin saya mencadangkan program itu perlu diselitkan dengan unsur Islam bagi memastikan ia lebih berkesan kepada remaja di kala ini. Kita juga boleh menerapkan unsur Islam, agama kita, dengan memberi penekanan kepada pengguna wang secara bijaksana dan kepentingan membayar hutang. Ia juga mungkin boleh diperluaskan kepada masyarakat umum melalui ceramah ataupun khutbah-khutbah Jumaat.

Dalam masa yang sama, pembabitan pihak berkaitan dalam pengurusan kewangan amat dituntut di mana mereka boleh meningkatkan lagi akses kepada pendidikan kewangan di semua platform media.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat hari ini terdapat golongan yang berstatus bankrap didapati mengalami masalah mental sehingga ada yang menghidap apa yang dipanggil skizofrenia, halusinasi. Dia macam dekat-dekat dengan gila. Ada yang mengalaminya dan ada kajian tersebut. Yang itu ada dikaji.

Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya pindaan Akta Insolvensi 1967 seksyen 60 dipinda supaya dalam jangka masa lima tahun, seorang yang diisytiharkan bankrap dibebaskan atau diberi peluang kedua melalui penolakan jumlah harta yang telah disita seperti mana diamalkan di negara Singapura, Thailand, Korea, Indonesia dan beberapa lagi negara lain. Dalam hal ini, kita perlu membantu mereka yang berada dalam kelompok kebangkrutan sebagai satu usaha murni daripada Kerajaan Pakatan Harapan.

Dipendekkan cerita, saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**Tuan Haji Ismail bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dan sekarang...

**Tuan Haji Ismail bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

### 7.38 mlm.

**Tuan Haji Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya turut sama terlibat membahaskan Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020 ini.

Pertamanya, saya bersetuju dengan pindaan untuk menaikkan nilai dari RM50 ribu ke RM100 ribu. Kerana sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan awal tadi, kebangkrutan ini bukan sebagai satu hukuman tetapi ia merupakan sebagai suatu peluang kedua atau, dengan izin, *second chance* kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Namun, saya juga hendak membangkitkan bila dilihat Akta 360 ini dalam seksyen 33A, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Discharge of bankrupt by Certificate of Director General of Insolvency*" dan juga seksyen 33C, "*Automatic discharge*". Ini merupakan peruntukan-peruntukan yang telah sedia ada untuk seseorang yang bankrap itu dilepaskan dengan memenuhi syarat-syarat tertentu.

Sejujurnya, saya melihat ini adalah suatu yang lebih mudah diuruskan dengan jumlah hutang yang tidak begitu besar kerana apabila jumlah hutang yang lebih besar, seseorang yang bankrap itu mungkin tidak dapat peluang yang kedua itu. Oleh sebab pelepasan akan lebih sukar sekiranya seseorang yang bankrap itu tidak mampu untuk memenuhi syarat bayaran balik hutang kecuali pindaan juga dibuat ke atas seksyen 33A, dan 33C, dalam Akta 360 ini.

#### ■1940

Perkara yang kedua, sebagai mana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Razali tadi saya bersetuju bahawa pendidikan pengurusan kewangan ini perlu dipertingkatkan. Bahkan kalau Yang Berhormat Datuk Razali menyebutkan di peringkat universiti saya kira agensi-agensi seperti badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang memberikan khidmat berkenaan dengan *financial planning* dan sebagainya dengan izin, namun bagi menitik beratkan pendidikan pengurusan kewangan ini saya kira perlu dimulakan sejak di bangku sekolah lagi.

Hal ini kerana saya percaya ia amat membantu dalam membentuk budaya yang lebih baik di kalangan anak-anak kita. Saya percaya jika pendidikan pengurusan kewangan ini kita pelbagaikan program sebagai satu subjek di sekolah kita akan dapat mengurangkan isu yang berkaitan dengan pindaan ini.

Akhir sekali sebelum saya berhenti ialah saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada tempoh pelepasan yang dicadangkan antara lima hingga 10 tahun itu kita pertimbangkan semula kalau boleh dikaji atas rayuan sebab-sebab tertentu. Hal ini kerana kadangkala mereka yang bankrap umur 40 tahun dan mereka yang bankrap pada umur 60 tahun memerlukan pendekatan yang berbeza untuk menyelesaikan pembayaran yang perlu dijelaskan.

Dalam hal ini saya kira perlu ada mekanisme yang baharu supaya keadilan dapat diberikan kepada pihak-pihak yang terlibat. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop, terima kasih bagi pandangan yang terbaik.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan kupasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

#### 7.42 mlm.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini atas pertama sekali saya ingin menyatakan sokongan penuh saya kepada rang undang-undang ini.

Bagaimanapun ada satu perkara yang saya rasa perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu berhubung dengan pindaan fasal 2(a) berkaitan dengan kenaikan nilai ambang bankrap dari RM50 ribu kepada RM100 ribu.

Saya ingin mohon penjelasan seperti berikut, apakah kesan ke atas mereka yang telah didapati muflis sebelum ini yang mana nilai ambang hutang di antara RM50 ribu hingga RM99,999 diberi peluang dan kaedah membuat formula pembayaran balik secara berjadual agar perintah bankrap iaitu muflis yang dikenakan ke atas individu ini tidak dikenakan sekatan untuk menjalani semula kehidupan dan berusaha untuk memperbetulkan aliran tunai pendapatan individu agar mereka lepas dari kesan hutang tidak berbayar.

Keduanya ialah apakah kaedah dan rekonsiliasi hutang ini perlu dilakukan agar impak pindaan ini tidak memberi kesan ekonomi ke atas institusi kewangan dan pembiayaan atau individu yang memberi hutang atau yang membuat petisyen tuntutan bayaran.

Yang Berhormat Menteri saya juga mohon penjelasan apakah status yang akan berlaku ke atas petisyen-petisyen tuntutan hutang lapuk yang tidak berbayar sebelum tarikh kuat kuasa pindaan ini akan menyebabkan hak si pemiutang dinafikan dan wujud keadaan tidak adil yang mana kerajaan memerlukan satu mekanisme khusus agar pihak pemiutang boleh dipelihara demi situasi menang-menang atau *win-win situation* kedua-dua pihak yang terlibat.

Jadi Yang Berhormat Menteri saya juga berpendapat bahawa di dalam kita menaikkan had ambang kita untuk kebangkrapan, saya tetap menekankan bahawa peranan yang dimainkan oleh kerajaan haruslah juga mendidik rakyat supaya rakyat mempunyai satu cara mereka untuk menguruskan kewangan dan termasuk juga cara mereka untuk menguruskan pembayaran hutang secara teratur dengan pihak-pihak yang memberi pinjaman kepada individu-individu tertentu.

Ini saya rasa bahawa pendidikan mengenai kewangan ini adalah masih penting walaupun nilai ambang ini sudah dinaikkan kepada RM100 ribu. Jadi dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi Haji Suhaili, pandangan yang baik dan sekarang...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

#### 7.46 mlm.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan rang undang-undang ini merupakan satu pindaan yang baik, yang memberi kebajikan kepada rakyat sesuai dengan *konsep baldatun toyyibah* untuk negara yang memberi kebajikan kepada rakyat. Maka sebab itu saya tidak ada kebimbangan untuk menyokong rang undang-undang diluluskan.

Saya ingin memohon penjelasan ataupun status kes seorang yang dikategorikan bankrap. Beliau memohon pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi dan maklumat ini telah saya sampaikan sebelum ini kepada Ketua Pengarah. Saya harap kementerian dapat memberi makluman ataupun maklumat berhubung permohonan tersebut. Pemohon tersebut ialah Wong Kee Teh, nombor kad pengenalan ialah 460423-08-5139.

Saya yakin dan percaya dengan wujudnya akta ini status beliau boleh dibebaskan daripada keadaan *bankruptcy* dan beliau juga telah mengemukakan sijil kesihatan penyakit-penyakit kronik seperti sakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan juga gout empat dalam satu Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian melihat pekeliling yang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Sektor Awam (LPSA) berhubung dengan pinjaman perumahan. Ini terkesan kepada warga veteran Angkatan Tentera Malaysia yang bersara selepas berkhidmat 21 tahun ataupun 25 tahun. Pekeliling ini melihat orang-orang yang pencen seperti ini sebagai ingkar kepada pembayaran bulanan pinjaman sewa rumah mereka.

Jadi sekiranya mereka gagal melaksanakan bayaran ini ia boleh dikategorikan bankrap- *bankruptcy*, kemudiannya, yang hairannya Tuan Yang di-Pertua, pesara-pesara awam yang bersara selepas 55 tahun atau 60 tahun mereka boleh meneruskan bayaran ansuran rumah mengikut perjanjian awal. Akan tetapi berlainan kepada veteran-veteran yang pencen selepas 21 tahun ini. Mereka dikenakan ataupun diarah untuk membayar hutang rumah sekali gus- *lump sum*.

Bermakna wang gratuiti mereka yang mereka dapat habis untuk dibayar baki hutang perumahan yang masih belum diselesaikan. Maka yang demikian, saya telah menulis kepada Kementerian Kewangan begitu juga dengan Pengerusi LPPSA untuk melihat perkara ini



supaya ia tidak membebankan veteran dalam urusan membayar pinjaman rumah secara *lump sum*.

Saya mohon pihak kementerian ataupun pihak kerajaan dapat melihat perkara ini dan dapat memperbetulkan keadaan supaya veteran-veteran TLDM, TUDM dan ATM tidak terbeban. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Abd. Hamid dan sekarang.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

#### ■1950

#### 7.50 mlm.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, *kasi* peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020.

Rang undang-undang ini sangat ringkas. Satu kesan sampingan daripada pindaan ini akan membuat pinjaman yang lebih susah kepada yang mahu membuat pinjaman. Untuk bank, ia akan melibatkan syarat-syarat yang bertambah ketat. Nilai ambang ini meningkat daripada RM50 ribu sampai RM100 ribu yang paling besar satu kali. Kalau kita tengok dari 1967 sampai sekarang, sudah dipinda empat kali daripada RM1,000 sampai sekarang dicadangkan RM100 ribu.

Saya masih ingat pada masa saya baru bermula *practice* sebagai seorang peguam pada tahun 1992. Masa itu RM2,000 sahaja nilai ambang. Sekarang dicadangkan naik 50 kali ganda, kurang lebih 30 tahun.

Saya cadangkan yang lebih sesuai untuk kerajaan ialah buat *discharge* yang orang bankrap lebih senang. Kalau sudah bankrap lima tahun atau tujuh tahun atau mereka sampai satu umur, beri dia automatik *discharge*. Sekarang saya difahamkan *discharge* mesti mahu ambil satu kelulusan daripada pegawai insolvensi.

Ada satu manfaat untuk kebangkrapan ialah caj faedah akan berhenti dikira. Kalau seorang jadi bankrap, bank dan kreditor tidak dapat lagi kira caj faedahnya. Faedah akan berhenti. Kalau sekarang ini nilai ambang kalau dinaikkan ke RM100 ribu memang dia penghutang akan *diincur* caj faedah lagi. So, itu pun tidak berapa bagus untuk peminjam.

Dengan itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita jemput pula, siapa lagi? Sila.

**7.53 mlm.**

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan Kajian Pemantauan Ekonomi Malaysia Disember 2019 oleh Bank Dunia, sejumlah 60 peratus daripada keseluruhan individu yang muflis di Malaysia adalah terdiri daripada individu golongan belia iaitu mereka yang berusia daripada 25 hingga 44 tahun. Daripada keseluruhan nilai tersebut, separuh daripadanya adalah berpunca daripada pinjaman peribadi, kad kredit dan pinjaman kenderaan.

Berdasarkan kajian tersebut, sebahagian besar mereka yang membuat pinjaman peribadi, pinjaman kenderaan dan kad kredit adalah untuk meningkatkan standard kehidupan mereka dan bagi memenuhi kehendak. Namun begitu, terdapat juga beberapa kes muflis yang disebabkan kes teraniaya. Contohnya, mereka menjadi penjamin kepada pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh sahabat mahupun ahli keluarga. Jadi, ini adalah satu perkara yang tidak boleh dipandang enteng oleh pihak kerajaan.

Dalam pada pihak kerajaan berusaha untuk mengurangkan nilai belia yang diisytiharkan muflis, kerajaan juga perlu memikirkan kebajikan dan nasib para penjamin yang turut diisytiharkan muflis akibat daripada perbuatan khianat orang lain. Oleh itu, saya ingin mencadangkan jika boleh untuk kerajaan pertimbangkan bagi kes-kes yang melibatkan penganiayaan. Contohnya, mereka yang diisytiharkan muflis kerana menjadi penjamin kepada pinjaman orang lain. Mereka ini boleh diberi hak pengampunan daripada segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan bagi kes-kes penjamin yang teraniaya ini mungkin boleh wujudkan tempoh maksimum mereka diisytiharkan muflis. Contohnya tujuh tahun. Jika dalam tempoh tersebut rekod CCRIS atau CTOS mereka cantik dan tiada kes hutang tertunggak, mereka boleh memohon pengampunan.

Saya mencadangkan perkara ini kerana saya rasakan tidak adil mereka dikenakan tindakan muflis sedangkan mereka ini sebenarnya adalah individu yang tidak bersalah. Mereka tidak dibenarkan mempunyai akaun bank, hendak dapatkan pekerjaan susah, hendak beli rumah tidak boleh, hendak ke luar negara lagi tidak dibenarkan. Ini akan melumpuhkan keadaan mereka. Jadi, bagaimana belia yang kita harap untuk bantu meningkatkan ekonomi negara dapat dibantu? Kita perlu fikirkan satu mekanisme agar sekurang-kurangnya mereka ini diberi peluang pengampunan sekiranya rekod CCRIS dan CTOS mendatang mereka adalah baik.

Minggu lepas Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada nyatakan seramai 945 orang golongan belia telah diisytiharkan muflis sepanjang tempoh COVID-19. Ini adalah daripada Januari hingga Julai. Trend peningkatan ini dilihat semakin mendadak sejak wabak

pandemik ini melanda negara. Jadi, selain daripada meningkatkan kadar minimum kebangkrutan, saya mohon kerajaan untuk turut sama melihat hal-hal kebajikan para belia harapan negara ini agar mereka dapat diberikan peluang kedua untuk memperbetulkan ekonomi mereka.

Adalah tidak adil bagi seseorang berstatus mufliis sehingga hujung nyawa mereka disebabkan oleh perbuatan dan silap daripada individu lain. Ada kes yang saya baca, seorang isteri terpalit dengan kes bankrap sang suami sehingga beliau juga menjadi mufliis sehingga akhir hayat suaminya. Lebih memilukan apabila si isteri ini tidak dapat menerima wang pencen arwah suami kerana statusnya sebagai bankrap yang tidak membolehkan beliau mempunyai akaun bank. Ini adalah satu bentuk penganiayaan kepada si isteri yang menjadi penjamin.

Oleh itu, saya dengan ini memohon kerajaan untuk menyemak kembali dasar pengampunan yang dibenarkan bagi kes-kes yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini ingin mohon Yang Berhormat Menteri untuk pinda seksyen 60(1) Akta Insolvensi supaya pembebasan status bankrap dibuat secara automatik. Selepas tempoh lima tahun seperti mana-mana negara lain di dunia, di Singapura, Thailand, Korea Selatan, Hong Kong, Indonesia dan United Kingdom, seseorang yang disahkan bankrap diberi peluang kedua dan mendapat pelepasan status bankrap secara automatik selepas lima tahun. Ini berbeza sekali dengan apa yang dipraktikkan di Malaysia. Di Malaysia terdapat rekod yang menunjukkan mereka yang bankrap telah menjadi pesakit mental kerana tertekan dengan desakan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Lepas Yang Berhormat Senator itu nama saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Boleh saya? Okey.

**7.59 mlm.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera... [Membaca sepotong doa]*

**■2000**

*Alhamdulillah.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin untuk saya bersama dalam membahaskan Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020. Banyak tadi pertanyaan dan juga pandangan yang telah diberikan oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator. Jadi, saya ingin menambah beberapa perkara sahaja, *insya-Allah*.

Pertama, saya juga bersetuju sebagaimana yang telah pun dinyatakan bahawa RUU ini sebenarnya adalah merupakan suatu yang amat pentinglah dan *insya-Allah* dia ini merupakan satu langkah yang baiklah bagi memastikan undang-undang yang sedia ada sentiasa relevan dengan keperluan semasa, *insya-Allah*. Jadi, kita harap juga langkah ini mampu memberi peluang kepada rakyat untuk mengukuhkan ekonomi tanpa sebarang ikatan sekali gus mampu merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Namun dalam hal ini, ada sedikit cadangan daripada kita ialah supaya pihak kerajaan dapat mengadakan perkhidmatan secara *online* itu dengan lebih baik sebab ada perkhidmatan atas talian, ini maksud saya ialah perkhidmatan atas talian sebab ada perkhidmatan atas talian yang sedia ada sering kali terdapat pelbagai gangguan dan masalah seperti sistem *breakdown* dan *connection problem*, dengan izin.

Hal ini sangat perlu terutama dalam kita menghadapi wabak yang sebegini jadi negara mestilah bersedia dengan sistem atas talian yang lebih mantap, *friendly user*, *insya-Allah*. Langkah ini juga adalah untuk memudahkan pengguna menyelesaikan masalah tanpa perlu berkunjung ke kaunter terutama ketika wabak sedang melanda.

Kemudian yang kedua ialah nilai ambang. Seperti mana yang saya sebutkan- Oh tidak! Saya tidak sebut sudah ringkaskan ini [*Ketawa*] Maaf sudah potong dia punya ucapan. Jadi, dalam hal ini saya ingin membangkitkan kebimbangan terhadap implikasi negatif terhadap langkah nilai ambang ini tadi, minta maaf...

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Ya, okey. Jadi, apakah pihak kementerian membuat kajian akan perkara tersebut? Jika ya, apakah hasil kajian tersebut. Selain itu, saya juga mencadangkan agar pihak kerajaan boleh mempertimbangkan berkenaan menaikkan nilai ambang bagi syarikat-syarikat kecil PKS ataupun SME. Perkara ini mengekang isu pengulangan syarikat tersebut terutama dalam keadaan ekonomi yang masih kurang memberangsangkan.

Oleh itu, saya memohon agar kerajaan mengambil perhatian serius terhadap cadangan ini dan yang ketiga ialah pembekuan akaun. Perkara seterusnya ialah berkenaan pembekuan akaun ini di mana saya melihat dalam persidangan perbahasan sidang Dewan Rakyat dan isu ini telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat namun saya masih

memerlukan penjelasan pihak kementerian berkenaan isu ini iaitu terdapat banyak kes yang mana akaun penghutang tetap disekat walaupun telah menyelesaikan hutang mereka.

Isunya apabila mereka merujuk kes tersebut kepada bank, bank meminta mereka mendapatkan kelulusan pihak Jabatan Insolvency terlebih dahulu. Namun, permohonan yang dibuat kepada jabatan tersebut ditolak atas alasan pihaknya tidak meminta pihak bank untuk menyekat akaun tersebut. Alasannya dia tidak suruh pun bank sekat.

Isunya siapa sebenarnya yang memainkan peranan utama dalam hal ini. Jadi, saya mohon agar permasalahan seperti ini dapat perhatian daripada pihak kerajaan bagi memastikan mana-mana individu terbabit yang telah menyelesaikan hutangnya tidak akan lagi dibekukan akaunnya. Itulah antara beberapa tambahan yang ingin saya nyatakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh dan ada lagi sesiapa yang belum?

Sila yang belum lagi ada?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa, habis. Tengok-tengok ada sesiapa yang belum lagi. Ada tarik diri? Kalau sudah habis semua, Ahli-ahli Yang Berhormat semua sudah bercakap, saya hendak pergi kepada bab lain.

Jadi, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

#### 8.05 mlm.

##### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**

**[Datuk Haji Shabudin Yahaya]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong pindaan rang undang-undang ini serta memberikan pandangan-pandangan yang begitu bernas untuk kita terus memperkasakan rang undang-undang yang berkaitan dengan Akta Insolvency 1967 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan ini satu demi satu mengikut kepada apa yang ada di hadapan saya, dan *insya-Allah* akan cuba menjawab bagi semua persoalan yang dibangkitkan.

Jadi yang pertama sekali, saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apani yang berkaitan dengan apa yang dimaksudkan dengan *public interest* di dalam peruntukan yang telah kita bentangkan. Yang Berhormat Senator Apani ada kah? Tidak ada. Kalau tidak ada kita tangguh dahulu dia punya, kita jawab pada yang ada.

Yang Berhormat Senator Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Lim ada. Okey, Yang Berhormat Senator Lim ada bertanya tentang pembukaan akaun di bank. Pembukaan akaun

bank di Jabatan Insolvensi, kebenaran bekerja, berniaga dan sebagainya. Di bawah seksyen 38(i),(d) dan (e) orang yang bankrap perlu memohon kebenaran daripada Ketua Pengarah Insolvensi sekiranya ia ingin memegang jawatan sebagai Pengarah Syarikat atau ingin bekerja dengan syarikat keluarga ataupun yang berdekatan dan kebangkrapan tidak menghalang bankrap daripada bekerja.

Bankrap perlu memohon untuk membuka akaun bank dan ia akan dibenarkan bagi tujuan kemasukan duit gaji. Sekiranya seseorang telah dilepaskan daripada kebangkrapan tiada halangan oleh mana-mana pihak untuk individu tersebut membuka akaun.

Daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, kajian ambang keberhutangan dan lain-lain. Jadi, di sini jumlah keseluruhan kes kebangkrapan yang didaftarkan pada tahun 2016 hingga Julai 2020 adalah seperti berikut iaitu pada tahun 2016 sahaja dalam kajian kita mendapati ada 19,588 kes, 2017 adalah 18,227 kes, 2018 adalah 16,482 kes, 2019 adalah 12,051 kes dan Januari sehingga Julai 2020 ialah 4,151 kes. Selepas daripada itu, tidak ada kes-kes kebangkrapan yang dilakukan.

Kalau kita melihat kepada unjuran daripada tahun 2016 sehingga tahun 2019 ada pengurangan daripada 19,588 kepada 12,051 orang dan kita berharap dengan pelaksanaan kadar ambang 100,000 mungkin jumlah kebangkrapan ini akan dapat dikurangkan lagi.

#### ■2010

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad lagi, daripada- banyak Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, ini empat jawapan dia. Soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili dahulu. Apakah status hutang lapuk sebelum tarikh pindaan akta yang masih tidak dibayar kepada pemiutang. Memandangkan pindaan ini tidak bertindak secara *retrospective*, hak pemiutang masih terpelihara. Maksudnya sekiranya ada hutang yang berlaku sebelum pindaan akta ini maka hak pemiutang untuk mendapatkan balik hutangnya adalah hidup, maknanya ia boleh mendapatkan hutangnya balik mengikut prosedur sedia ada.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid status Wong Kee Teh ini, surat keputusan penolakan bantahan telah dikemukakan kepada pemiutang pada 22 September 2020 dan sekiranya pemiutang tidak memfailkan permohonan kepada mahkamah dalam masa 21 hari dari tarikh terimaan surat tersebut, Ketua Pengarah Insolvensi tiada halangan untuk mengeluarkan sijil pelepasan kepada bankrap.

Sebagai makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, ada dua peringkat dalam pengurusan orang bankrap ini iaitu yang pertama sekali peringkat antara orang yang berhutang dengan pemiutang. Jadi itu adalah urusan tuntutan daripada pemiutang kepada orang yang berhutang. Jadi, apabila seorang yang berhutang telah pun gagal menunaikan

tanggungjawab beliau untuk menjelaskan hutangnya sebagaimana yang dituntut oleh pihak pemiutang dan yang berhutang juga gagal untuk berhubung dengan pihak pemiutang, maka keadaan ini akan menjadi lebih rumit yang mana pihak pemiutang atau pun pihak bank tidak ada pilihan lain selain daripada mereka terpaksa memfailkan di mahkamah terhadap orang yang berhutang tersebut.

Apabila kes ini difailkan di mahkamah terhadap orang yang berhutang, maka pada ketika itu proses akan dijalankan oleh pihak mahkamah dan proses ini boleh menyebabkan mahkamah mensabitkan kebangkrapan kepada si yang berhutang. Ini kerana di dalam undang-undang insolvensi, ia menjaga kepentingan kedua-dua pihak iaitu kepentingan pemiutang untuk mendapat balik hutang-hutang mereka dan juga kepentingan kepada yang berhutang untuk memberikan perlindungan di mana perlu, di mana boleh supaya mereka tidak teraniaya.

Jadi, apabila mahkamah telah membuat keputusan terhadap satu kes-kes tuntutan kebangkrapan, maka keputusan itu barulah dirujuk ataupun dibawa ke Jabatan Insolvensi untuk tujuan pengurusan kebangkrapan. Jadi, Jabatan Insolvensi adalah satu agensi untuk menguruskan keputusan mahkamah terhadap kes kebangkrapan yang telah diputuskan.

Maka dengan sebab itu, sekali lagi orang yang telah disabitkan bankrap perlu hadir ke Jabatan Insolvensi untuk disiasat, dinilai tentang harta yang dimiliki ataupun apa-apa perolehan bagi membantu yang berhutang ini menyelaraskan dan menyelesaikan hutang mereka secara berpandu oleh pihak Jabatan Insolvensi. Beberapa proses boleh dilaksanakan untuk memberikan satu peluang baharu kepada orang-orang yang berhutang supaya mereka dapat pengadilan ataupun boleh dilepaskan mengikut keadaan dan syarat-syarat yang telah pun tertentu di dalam Akta Insolvensi.

Cuma masalah sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua, ada ramai juga orang-orang yang bankrap ini tidak menghubungi sama ada pihak pemiutang iaitu bank ataupun tidak menghubungi Jabatan Insolvensi untuk disiasat dan dibuat kaedah-kaedah penyelesaian, bayaran-bayaran yang dia mampu dan tempoh-tempoh yang dibenarkan. Semua proses itu memerlukan kehadiran orang yang berhutang ke Jabatan Insolvensi bagi membantu mereka menyelaraskan hutang-hutang.

Sekiranya pematuhan ini berlaku dengan baik, *insya-Allah* kita mengharapkan biasanya orang yang berhutang ini boleh dilepaskan selepas lima tahun atas pertimbangan mereka yang telah pun melengkapkan syarat-syarat dan pihak Jabatan Insolvensi, Ketua Pengarah Insolvensi berpuas hati dengan kemampuan bayaran balik semula yang berhutang kepada pihak pemiutang.

Selain daripada itu tadi ada juga...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, kes wang kiteh ini sudah sehingga ke

peringkat akhir Tuan Yang di-Pertua. Dia sepatutnya boleh dibebaskan tetapi apabila Pejabat Insolvensi Ipoh menulis surat untuk pengetahuan umum sekiranya tiada bantahan dalam masa kalau tidak silap saya 21 hari beliau boleh dilepaskan.

Akan tetapi dalam hal ini, orang yang mendakwa mengatakan dia berhutang seorang peguam dia gunakan SD yang mengatakan si berhutang ini masih berhutang kepada dia sedangkan kes itu sudah berlaku 15 tahun lalu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya:** Okey, kes ini boleh dirujuk secara spesifik dengan Jabatan Insolvensi. Namun begitu yang boleh kita lihat di sini ialah si yang berhutang tadi dia hendaklah membuktikan bahawa SD yang dikemukakan oleh pemiutang itu sudah lagi tidak absah dan perkara ini boleh dipertimbangkan oleh Jabatan Insolvensi.

Saya rasa perkara ini adalah merupakan di peringkat hujung dan Jabatan Insolvensi boleh memanggil kedua-dua pihak untuk menilai kes mereka berada di tahap mana dan keputusan boleh dibuat selepas itu, *insya-Allah*. Jadi, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid yang telah pun membawa kes ini untuk kita melihat secara lebih teliti.

Banyak sangat. Saya tidak tahu mana yang hendak pegang. Ini Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad tidak pegang sudah.

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid tadi menyebutkan tentang Pekeliling LPSA, Pinjaman Perumahan Sektor Awam kepada veteran ATM yang telah berkhidmat lebih 21 tahun boleh dibankrapkan sekiranya tidak bayar secara *lump sum*. Perkara ini akan disampaikan kepada pihak kementerian dan jabatan yang terlibat apa yang boleh mereka lakukan dan apa yang tidak boleh pihak LPSA lakukan dari segi membankrapkan orang yang berhutang. Jadi, pihak kementerian akan mengambil maklum dan akan mengangkat perkara ini kepada pihak LPSA.

Kemudian daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mencadangkan diwujudkan Jawatankuasa Pengampunan. Di bawah seksyen 33A Akta 360, Ketua Pengarah Insolvensi mempunyai budi bicara untuk melepaskan bankrap dari kebangkrapan sekiranya kes kebangkrapan telah melepasi tempoh lima tahun pentadbiran. Pada tahun 2020 sahaja, terdapat 8,755 bankrap yang telah dilepaskan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi. Meskipun hutang mereka masih belum habis dibayar, ada syarat-syarat tentang hutang yang masih dibayar.

Di antaranya kalau kita melihat ialah pihak pemiutang bersetuju berbincang untuk melepaskan orang yang berhutang dan orang yang berhutang telah pun membayar sekurang-kurangnya sudah 50 persen daripada jumlah hutang yang telah pun digazetkan.

Pihak yang berhutang memberi komitmen yang bersungguh-sungguh bersetuju mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Maka di situ yang paling



penting ialah pihak pemiutang. Kalau pihak pemiutang tidak ada bantahan dan bersetuju untuk melakukan perundingan dan ada jalan yang boleh diselesaikan, maka pihak Ketua Pengarah Insolvensi tidak ada halangan untuk mengeluarkan pelepasan kepada orang yang berhutang asalkan syarat-syarat yang terkandung dalam akta ini telah dipatuhi.

#### ■2020

Jadi soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, ramai bankrap yang teraniaya akibat menjadi penjamin kepada rakan dan keluarga. Okey, sebelum pindaan Akta 360 pada tahun 2017 terdapat kes penjamin yang menjadi bankrap akibat menjadi penjamin. Namun selepas pindaan pada 6 Oktober 2017, penjamin sosial telah dimasukkan sebagai salah satu kategori yang mana boleh dilepaskan dari status kebangkrapan.

Penjamin sosial ini maksudnya ialah orang yang menjadi penjamin kepada orang yang berhutang bagi kes-kes yang bersifat kebajikan ataupun bersifat sosial, tidak bersifat perniagaan ataupun jaminan yang boleh mendatangkan keuntungan.

Jadi sebagai contohnya penjamin bagi peminjam biasiswa. Penjamin bagi tujuan-tujuan lain seperti kebajikan dan sebagainya. Jadi pihak-pihak yang menjamin bagi tujuan kebajikan atau tujuan sosial adalah termasuk di dalam golongan yang mana boleh dilepaskan dari status kebangkrapan dan pemiutang tidak boleh membantah pelepasan tersebut kerana ini termaktub di bawah subseksyen 33(8)(2A)(a) Akta 360.

Tambahan pula, pempetisyen tidak boleh mempetisyen penjamin sosial tanpa kebenaran mahkamah di bawah seksyen 3 Akta 360. Jadi ini jelas kepada kita bahawa kategori penjamin sosial yang dikatakan sebagai penjamin bagi tujuan-tujuan kebajikan, pendidikan, tujuan-tujuan sosial. Mereka ini ada hak untuk memohon supaya mereka tidak disabitkan di dalam perkara-perkara yang berkait dengan kebangkrapan.

Daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen juga mengenai macam mana cara untuk keluar daripada kebangkrapan. Pelepasan kebangkrapan selain daripada pembatalan-pembatalan melalui mahkamah apabila hutang telah dibayar secara penuh atau seseorang itu tidak sepatutnya dijadikan bankrap di bawah seksyen 105 Akta 360 terdapat dua kaedah lain yang boleh dimohon oleh bankrap untuk memohon pelepasan iaitu pelepasan melalui mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360, bankrap boleh memohon di mahkamah untuk melepaskan dari kebangkrapannya.

Faktor utama yang diambil kira oleh mahkamah dalam mendengar permohonan pelepasan oleh seseorang bankrap itu mestilah telah memberi kerjasama yang penuh kepada ketua pengarah insolvensi seperti tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta 360 dan juga mematuhi kehendak perundangan dan membuat pembayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada hutangnya kepada pemiutang. Mahkamah boleh memberi perintah melepaskan sepenuhnya atau bersyarat.

Antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah bankrap dikehendaki meneruskan pembayaran dalam jumlah tertentu bagi sesuatu tempoh atau sehingga satu jumlah dicapai untuk dibayar kepada pemiutang dan syarat-syarat lain yang difikirkan munasabah. Pelepasan ini akan melepaskan bankrap daripada hutangnya dengan pemiutang yang telah memfailkan borang bukti hutang kecuali hutang kerajaan seperti hutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pelepasan ini juga akan membebaskan seseorang bankrap daripada terikat daripada sekatan dan larangan kebankrapan.

Bagi pelepasan melalui mahkamah untuk tahun 2016 sehingga Jun 2020 sebanyak 913 kes sahaja iaitu 1.31 peratus yang berjaya mendapat perintah pelepasan daripada 69,580 kes. Sikit sangat yang mendapat pelepasan secara yang tersebut melalui perintah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop...

**Puan Asmak binti Husin:** Saya mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya, mungkin saya terlepas sikit tapi saya buka *website* dulu untuk mendapat kepastian. Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Senator Datuk Lim tadi adalah berkaitan dengan penjamin bagi pihak suami.

Adakah tidak adil bagi seorang isteri yang menjamin suami, akhirnya dapat- sebab tadi disebutkan penjamin sosial. Akan tetapi kalau penjamin yang lain macam bank dan sebagai ini. Itu tetap dikenakan liabiliti. Betul tidak? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya:** Okey, ia senang. Ia tidak kira suami kah, isteri kah, siapa kah? Jadi kalau dia menjadi penjamin bukan penjamin sosial, maka dia tertakluk kepada peraturan sedia ada. Akan tetapi kalaulah dia menjamin isteri, isteri dia pergi belajar, isteri mendapat *scholarship* dan suami menjadi penjamin kepada isteri yang belajar. Belajar itu adalah dalam kategori sosial. Jadi suami boleh memohon ataupun suami boleh tidak disabitkan sebagai seorang bankrap sekiranya berlaku isu bankrap di pihak isteri. Jadi isunya *not person but* isu itu adalah *the matters*.

Bagi soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Paul Igai. Adakah bankrap dibenarkan keluar negara. Seksyen 38(1)(c) Akta 360, bankrap boleh keluar negara dengan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi. Antara syarat yang dikenakan kepada bankrap yang ingin keluar negara adalah mereka perlu membayar bon jaminan sekiranya bankrap keluar negara dan tidak pulang lebih daripada tempoh yang dibenarkan. Bon mereka akan dirampas dan boleh dikenakan tindakan *contempt of court*. Jadi boleh keluar tetapi kena mematuhi peraturan yang telah ditentukan.

Berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail Yusop. Pelepasan bankrap melalui perakuan ketua Pengarah Insolvensi, pelepasan secara

automatik- seksyen 33C perlu dipinda maknanya pelepasan secara automatik untuk memudahkan atau memberi peluang kepada mereka yang mempunyai hutang yang besar sama ada tempoh pelepasan hingga 10 tahun boleh dikaji. Kadangkala bagi mereka yang berumur 40 tahun atau 50 tahun memerlukan peluang yang kedua.

Okey, ini adalah satu cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail dan pihak kerajaan mengambil dan memandang serius terhadap cadangan ini dan akan dikaji dan akan diambil tindakan selanjutnya. Terima kasih.

Soalan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai juga berkenaan dengan maksud lain-lain bangsa. Memandangkan Malaysia adalah satu negara berbilang kaum, lain-lain bangsa adalah bangsa selain tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina, dan India.

Memandangkan terdapat kira-kira 80 etnik lain, Jabatan Insolvensi Malaysia tidak mempunyai statistik terperinci yang dipohon. Lain-lain bangsa juga termasuk beberapa orang daripada luar negara yang telah dibankrapkan di Malaysia. Jadi maknanya selain daripada bangsa Melayu, Cina dan India maka status mereka adalah lain-lain bangsa.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai juga bertanya tentang jumlah pelepasan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Jumlah sijil pelepasan melalui Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A dari tahun 2016 sehingga Julai 2020 ialah sebanyak 71,575 kes.

#### ■2030

Bagi tahun 2020 sahaja, 8,755 kes telah dilepaskan. Jumlah kes yang dilepaskan dan dibatalkan melalui mahkamah, pelepasan 923 kes dan pembatalan 11,096 kes melalui mahkamah.

Soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, adakah bank akan menarik harta sekiranya berlaku tunggakan melebihi tiga bulan dan tidak melebihi RM100 ribu. Pada masa ini, kerajaan telah mengumumkan pemberian moratorium selama enam bulan bermula daripada 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 dan perjanjian sewa beli adalah termasuk di bawah moratorium ini.

Sekiranya berlaku tunggakan selepas bulan Oktober dan jumlah RM100 ribu ke atas, bank yang memberi pinjam masih boleh menarik balik pinjaman ataupun kenderaan yang dibeli tersebut. Oleh sebab itulah kalau kita lihat sekarang, demi untuk keadilan kepada peminjam, pihak bank pada setiap masa dan setiap hari menghantar notis melalui media sosial kepada setiap si yang berhutang peringatan tentang penamatan moratorium.

Jadi, sekarang ini pihak bank kebanyakannya telah mengeluarkan peringatan ini dan menjemput si yang berhutang kepada pihak bank untuk datang berjumpa dengan unit yang menguruskan tentang pinjaman ataupun tentang fasiliti moratorium ini untuk mereka berbincang dan menyelaraskan semula pembayaran balik. Ada bank yang telah pun membuat

pusat-pusat di bandar-bandar utama untuk memberi peluang kepada peminjam-peminjam menyelaraskan hutang-hutang mereka.

Cuma masalah kita ialah kita perlu menasihati dan mengingatkan kepada rakyat dari semasa ke semasa supaya mereka mengambil berat tentang prosiding bayaran balik hutang selepas moratorium. Kalau mereka gagal mengambil berat setelah tindakan dibuat oleh pihak bank memfailkan kes kebangkrapan di mahkamah dan apabila perkara tersebut telah difailkan, maka kes itu akan menjadi semakin rumit dan susah untuk kita membantu pada ketika tersebut.

Jadi, oleh yang demikian, banyak agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti AKPK yang mana satu badan kaunseling yang menasihati kepada pemiutang-pemiutang dan menyelaraskan kaedah-kaedah bayaran balik hutang dan sebagainya. Jadi, saya rasa apa yang dilakukan oleh pihak-pihak yang memberi hutang dan juga pihak-pihak yang berhutang telah pun mendapat maklumat secukupnya kerana setiap mesej dihantar secara personel ke telefon-telefon bimbit setiap orang yang berhutang tersebut. Jadi, agak mustahil kalau ada pihak yang mengatakan bahawa mereka tidak tahu ataupun tidak mendapat apa-apa notis daripada pihak bank. Jadi, oleh yang demikian sikap mengambil berat itu perlu kita utamakan dalam kehidupan kita.

Banyak cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang keringanan-keringanan yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi memberi peluang kedua kepada masyarakat untuk mereka tidak terus diikat dengan insolvensi. Namun begitu, cadangan itu adalah cadangan yang baik dan bagus. Cuma dalam hal ini juga, kerajaan perlu menimbangkan hak-hak kepada pemiutang.

Ini kerana kalau tidak ada akta atau undang-undang yang kuat untuk menjamin pemiutang mendapat kembali wang ataupun apa-apa juga peruntukan yang diberikan kepada peminjam dalam bentuk hutang, maka kita bimbang satu masa nanti pihak-pihak yang berhutang enggan ataupun terlalu sukar untuk memberikan hutang kepada pemohon-pemohon kerana tidak ada satu jaminan undang-undang untuk mereka mendapatkan kembali wang-wang ataupun apa-apa harta modal yang telah dikeluarkan kepada mereka.

Merujuk kepada saranan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris berkenaan dengan program celik kewangan *especially* kepada golongan muda, pihak kerajaan menerima pandangan ini sebaik mungkin dan mengucapkan ribuan terima kasih dan *insya-Allah* kita akan melaksanakan program ini secara berkesan untuk memberikan pendidikan awal kepada golongan muda supaya mereka lebih berhati-hati menggunakan kemudahan pinjaman-pinjaman agar mereka tidak terbabit di dalam isu kebangkrapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Wa'alaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menjawab begitu baik dan leka kita mendengar ya. *Insya-Allah.* Tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada Usul Penangguhan daripada Yang Berhormat Menteri.

■2040

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 15(3)**

8.40 mlm.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### **Kesamaran Kedudukan Suspek atau Pesalah Kanak-kanak Dalam Perundangan Jenayah Syariah Negeri-negeri**

**8.40 mlm.**

**Puan Asmak binti Husin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang setia dengan persidangan kita sehingga ke malam khususnya kepada pegawai-pegawai. Tadi saya jumpa di surau, mereka kata, "Saya sanggup tunggu sampai ucapan penangguhan". Jadi saya mengucapkan terima kasih banyak-banyaklah daripada hati yang ikhlas.

Seterusnya, izinkan saya membaca usul penangguhan di bawah tajuk, "Kesamaran Kedudukan Suspek atau Pesalah Kanak-kanak dalam Perundangan Jenayah Syariah Negeri-negeri."

Sebagaimana dimaklumkan, perundangan jenayah syariah melibatkan undang-undang jenayah syariah dan undang-undang tatacara jenayah syariah. Peruntukan dalam dua undang-undang subsidiari dan tatacara jenayah syariah negeri-negeri tidak memperuntukkan dengan jelas kedudukan suspek atau pesalah kanak-kanak.

Kanak-kanak tidak ditafsirkan dalam dua perundangan ini. Suspek atau pesalah di bawah umur dikategorikan sebagai pesalah muda atau pesalah remaja dan hanya dalam undang-undang berkaitan tatacara jenayah sahaja pada peringkat perbicaraan dan selepas perbicaraan. Oleh itu, jika seorang kanak-kanak melakukan jenayah syariah, bagaimanakah tangkapan, penahanan, geledahan dan siasatan dilakukan terhadap mereka?

Dikatakan tatacara untuk suspek dan pesalah dewasa dikuatkuasakan terhadap kanak-kanak ini. Namun, tidak ada peruntukan atau klausa penyelamat yang membenarkan peruntukan amalan ini sebagaimana dalam seksyen 84A(4) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 [*Akta A1511*]. Apakah hak suspek atau pesalah kanak-kanak ini tidak diambil kira dalam keadilan jenayah syariah di Malaysia?

Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 [*Akta A1511*] walaupun telah mengalami pindaan berkaitan tatacara jenayah terhadap suspek atau pesalah kanak-kanak, namun tidak berbidang kuasa terhadap suspek dan pesalah kanak-kanak dalam jenayah syariah. Malahan Akta A1511 masih tidak mencakupi semua tatacara pra perbicaraan. Adakah keadaan ini menghalang pihak perundangan negeri untuk menyemak kembali perundangan jenayah syariah sedia ada dan memperkasakan lagi dari sudut hak kanak-kanak?

Kebajikan kanak-kanak, walaupun mereka bergelar suspek atau pesalah, perlu dijaga dan kepentingan terbaik kanak-kanak, *best interest of children* tetap menjadi keutamaan. Adakah perkara ini juga menjadi asas kepada keperluan undang-undang yang jelas berkaitan kanak-kanak dalam perundangan jenayah syariah?

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk meneliti isu ini di peringkat Persekutuan bagi pelan tindakan seterusnya. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih banyak-banyak. Hari ini kita bersyukur dapat dijawab oleh Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, dan bersama kita malam ini- orang tanya saya, “Apakah, Dato’ Seri, *you* punya kepuasan?” Kepuasan saya apabila ramai Ahli Yang Berhormat tunggu, bersama saya sampai saya menanggungkan.

Malam ini ada kita punya Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pun ada bersama kita. Terima kasih Yang Berhormat... [Tepuk]

Ada juga kita punya srikandi, Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan kita... [Tepuk] Tahniah.

Semua inilah kepuasan saya. Jadi kita hari ini kita berbincang banyak hal insolvensi. Warga kita berbincang bagaimana hendak tolong orang yang itu ya. Baguslah tetapi pada prinsipnya kita ingat bahawasanya, bak kata orang-orang tua tadi.

*Anak ayam di atas pagar;  
Turun ke tanah memakan padi;  
Kalau hutang wajib dibayar;  
Kalau janji wajib ditepati.*

Itu sahajalah ya perkara-perkara yang saya rasa yang patut kita buat... [Disampuk]  
Oh, maaf, semua. Terlaju sedikit. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**8.45 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin atas keprihatinan menyentuh isu yang sangat penting ini.

Sukacita saya tegaskan, kerajaan amat mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan terhadap semua undang-undang syariah khususnya yang sedang berkuat kuasa di Wilayah-wilayah Persekutuan. Adalah menjadi hasrat dan dasar kerajaan pada hari

ini untuk menambah baik, memperkemas dan memperkasakan undang-undang tersebut dari semasa ke semasa.

Bagi tujuan menambah baik dan memperkasakan undang-undang syariah khususnya di Wilayah-wilayah Persekutuan, kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang dalam proses menyusun semula perundangan syariah di Wilayah-wilayah Persekutuan. Setelah selesai disusun semula, ia akan diselaraskan oleh JAKIM dengan negeri-negeri bagi tujuan penyeragaman undang-undang syariah di seluruh negara.

Proses penyusunan semula tersebut telah dimulakan dengan pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil JAKIM yang baharu pada 16 Ogos 2020 yang lalu. Jawatankuasa yang baharu disusun semula ini telah pun mengadakan mesyuarat pertama pada 2 hingga 6 September 2020 yang lalu dan telah membincangkan cadangan penggubalan beberapa undang-undang yang baharu dan pindaan kepada beberapa undang-undang sedia ada. Cadangan pindaan kepada Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 yang dikenali sebagai Akta 560 juga termasuk dalam *roadmap* JAKIM bagi penyusunan semula dan pemerkasaan perundangan syariah tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta 560 memperuntukkan tatacara berkaitan penangkapan, penahanan, penyiasatan, pendakwaan, perbicaraan dan sebagainya. Tatacara tersebut terpakai kepada pesalah dewasa dan juga pesalah kanak-kanak. Di bawah akta tersebut, tiada tatacara khusus yang mentadbir dan mengawal selia penangkapan, penahanan, penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan yang melibatkan kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun kecuali seksyen 2 yang mentafsirkan pesalah muda ertinya seorang pesalah yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun.

Peruntukan seksyen 128 yang memperuntukkan pesalah muda yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan boleh diperintahkan dengan perintah-perintah tertentu sebagai ganti kepada hukuman penjara atau apa-apa tempoh pemenjaraan kerana ingkar membayar denda.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, di bawah sistem perundangan sivil, terdapat Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*] yang memperuntukkan antara lain tatacara khusus berkaitan penangkapan, penahanan, penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Tatacara tersebut telah digubal untuk menjaga kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu, kerajaan pada hari ini berpendirian bahawa sudah tiba masanya hak kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak di bawah sistem perundangan syariah di negara ini juga diberi perhatian khusus dan serius melalui penggubalan undang-



undang baharu atau pindaan undang-undang sedia ada yang akan memperuntukkan tatacara khusus untuk mengendalikan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak bermula dari proses penangkapan hingga proses pasca perbicaraan kanak-kanak.

Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil JAKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyemak, mengkaji dan membuat analisis terhadap keseluruhan peruntukan Akta 560 dan undang-undang tatacara jenayah syariah di negeri-negeri yang telah diseragamkan pada tahun 2001.

Bagi tujuan menambah baik dan memperkemaskan undang-undang tersebut, jawatankuasa ini dianggotai oleh mantan Ketua Hakim Syarie, mantan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, mantan Ketua Pendakwah Syarie, mantan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, wakil daripada Jabatan Peguam Negara, peguam syarie dan ahli akademik.

#### ■2050

Antara perkara utama yang akan dilihat dan dikaji oleh jawatankuasa ini ialah cadangan untuk memasukkan peruntukan undang-undang baharu yang akan mentadbir serta mengawal selia tatacara pengendalian kes yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun bermula dari proses penangkapan hingga pasca perbicaraan.

Jawatankuasa ini juga akan melihat dan mengkaji dari sudut hukum syarak tentang beberapa perkara yang material seperti penentuan umur kebertanggungjawaban jenayah yang berasaskan umur baligh. Jika diteliti peruntukan undang-undang syariah yang sedang berkuat kuasa di Wilayah-wilayah Persekutuan seksyen 2, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 559*] mentakrifkan balik ertinya sudah cukup umur mengikut hukum syarak. Manakala seksyen 51, Akta 559 pula memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum baligh tidak menjadi satu kesalahan. Ini berdasarkan kepada Sabda Rasulullah SAW... [*Membaca sepotong hadis*] Antara maksudnya, diangkat panel yakni tidak dipertanggungjawabkan pada tiga perkara di antaranya budak sehingga dia bermimpi yakni akil baligh- Hadis Riwayat Abu Daud.

Walau bagaimanapun, tiada had umur tertentu ditetapkan sebagai umur baligh. Ia bergantung kepada tafsiran mengikut hukum Syarak. Jawatankuasa ini akan melihat dan mengkaji keperluan untuk menetapkan had umur tertentu bagi umur baligh untuk memudahkan pengendalian kes jenayah syariah melibatkan kanak-kanak. Selain itu jawatankuasa ini juga akan meneliti dan mengkaji keperluan untuk memasukkan peruntukan baharu yang mentakrifkan umur matang... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Dan menentukan dengan jelas had umur matang tersebut.

Dalil umur matang adalah berdasarkan Firman Allah SWT- *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong ayat al-Quran] Maksudnya, dan ujilah anak-anak yatim itu sebelum baligh sehingga mereka cukup umur dewasa, kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka yakni tanda-tanda menunjukkan bahawa mereka telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya- Surah An-Nisa, ayat enam (4 : 6).

Dengan adanya takrifan dan penentuan had umur matang... [Berucap dalam bahasa Arab] Jawatankuasa ini boleh menggubah undang-undang tatacara yang khusus bagi pengendalian kes jenayah syariah yang melibatkan kanak-kanak di bawah had umur matang tersebut termasuklah perintah-perintah tertentu yang bersifat mendidik *ta'dib* dan memulih *islah* yang boleh dikenakan oleh mahkamah syariah terhadap kanak-kanak di bawah umur matang ini bagi menggantikan hukuman penjara, denda dan sebatan.

Kerajaan pada hari ini berpandangan, bahawa undang-undang Islam itu sendiri bersifat ihsan dan *rahmah* kepada semua pihak termasuklah kepada pesalah-pesalah jenayah, apatah lagi pesalah-pesalah yang belum mencapai umur matang. Jadi, amat wajar digubal undang-undang tatacara khusus untuk mengendalikan kes yang melibatkan kanak-kanak yang belum mencapai umur matang demi untuk menjaga maslahat dan kepentingan terbaik golongan tersebut.

Hasil kajian juga analisa dan keputusan jawatankuasa ini akan diterjemahkan dalam bentuk rang undang-undang yang kana dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil JAKIM untuk kelulusan sebelum ia dibentangkan kepada negeri-negeri melalui forum-forum rundingan yang telah dirancang. Pandangan, maklum balas dan cadangan daripada negeri-negeri akan diambil kira dalam menambah baik dan memberi nilai tambah kepada rang undang-undang tersebut sebelum ia dibentangkan di Parlimen.

Selain itu, kerajaan juga amat mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin memberikan pandangan dan cadangan yang bernas ke arah memperkasakan perundangan syariah khususnya yang berkaitan dengan maslahat, dan kepentingan terbaik kanak-kanak. Kami berpegang dengan prinsip berdasarkan kaedah... [Berucap dalam bahasa Arab] Maksudnya, tindakan pelaksanaan pemerintah ke atas rakyat adalah mesti berkait dengan maslahat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi ulasan yang baik kepada kita, dan maaf tersasul tadi ya.

Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih. Sekali lagi kerana bersama-sama kami sampai akhirnya- tadi perjuangan kita, dan satu pesanan yang saya hendak bagi bahawa kita hendaklah banyak-banyak berkawan, jaga lah kita, jaga seorang pemimpin iaitu kurangkan musuh kita iaitu bak kata orang tua.

*Bawa padi dari seberang;  
Buah durian di dalam raga;  
Dilarang sekali mengata orang;  
Diri sendiri hendaklah dijaga... [Dewan tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu, 23 September 2020.

Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam]***